Bil. 82

Isnin
15 Disember 1997

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

# KANDUNGAN

**RANG UNDANG-UNDANG:**


Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) (No.2) 1997 (Ruangan 1)

Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 (Ruangan 27)

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1997 (Ruangan 64)


**USUL-USUL:**


Akta Acara Kewangan 1957 - Meminda Jadual Kedua
- *Y.B. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar* (Ruangan 26)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 37)



Diterbit Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
1999

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

" Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

" Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

" Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

" Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

" Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

" Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

" Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

" Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

" Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

" Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

" Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

" Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

" Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

" Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

" Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

" Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

" Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

" Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

" Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

" Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

" Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

" Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

" Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

" Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

" Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

" Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

" Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

" Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

" Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

" Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

" Tuan Asmat Nungka (Beluran)

" Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

" Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

" Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

" Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

" Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

" Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

" Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

" Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

" Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)

" Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

" Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

" Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

" Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

" Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

" Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

" Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

" Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

" Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

" Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

" Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

" Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

" Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

" Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

" Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

" Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

" Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

" Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

" Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

" Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

" Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

" Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

" Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

" Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

" Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

" Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

| | |
|---|---|
| Yang Berhormat | Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang) |
| " | Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar) |
| " | Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) |
| " | Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) |
| " | Tuan Lim Hock Seng (Bagan) |
| " | Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) |
| " | Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) |
| " | Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai) |
| " | Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai) |
| " | Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) |
| " | Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam) |
| " | Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat) |
| " | Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau) |
| " | Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar) |
| " | Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas) |
| " | Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) |
| " | Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh) |
| " | Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru) |
| " | Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud) |
| " | Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut) |
| " | Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun) |
| " | Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu) |
| " | Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa) |
| " | Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang) |
| " | Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau) |
| " | Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort) |

Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

" Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

" Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

" Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

" Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

" Tuan Radin Malleh (Tenom)

" Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

" Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

" Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

" Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

" Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

" Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

" Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

" Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

" Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

" Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

" Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

" Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

" Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

" Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

" Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

" Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

" Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

" Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

" Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

" Tuan Tiong Thai King (Lanang)

| | |
|---|---|
| Yang Berhormat | Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah) |
| " | Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena) |
| " | Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar) |
| " | Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) |
| " | Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) |
| " | Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang) |
| " | Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut) |
| " | Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) |
| " | Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah) |
| " | Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran) |
| " | Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu) |
| " | Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang) |
| " | Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing) |
| " | Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas) |
| " | Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah) |

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
## PARLIMEN MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha Dewan Rakyat | : | Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K. |
| Penolong Setiausaha Kanan | : | Zamani bin Haji Sulaiman |
| Penolong Setiausaha | : | Haji Mustakin bin Salamat<br>Puan Nor Hayatee binti Abdullah |

## CAWANGAN DOKUMENTASI

| | | |
|---|---|---|
| Pegawai Penerbitan | : | Azhari bin Hamzah<br>Monarita binti Mohd. Hassan |
| Pelapor Perbahasan Parlimen | : | Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.<br>Mohd Saleh bin Mohd. Yusop<br>Hajah Supiah binti Dewak<br>Mohamed bin Osman<br>Hajah Norishah binti Mohd. Thani<br>Shamsina binti Janor |
| Pembaca Pruf | : | Abu Bakar bin Hasan |

## CAWANGAN BENTARA

| | | |
|---|---|---|
| Bentara Mesyuarat | : | Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib<br>Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali<br>Mejar (B) Zakaria bin Salleh |

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 15 Disember 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) (NO.2) 1997

**Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**2.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 iaitu Akta 533 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan)(No.2) 1997 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 dan memasukkan Seksyen baru 10A ke dalam Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 iaitu Akta No. 533.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 September 1994 telah bersetuju meluluskan penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Satu akta berkaitan dengannya telah pun diluluskan oleh Parlimen dan telah diwartakan sebagai Akta LHDNM iaitu Akta 533 pada 16 Februari 1995 dan telah mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996 sepertimana yang telah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Warta Kerajaan Jilid 40 Nombor 5 bertarikh 29 Februari 1996.

Fungsi LHDNM adalah sebagai ejen kepada kerajaan dalam memberi perkhidmatan mengenai urusan pentadbiran, pentafsiran, pungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan hartanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain yang dipersetujui di antara kerajaan dan LHDNM.

Beberapa pindaan telah pun dibuat ke atas akta ini bagi membolehkan urusan pungutan cukai yang dilakukan oleh LHDNM menjadi lebih efisien di samping mengelakkan percanggahan dengan peruntukan undang-undang yang ada. Pindaan-pindaan ini telah dimasukkan ke dalam Akta LHDNM (Pindaan) 1997.

Pada awal tahun ini kerajaan telah pun bersetuju supaya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (TPTN) ditubuhkan yang bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar mengikuti kursus peringkat ijazah diinstitusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan. Satu akta yang dikenali sebagai Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 telah pun diluluskan oleh Parlimen.

Sehubungan dengan ini, kerajaan telah mengarahkan LHDNM memungut balik semua pinjaman pendidikan yang diterima oleh pelajar dari TPTN selaras dengan kehendak Seksyen 25 Akta Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Bagi membolehkan LHDNM bertindak sebagai ejen pemungutan seperti yang dinyatakan dalam Akta TPTN ini, satu peruntukan baru perlulah dimasukkan ke dalam Akta LHDNM memandangkan pada masa ini pemungutan yang dipertanggungjawabkan kepada LHDNM di bawah Seksyen 10 Akta LHDNM adalah tidak termasuk pungutan bagi mendapat balik pinjaman dari TPTN. Dengan memperluaskan fungsi LHDNM ini juga, Menteri Kewangan akan mempunyai kuasa membuat peraturan bagi mewujudkan suatu kaedah bagi melaksanakan fungsi pemungutan bayaran balik selaras dengan peruntukan Seksyen 28 Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Bagi memastikan fungsi-fungsi pemungutan dari TPTN ini dilaksana dengan kemas dan teratur, maka Seksyen 2 Akta LHDNM 1995 iaitu Akta 533 perlulah dipinda dan Seksyen 10A perlu dimasukkan dalam akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Lumut.

**2.38 ptg.**

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan di atas rang undang-undang untuk meminda Akta LHDNM 1995.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, LHDNM telah mempunyai tugas yang berat dan bertanggungjawab. Difahamkan juga jabatan tersebut sedang menghadapi kekurangan tenaga manusia dan satu sistem berkomputer yang canggih dan berkesan.

Rang undang-undang ini akan memperluaskan lagi fungsi dan tugas LHDNM dan sehubungan ini saya berharap pihak kementerian akan memberi perhatian kepada masalah kekurangan tenaga manusia dan sistem komputer supaya LHDNM boleh menangani dan menjalankan tugas tambahan sebagai ejen pemungutan balik pinjaman daripada pihak mahasiswa/mahasiswi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan pelaksanaan Tabung Pinjaman Biasiswa Pendidikan pada tahun depan. Difahamkan amaun sebanyak RM620 juta akan disalurkan kepada tabung ini dan lebih kurang kalau kita katakan satu pelajar boleh meminjam lebih kurang RM10,000, lebih kurang sebanyak 620,000 mahasiswa akan mendapat faedah dari pelaksanaan tabung tersebut. Skim ini adalah lebih bermakna pada masa krisis ekonomi yang sedang melanda negara kita yang menghadapi masalah kejatuhan mata wang Ringgit serta penurunan harga saham di BSKL.

Oleh kerana mata wang Ringgit telah turun, banyak ibu bapa tidak mampu menghantar anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran tinggi di luar negara. Tambahan pula kerana kadar pertumbuhan di negara kita telah terjejas, pendapatan kebanyakan rakyatnya telah menurun dengan akibat bahawa banyak ibu bapa tidak mampu menghantar anak mereka ke institusi pendidikan tinggi tempatan.

Jika pelaksanaan tabung ini adalah timely dan sesuai. Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan tabung ini pada jangka masa panjang, satu sistem pemungutan yang berkesan mesti ditubuhkan oleh LHDNM untuk memungut balik ansuran pinjaman dari graduan-graduan. Langkah ini adalah sangat mustahak kerana tabung tersebut adalah satu revolving fund, dengan izin dan jika pemungutan tidak berkesan ia akan menjadi semakin kecil dengan akibatnya bilangan mahasiswa yang boleh beruntung dari pelaksanaan skim ini terjejas.

Saya berharap pihak kementerian akan memberi pertimbangan dan perhatian kepada masalah pemungutan yang boleh timbul dalam kes berikut:-

(i) Pelajar-pelajar yang gagal, macam mana pungutan boleh dilaksanakan;

(ii) Pelajar-pelajar yang mati atau pesakit jiwa;

(iii) Yang lebih penting dan yang telah berlaku di negara lain seperti di negara New Zealand yang mengamalkan skim ini di mana graduannya berhijrah atau bekerja di negara lain;

Cadangan saya untuk menangani masalah di mana graduan berhijrah atau bekerja di negara lain, saya mencadangkan LHDNM menghubungi dan mendapat kerjasama dari Jabatan Imigresen supaya graduan yang meninggalkan negara boleh dikenalpastikan dan bila pasport mereka tamat dan hendak membaharui pasportnya, Jabatan Imigresen dan LHDNM boleh mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sahaja, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bagan.

**2.44 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Cuma singkat sahaja, saya ingin menanya sama ada LHDNM bersedia untuk membuat kenyataan akaun atau statement of account kepada setiap pembayar cukai kerana pada masa ini saya ingin semua pekerja dari semua syarikat perlu dipotong gaji setiap bulan dan setelah mereka dipotong gaji setiap bulan tetapi mereka tidak tahu sama ada potongan gaji yang terbagi atau accrued di dalam LHDNM adakah cukup untuk pembayaran pada tahun akhir atau ada berlebihan.

Jadi, mereka semua dalam kekaburan, tidak tahu sama ada, ada wang yang berlebihan atau berkurangan dalam LHDNM. Juga kepada mereka yang baru keluar dari sekolah dan mereka masuk ke sebuah syarikat untuk bekerja, mereka tidak ada pengalaman, sama ada mereka perlu membuat pengakuan atau income tax return pada setiap tahun kerana mereka ini selepas majikan telah memotong gaji mereka, ini bermakna mereka telah membayar cukai pendapatan dan mereka tidak mengambil tahu sama ada hendak meminta LHDNM untuk

menghantarkan borang-borang pengakuan atau income tax return kepada mereka setiap tahun.

Oleh sebab itu, pada pendapat saya ramai di kalangan pekerja-pekerja baru, mereka tidak tahu langsung sama ada mereka perlu untuk membuat income returns pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Batang Lupar.

**2.46 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya pun ingin bercakap sedikit sahaja dalam persoalan meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ini iaitu soalan biasiswa yang diberi kepada pelajar.

Kita menerima hakikat yang masih ada juga pelajar kita yang menuntut di luar negeri yang belajar ataupun meneruskan pelajaran mereka di luar negeri dan sebahagian dari mereka ini mendapat bantuan atau biasiswa dari kerajaan berlandaskan keadaan ekonomi dan peruntukan kewangan yang dahulu. Jadi, pada masa sekarang ada kemungkinan mereka ini telah tidak mendapat peruntukan yang mencukupi.

Jadi, saya juga menyebut yang extreme end, iaitu dengan izin, yang mana student yang berlagak mewah sangat semasa berada di luar negara. Kerana anak saya baru balik dari (Kalamazoo), dia kata hanya dua kereta BMW Sport di Kalamazoo, one of them belongs to the Malaysian student, katanya. Jadi, kalau perkara ini benar berlaku, kalaulah pelajar ini adalah pelajar di sponsor oleh pihak kerajaan, dengan sendirinya pihak kerajaan mesti menilai supaya jangan ada orang yang kaya, orang yang begitu mewah, yang mempunyai duit yang boleh dibelanjakan sebegitu rupa diberikan kepada mereka ini.

Jadi, saya berharap kepada kerajaan walaupun ia tabung yang kerajaan telah sediakan, biarlah semasa memberi pertolongan kepada mana-mana pelajar itu mesti juga menilai latar belakang keluarga yang berkenaan. Kalau keluarga macam keluarga saya ataupun keluarga orang kampung mungkin patut diberi, patut ditolong, tetapi kalau keluarga macam orang Tan Sri atau Tun yang menjadi orang korporat yang besar-besar, bermakna duit tidak ada nilai lagi kepada mereka, kalau kita beri pertolongan berlandaskan prestasi keputusan persekolahannya semata-mata, jadi peruntukan dari tabung ini akan sia-sia begitu sahaja kerana kita tidak hendak mereka ini menerima pertolongan dari kerajaan dan pertolongan kita itu umpama menitiskan air di daun keladi ataupun menyimbahkan garam ke laut, dengan tidak ada nilai dan penghargaan dari yang menerima.

Jadi, saya percaya bukan sahaja kita telah membelanjakan wang dari tabung itu, tetapi juga telah membazirkan wang dan tidak mendapat penghargaan yang sepatutnya daripada yang telah diberikan.

Itu dalam dua keadaan yang patut kita lihat, satu keadaan mana wang yang telah kita beri tidak mencukupi dan dalam satu keadaan lagi yang mana wang yang kita beri telah melebihi batas yang diperlukan oleh murid-murid yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa kepada pihak tertentu untuk membuat pungutan kembali/bayaran balik daripada peminjam-peminjam ataupun yang telah mendapat nikmat dari peruntukan kerajaan.

Jadi, kita pernah mendengar dalam surat khabar dan dari mana-mana bahkan saya sendiri telah melihat kerana sebagai seorang yang mempraktikkan undang-undang, kita pernah melihat orang yang datang ke pejabat kita dengan satu perkara yang salah ataupun tidak betul, datang ke pejabat kita minta nasihat berlandaskan undang-undang. Kadang-kadang nasihat kita ialah berlandaskan undang-undang, umpamanya kalau undang-undang ini untuk memungut pinjaman dari seorang pegawai polis yang di bawah pangkat Inspektor, yang meminjam wang dari kerajaan, di bawah Undang-undang Polis (Police Act) umpamanya ada satu seksyen mengatakan gaji polis tidak boleh dipotong atau tidak boleh dipaksa untuk dipotong untuk apa-apa pembayaran selain daripada kerajaan.

Jadi, soalannya di sini sama ada duit ini dianggap sebagai duit kerajaan ataupun agensi kerajaan ataupun bagaimana, kerana di bawah seksyen yang tertentu, di bawah Police Act mengatakan gaji polis tidak boleh dipotong. Dahulu orang kata 'potong meja', jadi, percanggahan undang-undang, adakah telah diperiksa betul-betul sama pemotongannya dilarang oleh akta-akta yang tertentu yang telah kerajaan luluskan untuk menjaga keselamatan mana-mana pihak yang tertentu, yang perlu mendapat lindungan dari pihak kerajaan juga.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, selanjutnya saya juga ingin menyentuh umpamanya

kalau seseorang murid yang telah mendapat pertolongan dari pihak kerajaan dan telah membuat satu surat janji dengan kerajaan, perjanjian yang tersebut mempunyai banyak loop holes, dengan izin, yang mana apabila dinilai semula, apabila dia balik jika dia mengambil jurusan engineering ataupun kedoktoran dan sebagainya kalau dia balik, dia anggaplah dokumen itu betul kalau tidak membuat perbincangan dengan peguam, tetapi kalau dia balik sebagai seorang peguam, dia balik berhujah, kadang-kadang dia cari loop holes dalam undang-undang itu dan dia tidak mahu bayar balik.

Jadi, itulah selalunya yang berlaku, kalau seorang peguam nampak tidak betul, oleh kerana dokumen yang kerajaan buat itu, adalah tidak tepat, umpamanya kalau seseorang itu ditawarkan mesti diberi tawaran kerja dahulu sebelum dia dipaksa membayar dan pelbagai syarat yang lain.

Jadi, sebelum sesuatu perjanjian dibuat dengan murid-murid ini, peruntukan diberi kepada murid sedemikian, hendaklah dinilai semula perjanjian itu dari semua segi sama ada mempunyai kelemahan yang tertentu yang mana tidak dapat dipertikaikan kuasa kerajaan untuk memungut balik pinjaman yang telah diterima dari kerajaan itu nanti, apabila dia kembali selepas menerima ijazah ataupun menerima semua nikmat yang telah diberi oleh pihak kerajaan, kerana adalah sedih sekali sebagaimana yang telah berlaku sekarang yang mana banyak pelajar-pelajar mungkin agensi lain pun banyak juga, seperti dari agensi MARA yang memberi pertolongan tetapi bila student balik ke Malaysia, mereka tidak dapat membayar balik, jadi, berjuta-juta tunggakan yang tidak dibayar, ada juga orang yang memang tidak berkemampuan membayar balik oleh sebab yang tertentu.

Jadi, sebab-sebab yang pelbagai ini ada yang disebabkan oleh period of limitation, loop holes dalam surat janji dan sebagainya. Jadi, saya fikir adalah lebih baik kalau semua pegawai kerajaan ataupun Penasihat Undang-undang Kerajaan duduk semula melihat surat janji yang telah kita rancangkan untuk diguna kepada pihak pelajar yang sedemikian supaya jangan pelajar-pelajar ini meminjam duit dan menggunakan surat perjanjian yang mempunyai banyak kelemahan dan loop holes yang tertentu kerana kita tidak hendak duit ini keciciran macam itu sahaja kerana banyak orang lain yang perlu diberi pertolongan.

Jadi, saya menyeru dari cerita-cerita yang sedemikian, saya ingin menyebut juga perkara lain iaitu perkara anak-anak luar bandar. Masalah anak-anak luar bandar ini ialah ibu bapanya kemungkinan yang tidak pernah pergi ke sekolah-sekolah, lebih-lebih lagi hendak pergi ke universiti. Kalau ada dengar pun nama universiti itu satu bangunan sahaja ataupun di sekolah itu ada satu bangunan sahaja, mereka yang terdiri dari anak nelayan, anak petani dan sebagainya. Jadi, peluang dan soal kemudahan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan itu tidak diketahui oleh pihak mereka. Saya pernah dalam membincangkan berhubung dengan dana kewangan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk menolong masyarakat pelajar Malaysia yang hendak melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dalam negeri menyebutkan supaya setiap yang berkelayakan itu mestilah diberi secara automatik, tidak payah menunggu memohon kerana kalau kita menunggu memohon memang lambat kerana kalau di Sarawak saya pernah pergi ke kawasan, saya baru balik dari kawasan pada minggu lepas, dua, tiga orang datang berjumpa saya kerana mendapat tawaran dari kerajaan bukan scholarship ini soalan tawaran dapat kerja dengan syarikat dan dapat kerja dengan jabatan kerajaan.

Tetapi malangnya surat yang diterima itu telah tiga minggu terlambat, walaupun surat itu diberi dua minggu sebelum masa tawaran, tetapi surat itu sampai kepadanya tiga minggu selepas tawaran (lapsed), dengan izin, iaitu lima minggu masa surat itu dimasuk ke dalam pos. Jadi, ini selalu berlaku di Sarawak, kita kadang-kadang rasa sedih, saya selalu bila bercakap soal pos, saya mintalah pos-pos diadakan pada setiap kampung, pegawai-pegawai mesti ada dan setiap minggu mesti ada, kalau tidak ada benda lain, 'burung' pun boleh hantar sudah sampai dalam masa lima minggu tetapi tidak dihantar juga. Jadi, oleh kerana pos ini sudah privatise, kemungkinan tidak mendatangkan hasil sangat di luar bandar.

Jadi, soalan yang sedemikian, kalau pengeluaran biasiswa yang saya sebutkan tadi menurut secara automatik dan disalur menerusi sekolah-sekolah yang tertentu, ada kemungkinan perkara ini boleh menggunakan saluran-saluran sekolah. Jadi, anak-anak kita di luar bandar kalau notis itu datang dua minggu, saya percaya ibu bapa boleh juallah cincin atau jam, perahu atau boat, engine dia boleh jual jikalau ia mahu anaknya masuk universiti. Tetapi kalau notis itu datang dua hari sebelum melapor diri ke universiti, hendak mencari duit RM1,000 macam mencari duit pendahuluan RM100,000 kepada mereka. Saya kasihan, kalau saya orang kaya setiap hari saya advertise kata boleh pinjam dengan saya, free tidak ada faedah. Tetapi malang

saya bukan orang kaya, kalau saya macam Ahli dari Labuan ini, saya bolehlah beri macam itu. *[Ketawa]* Dia sengaja diam-diam. Dia kata, kalau macam dia boleh buat, jadi tak apalah, lain kali saya minta tolong kepada Ahli Labuan.

Jadi, banyak berlaku di kawasan saya yang mana yang menerima tawaran dari pihak universiti dan pihak institusi pengajian tinggi ini telah menerima tiga minggu selepas itu dan dia tidak tahu sama ada tawaran itu boleh diterima masuk ke universiti ataupun tidak. Jadi, dia boleh minta pertolongan dahulu saya percaya pihak MARA telah mengadakan satu peruntukan yang mana mereka ini boleh berjumpa dengan pegawai MARA dalam masa 24 jam pegawai MARA boleh mengeluarkan RM1,000 untuk menolong bumiputera dengan syarat kalau ketua kampung, temenggung, penghulu ataupun Ahli Yang Berhormat dari kawasan itu memberi pengesahan yang dia betul-betul orang miskin, boleh diberi RM1,000, tetapi masalah hendak pergi jumpa MARA, kalau pun sudah 'lapsed' macam mana MARA pun tak tahu, sama ada you boleh masuk universiti ataupun tidak, kalaulah balik bercakap bertelefon dengan universiti sekarang, ia central, ia gunakan komputer, kita hendak bercakap dengan komputer macam mana?

Jadi, dia bukan bercakap dengan manusia lagi, saya telah berusaha seorang murid/pelajar, dia diterima tetapi terlambat surat, bila saya berusaha mencari macam mana hendak berhubung, saya telefon, sampai hendak telefon Yang Berhormat Menteri, macam mana, menteri pun hendak berhubung komputer sahaja yang bercakap. Jadi, line komputer penerimaan itu lain dengan yang kita berhubung di luar komputer itu. Komputer tidak berhubung lagi dengan kita, jadi saya berharap kalau mana-mana peruntukan ataupun penerimaan universiti ini patut diberi lama sedikit notis mungkin sebulan atau dua bulan, kalau kawasan macam di Sarawak, di Sabah dan sebagainya mungkin juga di Rompin, orang kata Rompin pun ada juga kawasan pedalamannya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, benda yang saya sebut tadi ada tiga perkara, satu murid yang di luar negeri membazirkan wang begitu rupa yang maknanya bapanya memang telah kaya diberi pertolongan lagi sampai dia boleh drive Ferari, Porsche dan BMW yang dipakai James Bond itu, James Bond baru yang hendak datang itu 24 haribulan ini. Kalau hendak tengok BMW yang anak saya kata itu the only two dalam Kalamazoo katanya, one belongs to the student, tengoklah James Bond yang baru datang ini 24 haribulan, itulah keretanya. Jadi, murid yang sedemikian mungkin boleh jadi doktor atau jadi apa nanti, tetapi pertolongan dari kerajaan adalah macam menabur garam ke laut.

Yang kedua, kita menilai semula peruntukan yang kita beri kepada pelajar-pelajar di luar negeri ataupun tempatan sama ada yang kita rancangkan enam bulan yang lepas sesuai untuk dalam keadaan ekonomi yang ada sekarang ini pada masa sekarang supaya anak-anak kita belajar di univesiti tempatan ataupun di luar negeri tidak duduk dalam keadaan yang papa kedana, yang tidak mencukupi untuk makan. Kalau di sini kita tidak cukup makan bolehlah cari bapa saudara atau emak saudara boleh makan di rumahnya, tetapi kalau di luar negeri macam mana hendak buat.

Jadi, mengenai pulangan balik, undang-undang kita perketatkan, kita lihat sama ada loop hole dalam undang-undang ataupun dalam surat janji pinjaman kita supaya jangan di take advantage by graduate yang balik dari universiti itu nanti dipergunakan supaya jangan perkara ini tidak dapat dipungut semula pinjaman yang telah diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, saya berharap pihak kementerian boleh melihat cadangan saya tadi sebagai satu perkara yang positif dan membina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong.

**3.02 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertindak sebagai ejen pemungutan bayaran balik pinjaman dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada memberi sebab rang undang-undang ini ialah supaya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang akan memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar, anak-anak kita untuk melanjutkan pendidikan tinggi adalah satu mekanisme di mana ada pembayaran balik pinjaman mereka dan bukan semacam berlaku masa kini di mana banyak pinjaman untuk scholarship dan lain-lain biasiswa tidak dibayar balik dan akhirnya menjejaskan satu rancangan untuk menolong anak-anak kita khasnya mereka dari keluarga berpendapatan rendah untuk melanjutkan pendidikan tinggi.

Saya rasa kita perlu membezakan di antara dua aspek pendidikan tinggi dalam memberi bantuan secara scholarship/biasiswa atau sistem galakan

yang lain, satu ialah dari segi kecemerlangan, kita perlu untuk menggalakkan excellents dalam pencapaian, excellents in achievements supaya anak-anak kita boleh mencapai keunggulan (excellent) yang setinggi-tingginya yang boleh dibandingkan dengan pelajar-pelajar di mana-mana negara dan kita perlu menggalakkan ada satu sistem untuk menggalakkan excellent. Tidak boleh dinafikan bahawa dalam 20, 30 tahun yang lalu, academic excellent adalah dikorbankan dalam satu sistem Dasar Ekonomi Baru di mana tidak menegaskan rasa excellent bukan mustahak dan pencapaian excellent ialah menjadi satu mangsa dalam satu rancangan pendidikan yang akhirnya sangat short sited tidak membawa kebaikan kepada negara oleh kerana dalam masyarakat baharu, khasnya era globalisasi kalau negara kita mahu bersaing dengan negara-negara yang lain, sangat mustahak bahawa kita mahu tenaga manusia kita boleh mencapai tahap yang tertinggi sekali, skills, kebolehan, kreatif, brain power dan saya harap bahawa bab ini tamat. Dalam bab ini di mana kita ketepikan betapa pentingnya kreatif brain power dalam kemajuan negara khasnya apabila kita mahu negara kita menjadi satu masyarakat maklumat (information society) akhirnya apa yang mustahak bukan hardware, bukan software tetapi content dalam brain power yang kita ada. Tetapi .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bersetuju pada Ketua Pembangkang - syabas. Minta penjelasan sedikit, siapa yang tidak bersetuju bahawa yang kita pilih itu misal yang terbaik, kita bersetuju. Siapa tidak bersetuju bahawa yang terpilih mesti yang excellent, kita bersetuju. Tadi, Yang Berhormat mengandaikan bahawa yang dahulu dipilih bukan kerana excellent, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, katakanlah keputusan UPSR sekarang diumumkan hari Sabtu, Alhamdulillah berjaya, tetapi bagaimana kalau kita bandingkan seorang yang dapat 5A di Kuala Lumpur yang bersekolah di Melawati atau di Bukit Bintang dibandingkan sekolah katakanlah di kawasan saya di Keratong, guru sains pun guru sangkut, ilmu hisab pun sangkut, kadang-kadang terpaksa belajar di bawah pokok kayu kerana kadang-kadang kelas tidak cukup.

Adakah bermakna Yang Berhormat, yang 3A di kawasan saya itu kurang cemerlang atau kurang baik dibandingkan dengan 5A di Bukit Bintang? Kalau itu saranan Ahli Yang Berhormat - saya tidak bersetuju. Sebab mereka ini tidak diberikan kemudahan yang mencukupi, guru yang terlatih, kemudahan yang baik, tidak bermakna 3A pada darjah 6 dia itu lebih inferior tidak baik daripada yang dapat 5A di bandar. Itu saya minta penjelasan sebab saya ingat Yang Berhormat ada sedikit kaitan kepada politik bila pada pokoknya saya bersetuju tetapi kita mesti fikir bahawa persetujuan kita bahawa itu mesti cemerlang, baik mesti on the level playing field, dengan izin. Pada kita ini negara Malaysia belum lagi level playing field kepada semua bangsa. Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Betul, saya bersetuju kita mahu level meratakan playing field, tetapi apabila Yang Berhormat dari Rompin seolah-olah percaya bahawa 3A di Keratong lebih cemerlang, lebih pandai daripada 5A di Bukit Bintang, saya rasa ini satu fikiran yang reactionery, sungguhpun saya bersetuju, .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** ....kalau begitu kita mahu satu diskaun, ada tempat 3A di luar bandar disamakan sebagai 5A di bandar - mana boleh? What type of educational theory is us, tetapi saya bersetuju bahawa kita tidak mahu menganaktirikan anak-anak kita di luar bandar oleh kerana tidak ada environment yang sempurna supaya boleh membina seboleh-bolehnya potensi mereka. Mungkin seorang yang ada 3A di Keratong kalau adalah environment, pendidikan yang baik mungkin boleh dapat 5A, tetapi bukan semestinya, saya percaya Ahli Yang Berhormat bersetuju bukan semestinya dan tentu tidak boleh samakan 3A di Keratong sama dengan di Bukit Bintang - tak boleh. Inilah jangan kita ada argument yang begitu reactionery. Tetapi saya bersetuju ......

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti! Saya bersetuju bahawa di kawasan-kawasan luar bandar di Keratong dan lain-lain mungkin kita perlu memberi segala kemudahan yang baik supaya semua anak-anak kita tidak kira di bandar atau di luar bandar boleh dapat peluang yang sebaik-baiknya, itu saya bersetuju. Tetapi kita tidak boleh kata 3A di satu tempat di luar bandar disamakan dengan ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti! Kalau tidak suka nanti boleh berucap sendiri on your own playing field. ..... 3A di luar bandar ialah sama dengan 5A di bandar. Ini tidak semestinya, itu yang pertama.

Yang kedua, sungguhpun saya boleh bersetuju bahawa kita perlu ada satu sistem pendidikan di mana sesiapa tak kira geografi boleh membina potensi mereka semaksimum tetapi kita tidak boleh mengadakan satu sistem di mana mereka yang ada kecemerlangan, mereka dihalau dari sistem main stream pendidikan, yang berlaku dalam dua, tiga tahun ini. Mereka ada 6A, 7A, 8A tidak ada tempat dalam tanah air kita dan sebab itulah ada migration professional yang keluar dari Malaysia ke Australia, United States - kenapa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti! Dan itulah apa yang downside sistem ini yang tidak menegaskan menghargai kecemerlangan dan akhirnya bukan sahaja negara tidak untung, bukan sahaja individu tidak untung, negara pun tidak untung. Dan sebab itu, kita lihat mungkin kalau cerdik pandai kita dalam 70-an, 80-an mereka ada tempat di dalam negara kita mungkin kita ada satu pool intelectual brain power dan akan memberi negara kita lebih resilience untuk menghadapi krisis ekonomi dan kewangan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti. Dia boleh nanti. Saya akan beri. Saya ..... my trend of thaught, jangan kacau, jangan ganggu dan itu mustahak. Saya bersetuju kita perlu memberi segala pertolongan kepada mereka yang mundur, tidak ada environment yang baik tetapi tanpa mengorbankan mereka yang unggul, mereka yang cemerlang, itulah sebab saya kata bahawa sampai sekarang bahawa Dasar Ekonomi Baru ialah satu adverse, negative effect ialah mengorbankan kecemerlangan dan sesiapa yang dikorbankan ialah anak rakyat Malaysia, tidak kira kaum.

Dan itulah saya ada sebut ada dua aspek mengenai .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin, duduk dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada dua aspek mengenai pendidikan tinggi. Satunya ialah kecemerlangan khasnya ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin, duduk dahulu.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh berdiri, boleh berdiri! *[Ketawa]* ... khasnya oleh kerana kita dalam satu ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau tidak beri, cakap tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia belum beri lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh tunggu!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha, tunggu, saya tunggu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata bahawa khasnya negara kita dalam satu saat menghadapi persaingan yang begitu hebat, tekanan yang begitu hebat, kalau kita mahu boleh sebagai world class negara, sekarang nampaknya world class, lima bulan dahulu kita sentiasa dengarlah world class negara kerana sekarang tak dengar lagi oleh kerana ekonomi kita begitu sakit, become a sick man .....

**Seorang Ahli:** Because of DAPlah!

**Tuan Lim Kit Siang:** DAP begitu kuat. Kalau begitu kita ambil alih pemerintahanlah, siapa yang memerintah negara ini?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Di luar tajuk kita, keluar daripada tajuk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tertib ya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi sungguhpun kita ada menghadapi krisis ekonomi ini, perlu terus menjadi matlamat kita bahawa kita mahu muncul sebagai sebuah world class nation dan sebab itu ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun lagi ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta tentang pendidikan, sebelum Ahli Yang Berhormat Tanjong terus kepada perkara lain, .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri. Kita terus mahu menjadi matlamat sebagai world class nation ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kota Melaka selalu beri, bapa tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan tawar-menawar. Dia tidak beri laluan.

**Tuan Lim Kit Siang:** World class nation sangat mustahak kita memberi keutamaan kepada pendidikan khasnya daripada yang pertama - kecemerlangan. Yang kedua - pendemokrasian supaya anak-anak kita yang ada satu base yang luas boleh mendapat peluang pendidikan setinggi-tingginya dan ini kita mengalu-alukan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan kalau tidak silap inilah supaya sungguhpun ada korporatisasi institusi pendidikan tinggi, inilah satu tabung supaya mereka yang tidak mampu, dari keluarga yang tidak mampu masih ada peluang untuk meneruskan pendidikan tinggi mereka.

Saya rasa inilah satu aspek mengenai pendemokrasian. Dan kita mengalu-alukan dan kita sokong dengan satu syarat bahawa masa sudah sampai, bahawa kita ada satu pendemokrasian yang setulen-tulennya, sebenar-benarnya khasnya apabila matlamat Visi 2020 ialah untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia. Masa sudah sampai di mana pelaksanaan dasar ini khasnya dari segi memberi bantuan scholarship kepada anak Malaysia untuk melanjutkan pendidikan mereka di institusi pendidikan tinggi diberikan ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Point of order?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Machang, yang ke berapa?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ya, point of order 36(1), Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** 36(1) ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** 36(1). Bil ini adalah berkait dengan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menjadi ejen pemungut. Saya tidak tahu mengapa berbincang soal scholarship, soal pendidikan dan sebagainya yang pada saya langsung tidak berkait, mengapa dibincangkan ini?

**Seorang Ahli:** Bersetuju, bersetuju!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah Yang Berhormat! Saya akan buat keputusan.

Yang Berhormat, bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 36(1), kalau kita baca dengan teliti rang undang-undang yang sedia ada, saya rasa apa Yang Berhormat Tanjong bangkitkan itu jauh terkeluar dari perangkuman walaupun Yang Berhormat, saya tidak berniat hendak menyekat Ahli Yang Berhormat daripada berucap atau berbahas ataupun memberi contoh tetapi perangkumannya, saya rasa tidak ada kena-mengena dengan apa Yang Berhormat bangkitkan tadi. Sekadar contoh saya beri, tetapi jangan Yang Berhormat ghairah sangat menyentuh isi kandungan yang sama tadi.

**Seorang Ahli:** Gulung!

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri apabila membentangkan rang undang-undang ada menerangkan ini oleh kerana Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, bukan saya invent ciptakan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan kalau bukan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, bil ini pun tidak datang ke Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya hendak mencelah sedikit. Sebenarnya apa Yang Berhormat bangkitkan itu kalaulah dalam perbahasan Belanjawan tidak ada soal, sebab yang ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Adakah Yang Berhormat harapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ini menjawab soalan-soalan yang bersabit dengan Kementerian Pendidikan. Saya rasa itu tidak kena Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Padang Terap, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, selepas Bil saya ini dan selepas Usul yang saya akan bawa, ada satu Bil yang akan dibentangkan oleh Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat boleh bincang dalam Bil itu berkenaan hal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, itu satu cara juga Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu pembayaran balik, mengenai pinjaman yang dikeluarkan oleh Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan saya mahu menegaskan mengenai beberapa ciri yang perlu diikuti kalau kita tidak mahu berlaku penyelewengan dalam pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional semacam Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, bila kata BMW, apa sangkut-paut lebih jauh tetapi Ahli Yang Berhormat dari Machang, kita tahulah dia sekarang trying very hard to get into either or Parliamentary Secretary or Deputy Minister can do, anything to dishonour himself.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Sangat malulah. Tidak ada kewibawaan, tidak ada integriti ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) ini. Saya bangun di atas 36(6)ini, saya bercakap. Ini tuduh di bawah 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini siapa yang ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk jawatan boleh buat apa-apa sahaja, boleh bercakap apa-apa sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order 36(6).

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, untuk jawatan boleh buat apa-apa. Malulah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, sabar! Ada Peraturan Mesyuarat dibangkitkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kota Melaka suruh Tanjong duduk dahulu. Takkanlah ayah tak ikut cakap anak! Makin lama, makin tua ini kena ikut cakap anak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau salah pula haluan nanti susah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain! Ini sangkaan jahat mengatakan Ahli Yang Berhormat dari Machang. Isu yang dibawa itu isu teknikal. Apa dikaitkan dengan politik? Tak ada ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduklah, duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup! Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya buat keputusan. Yang Berhormat Tanjong diingatkan walaupun Yang Berhormat hendak lepas geram, saya rasa janganlah setakat itu Yang Berhormat. Sebab yang itu sangkaan jahat itu saya rasa nyata sangat. Sama ada seseorang Ahli itu dia ghairah atau tidak, hendak menjawat jawatan apa sekali pun. Saya rasa itu tidak kena-mengena.

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah kita hormat keghairahan dialah. *[Ketawa]* Sehingga boleh buat apa-apa tak kira ada martabat atau turunkan martabat, kita hormat dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu pun kebebasan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kebebasan ya. Kita hormat! *[Ketawa]* Hormat dia!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik kepada tajuk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya berbalik kepada tajuk. Saya harap bahawa dalam pinjaman mengenai Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bahawa prinsip pendemokrasian boleh diikuti dan bahawa kita mengikut keperluan dan tidak ada kuota mengikut kaum lagi dan itulah sebab saya kata bangsa Malaysia. Dan tentulah kalau ikut ini sesiapa

yang perlu bantuan daripada pendidikan tinggi kita beri oleh kerana ialah rakyat Malaysia tidak kira orang Melayu, orang Cina, orang India, Kadazan, Iban dan kalau Tabung itu tidak cukup - tambah Tabung itu supaya kita memulakan satu bab, satu zaman bukan sahaja pendemokrasian tetapi pemalaysianan, full Malaysianisation of educational process. Dan saya harap itu boleh menjadi satu ingatanlah.

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut bahawa ini untuk memindakan Subseksyen 10A dan sebenarnya kalau kita baca peruntukan ini, dengan izin,

"The principle Act is amended by inserting after Section 10 the following section:

> *10A. (1) Notwithstanding Section 10, the Board may act as a collection agent for and on behalf of anybody ...."*

Bukan sahaja Tabung Pendidikan Tinggi Nasional,

> *"... for anybody for the recovery of loans due for repayment to that body under any written law,*
>
> *"(2) For the purposes of the section the Minister may, from time to time, give directions and make regulations in relation to the collection of the repayments."*

Bukan terhad kepada pendidikan, bukan terhad kepada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, tetapi untuk apa-apa tujuan dan barulah Menteri Kewangan sahaja buat keputusan sama ada diberi kuasa atau tidak diberi kuasa, sama ada bukan sahaja dalam bidang pendidikan, mungkin bidang pelancongan, bidang perbankan, bidang kewangan dalam krisis ekonomi dan kewangan sekarang masalah repayment, hutang-hutang masalah utama. Masalah pokok akan satu hari mungkin Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia akan menjadi chief debt collector dalam Malaysia, mungkin caj komisen sebagai penswastaan - boleh?

Kita tahu ada wonder boy 27 tahun boleh dapat RM1.2 bilion mungkin tidak boleh kutip wang balik dari pinjaman dia, adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia akan menjadi chief debt collector untuk wonder boy ini RM1.2 bilion bayar hutang dia atau mahu cari bapa dia?

Ini kalau skop ini begitu luas bukankah kita perlu akan hadkan untuk pendidikan begitu luas atau mahu menjadi debt collector untuk bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan. Saya rasa inilah kita perlu lebih spesifik fokus dan tidak begitu wide, tidak begitu luas khasnya apabila tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa tujuan rang undang-undang ini ialah supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia lebih efisien, kita bukan sahaja mahu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia lebih efisien tetapi lebih transparent supaya boleh dilihat oleh orang ramai bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak memilih ....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tumpat bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, kalaulah soal isu RM5 juta untuk baiki Istana Menteri Besar Selangor ...

**Seorang Ahli:** Hoi luar itu, luar!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ... telah menjadi satu isu yang begitu hangat sekarang ini. Apakah tentang pemilikan harta yang luar biasa oleh anak-anak menteri atau Perdana Menteri dalam negara kita ini tidak perlu pihak BPR membuat penyiasatan dan penyelidikan dan memberi laporan kepada Parlimen ini? Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Memang saya bersetuju bahawa isu-isu sama ada ubahsuai kediaman Menteri Besar Selangor RM5 juta atau mengenai kekayaan atau harta saudara-mara, pemimpin-pemimpin tertinggi di negara kita adalah isu yang hangat tetapi mungkin kita tunggu apabila ada rang undang-undang mengenai BPR. Tetapi ada aspek yang ada kena-mengena dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.......

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun lagi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tambahan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Maksud saya dalam konteks......

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tumpat dinasihatkan biarpun Yang Berhormat diberi laluan untuk soal, tetapi saya rasa

jangan cuba memesongkan ahli yang berkenaan. Saya tidak mahu nanti yang perbahasan ini terpesong jauh sangat, merayau sahaja.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, persoalannya income tax. Pointnya income tax. Saya ingin bertanya berapakah income tax yang telah dibayar oleh pihak orang-orang yang terlibat yang mempunyai harta yang luar biasa. Ini adalah merupakan satu hal yang saya rasa perlu ditimbulkan dalam isu ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini sangat relevan mengenai berapa income tax ada dibayar oleh saudara mara yang nampaknya begitu kaya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab nantilah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat pendapatan dari Ketua Pembangkang.......

**Beberapa Ahli:** *[Sorak]*

**Tuan Michael Lisa Kaya:** 'Pendapatan' salah itu.

**Tuan Lim Hock Seng:**.....pendapat Ketua Pembangkang kepada mereka yang ada membawa RM2.4 juta merayau-rayau di negara luar sama ada dia perlu membayar cukai?

**Tuan Lim Kit Siang:** Perkara bukan sama ada beliau bayar cukai, soalannya ialah sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ambil tindakan siasat perkara ini dan inilah satu isu yang sangat relevan. RM2.4 juta tunai dibawa oleh bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib ke Australia, dia langgar undang-undang, itu hal yang lain, tetapi apa yang mustahak kenapa dia ada wang begitu banyak, bukan sahaja RM2.4 juta cash, ada harta hartanah di Australia, ada rumah dalam nama isteri dia, ada ally mony RM16 juta, semua RM30 juta.

Saya bukan bangkitkan aspek BPR - korupsi, tetapi aspek bayar cukai. Adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri memulakan siasatan kenapa bekas Menteri Besar Selangor boleh dapat wang begitu banyak, harta begitu banyak RM30 juta. Adakah semua ini diisytiharkan dalam income tahunan beliau? Kalau tidak, apakah tindakan diambil? Sampai sekarang tidak nampak apa-apa tindakan diambil. Bagaimana kita boleh kata bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri efisien apabila ada satu ikan yu, ikan jerung di sini tidak boleh ambil tindakan, tidak boleh bertindak.

Saya harap perkara ini kita tunggu, ini bukan satu kes yang berlaku semalam, kes ini berlaku pada bulan Disember tahun lalu, cukup satu tahun. Kalau cukup satu tahun Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak pernah ambil tindakan atau tidak boleh memberi laporan mengenai apa tindakan diambil, tentulah Lembaga Hasil Dalam Negeri ini hilang kepercayaan orang ramai khasnya mengenai kewibawaan Lembaga itu untuk menjaga kepentingan negara. Saya harap bahawa kita boleh dapat satu jawapan yang jelas dalam perkara ini.

Dua perkara kecil lagi sebelum saya akhiri. Yang pertama bahawa saya menegaskan saya menyokong tabung ini di mana kita perlu meminda akta supaya boleh membuat satu mekanisme tetapi saya harap kita ambil berat mengenai pentingnya kecemerlangan pendemokrasian, kemalaysiaan dan kita perlulah mengadakan satu target di mana kita patut bercita-cita mencapai 30% ke 40% anak-anak kita - age group, boleh mendapat pendidikan tinggi supaya kita boleh bersaing dengan negara-negara yang lain menjadi satu world class nation.

Kedua, saya harap bahawa tabung ini akan dibuka untuk membantu anak-anak kita yang sekarang stranded di luar negara oleh kerana kejatuhan Ringgit. Ada 50,000, 60,000 anak-anak kita yang melanjutkan pendidikan tinggi sekarang mereka stranded oleh kerana kejatuhan Ringgit. Kalau dahulu mereka perlu RM50,000, kalau kejatuhan Ringgit hari ini RM3.8150 ke 1 US Dollar, sudah jatuh lebih daripada 52% bila dibanding dengan 2.50 per US Dollar. Ini bererti kalau RM50,000 ibu bapa yang perlu menanggung pendidikan anak mereka di luar negeri, sekarang sudah menjadi 24,500. Kalau taruh dalam share market untuk convert lebih dahsyat 12,000 sahaja. Share market jatuh 60%, Ringgit jatuh 50% dan tabung ini patut dibuka untuk membantu anak-anak yang stranded di luar negeri supaya mereka boleh menghabiskan pendidikan mereka dan membantu ibu bapa mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Mersing.

**3.35 ptg.**

**Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan pindaan kepada Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sentiasa berubah, begitu jugalah apa yang telah terjadi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dari sebuah jabatan kerajaan, kini ia bertukar status kepada Lembaga malah setiap kali belanjawan negara dibentangkan di Dewan yang mulia ini, ia sudah tentu melibatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri secara langsung sebagai organisasi yang mentadbir dan melaksanakan sistem cukai negara.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hasil Dalam Negeri dilembagakan dengan tujuan memungut hasil cukai langsung negara dengan lebih efisien. Setakat ini berasaskan kepada rekod prestasinya, Lembaga telah dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan begitu cemerlang sekali. Tahniah saya ucapkan. Sungguhpun kadar cukai kerap dikurangkan, namun pungutan hasil cukai langsung negara sentiasa meningkat tahun demi tahun. Sebagai bukti, pungutan hasil pada tahun 1994 lebih RM20 bilion, tahun 1995 RM22.6 bilion dan 1996 melebihi RM26 bilion. Manakala bagi tahun 1997, mengikut anggaran belanjawan negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memungut RM23.65 bilion. Saya menjangka jumlah sebenar yang dapat dipungut akan lebih daripada yang dianggarkan. Jumlah pungutan cukai ini jika ditunjukkan dalam bentuk peratusan, ia melebihi daripada keseluruhan hasil negara. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan seksyen 10 ini maka tugas dan tanggungjawab Lembaga Hasil Dalam Negeri sekarang bukan lagi setakat menjadi ejen memungut hasil cukai langsung kerajaan, tetapi juga menjadi ejen memungut balik pinjaman bagi pihak mana-mana badan. Bila tugas bertambah, maka sudah tentu beban kerja juga turut bertambah dan semestinya memerlukan tambahan kemudahan seperti tenaga kerja, ruang pejabat, peralatan dan sebagainya yang semuanya melibatkan kos sepertimana yang dinyatakan dalam huraian rang undang-undang ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus mengambil sikap bahawa keseluruhan tanggungjawab berhubung dengan pungutan bayaran balik ini diletakkan semata-mata kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Badan-badan yang memberi pinjaman juga perlu mengambil tanggungjawab untuk membekalkan maklumat dan juga memberikan segala kerjasama yang diperlukan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memudahkannya melaksanakan tanggungjawab tambahan ini dengan berkesan sebagaimana dihasratkan.

Tentang beban kerja tambahan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, saya ingin mengaitkannya dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 berhubung dengan had masa statutori yang dipendekkan dari 12 tahun kepada 6 tahun di mana pindaan berkenaan dicadangkan di dalam Belanjawan 1998. Implikasi dari pindaan ini ialah cukai bagi sesuatu tahun taksiran tidak boleh dibangkitkan selepas 6 tahun. Sebagai contoh, selepas tahun 1998, cukai bagi tahun taksiran 1993 dan sebelumnya tidak boleh lagi dibangkitkan ke atas seseorang pembayar cukai. Biasanya sesuatu taksiran itu terutamanya bagi pendapatan dari perniagaan perlu dipinda apabila sesuatu maklumat baru diperolehi. Kadangkala maklumat yang diberi oleh pembayar cukai dalam borang return cukai tidak mencukupi dan Lembaga Hasil Dalam Negeri terpaksa mengeluarkan surat query.

Berdasarkan kepada pengalaman saya semasa bertugas di Jabatan Hasil Dalam Negeri dahulu, jika jawapan lambat diperolehi atau sukar diperolehi, maka sudah tentu cukai tidak dapat diselesaikan dengan segera. Saya yakin dengan cadangan pindaan had masa statutori kepada enam tahun ini, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan sedaya upaya dan mengikut budi bicara menyelesaikan apa-apa taksiran bagi tahun 1953 dan sebelumnya dalam tahun 1998 juga. Ini menunjukkan had masa statutori yang disingkatkan akan menambahkan tekanan dan beban kerja yang sedia ada. Dengan situasi demikian saya khuatir ia akan menjejaskan prestasi Lembaga Hasil Dalam Negeri yang cemerlang dan seterusnya pungutan hasil negara sekiranya langkah sewajarnya tidak diambil. Justeru itu, saya mencadangkan kerajaan memberi peruntukan yang lebih kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menambah kakitangannya sesuai dengan beban kerja tambahan agar segala matlamat yang ditetapkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri tercapai.

Selain daripada itu, untuk jangka panjang, Lembaga Hasil Dalam Negeri hendaklah computerisekan sistem pungutan cukai langsung negara dan pembayaran balik pinjaman pendidikan kerana untuk Kementerian Pendidikan sahaja, saya difahamkan, kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta kepada dana pendidikan tinggi dan jumlah ini akan meningkat lebih tinggi pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, negara sekarang sedang menghadapi masalah kejatuhan nilai wang dan harga saham. Kesan daripada kejatuhan sudah mula dirasai dan akan lebih dirasai pada tahun hadapan.

Perniagaan akan terjejas. Oleh kerana pendapatan tahun 1997 ditaksir dalam tahun 1998 dan cukai perlu dibayar dalam tahun 1998 juga, maka peniaga-peniaga mungkin menghadapi kesulitan untuk membayar cukai perniagaan mereka, tambahan pula dalam keadaan di mana terdapat taksiran tambahan bagi tahun-tahun sebelumnya. Setahu saya peniaga tidak terlibat dengan potongan cukai berjadual seperti mereka yang makan gaji. Bagi peniaga, mereka dibenarkan menjelaskan cukai secara ansuran dalam tempoh yang singkat.

Justeru itu, atas dasar semangat persyarikatan Malaysia, saya ingin mencadangkan agar peniaga juga dibenarkan membayar cukai dalam tempoh yang lebih selesa bagi menghadapi kemelut ekonomi ini. Walau bagaimanapun, kelonggaran yang dicadangkan ini hanya semasa negara menghadapi masalah ekonomi sekarang. Apabila keadaan telah pulih, kita boleh balik kepada sistem yang diguna pakai sekarang ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pemuda UMNO Malaysia merangkap Ahli Parlimen Bagan Datok yang tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan pada hari ini yang mencadangkan pengecualian cukai diberikan kepada syarikat-syarikat Malaysia yang membawa pulang keuntungan yang diperolehi dari luar negara. Saya bersetuju dengan cadangan ini, lebih-lebih lagi dalam suasana negara menghadapi kemelut ekonomi sekarang. Memang benar pada masa ini sudah terdapat pengecualian cukai bagi keuntungan yang diremit ke Malaysia oleh syarikat-syarikat yang bermastautin di Malaysia tetapi ia tidak termasuk pengecualian bagi industri-industri penting dan besar dari segi saiz dan modal seperti perkapalan, perbankan, perindustrian dan pengangkutan udara. Bagi keempat-empat industri yang melibatkan modal yang besar ini walaupun keuntungan tidak berbalik tetapi ia masih tertakluk kepada cukai Malaysia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, jika kita ingin melihat syarikat-syarikat Malaysia berkembang lebih jauh dan cepat terutama di luar negara, kerajaan haruslah mempertimbangkan untuk mengecualikan keuntungan ini dari cukai pendapatan agar wang ini bukan setakat dibawa balik untuk disimpan di bank tempatan, tetapi yang lebih penting bagi membantu pembangunan dan keperluan negara terutama pada saat ini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Mas Gading.

**3.42 ptg.**

**Dr. Patau Rubis [Mas Gading]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong bahawa usul pindaan undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibaca kali kedua sekarang, dengan ini juga saya ingin sedikit sebanyak mengambil bahagian perbahasan berikut pindaan ini.

Kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan undang-undang ini dan saya juga ingin memberi sedikit pandangan untuk menolong pegawai-pegawai yang terlibat pada masa hadapan untuk memudahkan bayaran balik pinjaman-pinjaman tertentu kepada badan-badan yang tertentu kerana masalah yang timbul dalam negara kita sekarang ialah 'unlevel playing field' kata kawan-kawan saya tadi, bukan sahaja pada masa rakyat kita ingin mencari jalan macam mana boleh mencapai impian tertentu. Tetapi selepas mereka belajar pun, masa beliau pulang balik, orang yang mahu bayar pinjaman, mahu cari kerja, mungkin tidak dapat bekerja. Mungkin dapat bekerja tetapi tidak cukup dari segi gaji mereka untuk membayar semula pinjaman tertentu, bagai masalah yang timbul semula juga seperti kata kawan saya dari Batang Lupar tadi. Orang yang mahu belajar dari segi kelulusan persekolahan boleh pergi ke universiti tetapi tidak dapat pergi ke universiti kerana tidak ada mencukupi wang. Walaupun ada tabung dalam negara kita ini, kita dengar ada beratus-ratus juta ringgit pada tiap-tiap tahun, bukan sahaja dari kerajaan pusat tetapi dari kerajaan negeri, tetapi ada juga lagi rakyat kita ketinggalan kerana walaupun ada tempat di universiti tetapi kerana tidak mencukupi wang, mereka tidak dapat pergi ke sekolah mengikuti apa sahaja kursus yang mereka ingin mengikuti. Jadi, timbul masalah itu.

Tambah lagi pula kepada mereka, sepertimana kata kawan saya dari Batang Lupar tadi, dapat membeli motokar masa bersekolah tetapi memerlukan pinjaman wang dari tabung-tabung tertentu. Kalau perkara ini terus berlaku pada masa hadapan, akan terus menjadi masalah dalam masa pembayaran kerana orang yang mahu main-main minta wang untuk belajar, janganlah rasa terkejut atau gempar jikalau mereka tidak bayar selepas dia bekerja kerana sikap mereka sudah mahu cari jalan untuk mengumpul wang mencari kekayaan diri sendiri. Jadi jikalau masa dia mahu belajar, beri maklumat tidak tentu, mengguna tabung atau

pinjaman (loan) dari pihak tertentu, tentunya nanti masa dia bayar pun dia mahu cari jalan supaya dia tidak payah bayar, supaya wang yang ada itu mungkinlah beli saham (share) atau untuk berniaga yang lain. Jadi masalah yang timbul ini dari mulanya kita beri pinjaman itu akan menjadi masalah masa kita mahu bayaran pinjaman tertentu.

Jadi saya harap kerana masalah ini, tidak payah saya kata ini masalah manusia - kemanusiaanlah, saya harap juga LHDN kata kawan saya tadi, kita selalu pakai nama pendeknya, tetapi baik lagi kawan saya timbalan menteri kata LEDAM, dari 'Lembaga', dari 'Hasil', dari 'Dalam', 'Malaysia' - jadi LEDAM. Ada juga Adam di sana sebagai nama ada kemanusiaan - Adam, permulaan manusia. Jadi masa pungutan, saya minta Lembaga yang bertanggungjawab pada masa hadapan ambil kira masalah kemanusiaan yang mahu main-main, tetapi ada juga manusia yang terus-menerus, jangan orang yang honest itu kena penalti. Orang yang pandai main dapat peluang lebih lumayan. Jadi bagaimana Lembaga akan memungut supaya pungutan itu tidak akan menjadi beban kepada anak muda kita yang baru balik dari universiti dengan bekerja untuk menubuhkan rumah tangga mereka. Berapa peratus patut dia memungut dari gaji mereka tiap-tiap bulan. Ini patut dikira dengan baik. Kerana orang yang betul-betul membayar itu akan mengikut arahan tetapi orang yang lain, yang saya kata tadi ada wang, tetapi lagi perlu pinjaman akan create an other unlevel playing field dalam golongan tertentu. Jadi ini saya harap kerana pindaan ini akan memudahkan kita ambil bayaran balik bagi pinjaman yang tertentu supaya tabung pinjaman negara kita tidak menurun di paras tertentu. Saya harap juga janganlah peluang yang ada diberi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadi beban untuk orang yang baik, orang yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang saya mahu bawa sebagai contoh, tetapi tidak payahlah kerana saya harap Lembaga Hasil kita walaupun perlu di segi kita meningkatkan hasil negara kita, meningkatkan pungutan kita, janganlah menjadi badan yang boleh membunuh entrepreneurship kepada mereka yang berani, sanggup cari jalan untuk memulihkan ekonomi kita, tetapi dari segi kekurangan wang mereka tidak berapa kuat berbanding dengan orang lain. Ini saya harap mereka yang bertugas harus memikirkan sebaik-baiknya bagaimana cara kita memungut dengan menambah hasil negara kita tetapi tidak menjadi beban kepada mereka yang betul-betul bekerja kuat, kerana ketika ini kita tahu orang yang bekerja dengan kerajaan, semua pekerja dan jabatan awam, cukai mereka dibayar seratus peratus; yang patut dibayar, mereka bayar seratus peratus tetapi bagaimanakah mereka yang boleh membawa Mercedes, bawa motokar yang lebih mewah, berapat peratusankah dari pendapatan mereka dipungut oleh Lembaga. Soalan-soalan ini perlu difikir sedalam-dalamnya, kerana jikalau kita dalam negara ini beri laluan atau peluang kepada orang tidak bertanggungjawab untuk menambah hasil negara kita, untuk tujuan kerajaan membangunkan negara kita lagi, tetapi orang yang bekerja kuat mengikut jam tertentu, they had to pay, to the last cent as a civil servant, dengan izin. Saya membayar cukai dahulu to the last cent tetapi bagaimana kawan-kawan saya yang tidak bekerja di jabatan-jabatan kerajaan. Ini satu cabaran untuk pegawai-pegawai kita yang membuat pungutan, bukan sahaja dari pinjaman ini tetapi dari semua source yang lain.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mas.

**3.50 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk memberi sedikit pandangan berkenaan dengan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya rang undang-undang ini yang kita hendak pinda dan diluluskan, kena dan tepat pada masanya dan saya rasa hanya dua fakta yang penting yang saya akan tekankan di sini iaitu mengenai para 3, iaitu:

'3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

> *10A. (1) Walau apa pun seksyen 10, Lembaga boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis'.*

Mengenai paragraph ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan ini dan mengucapkan tahniah oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diberi tugas untuk menjadi ejen

memungut balik bayaran-bayaran yang semestinya dibayar oleh pemegang-pemegang scholarship yang sudah bertugas ataupun berkhidmat selepas melanjutkan pelajaran mereka. Banyak yang kita dengar tadi adalah contoh-contoh bagaimana penyalahgunaan privilege tertentu dan oleh kerana itu, itulah sebab ada kemungkinan besar rang undang-undang ini dipinda.

Saya adalah salah seorang ahli di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, dengan izin, put on record here, Lembaga Hasil Dalam Negeri sejak tahun-tahun kebelakangan ini kerana saya sudah menduduki PAC selama tujuh tahun, banyak perkembangan yang boleh dikatakan mengambil pandangan kita. Oleh kerana itu, dengan memberi tugas yang begitu berat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, saya juga ingin bertanya kepada timbalan menteri walaupun di dalam akta ini ada implikasi dari segi melibatkan kerajaan iaitu perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini, saya berharap oleh kerana prestasi Lembaga Hasil Dalam Negeri setakat ini sudah boleh dikatakan menggembirakan kita semua, prestasi yang cemerlang, tidak payah saya sebutkan angka-angka untuk menyokong apa yang saya katakan ini oleh kerana rakan daripada sebelah sana menyebutkan angka yang sesuai tadi, yang saya ragui ataupun bimbang sekali nanti oleh kerana pencapaian prestasi mereka untuk memungut cukai-cukai adalah begitu baik. Kita memberi satu tugas sekali lagi. Saya ingin bertanya adakah tugas ini diberikan dengan tanggungjawab daripada kerajaan untuk membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri dari segi sokongan kakitangan dan pegawai-pegawai tertentu.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, membaca laporan tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, faktor-faktor penting yang pertama yang memberi kejayaan dan prestasi yang begitu cemerlang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia iaitu oleh kerana sokongan, bantuan dan komitmen yang tinggi daripada pengurusan atasan. Maksud saya menyuarakan di sini iaitu sekiranya kita tugaskan Lembaga Hasil Dalam Negeri mulai daripada sekarang, selepas ini rang undang-undang ini diluluskan, kita berharap tujuan dan matlamat kita untuk memberi mandat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai ejen pemungutan dapat dijalankan dan dilaksanakan mengikuti objektif kita.

Saya rasa ini yang saya perlu tekankan di sini dan saya berharap sokongan daripada fizikal dan daripada segi yang lain-lain harus diberi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri juga merasa dukacita apabila kita mendengar mengenai penyalahgunaan ataupun dengan izin, the privilege given to certain people seperti yang saya dengar daripada rakan dari Batang Lupar dan lain-lain rakan dari sebelah sana, unlevel playing field, misal kata. Yang penting di sini iaitu sistem-sistem yang kita wujudkan memang tidak semestinya seratus peratus boleh dikatakan, dengan izin, problem free. Tetapi yang penting iaitu bagaimana kita dapat melaksanakan dan menjalankan objektif tertentu dengan sokongan-sokongan yang tertentu.

Misal kata, cadangan pihak MARA untuk memungut pembayaran balik daripada mereka yang sudah meminjam untuk melanjutkan pelajaran. Kita merasa bangga oleh kerana ada perubahan, tetapi di dalam kawasan saya satu kes seorang peguam, kebetulan juga saudara saya seorang peguam. Saya mengatakan kepada saudara ini, kenapa you tak bayar balik pinjaman you daripada MARA? Dia mengatakan, banyak masalah yang dihadapi. Kalau kita banding ataupun kaji dengan secara mendalam, memang beberapa alasan yang diberikan itu munasabah. Itulah sebabnya di sini saya juga bertanya kepada Dato' Timbalan Menteri, sekiranya rang undang-undang ini diluluskan apakah secara terperinci *modus operandi,* dengan izin, bagaimana Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat menjalankan tugas sebagai ejen pemungutan. Seperti yang saya katakan tadi, saudara tersebut mengatakan, dengan izin, I am waiting for MARA to publish my name in the paper, then I will take action against them, dia berkata.

Tuan Yang di-Pertua, saudara ini seorang peguam, orang bumiputera, tetapi bagi pihak anak petani yang bukan kelulusan peguam, mereka tidak ada pilihan yang lain, mungkin membayar balik. Ini saya rasa satu perkara yang penting harus diambil kira. Seperti yang saudara katakan tadi, ada loop-holes, dengan izin, di dalam perjanjiankah, harus dikaji semula oleh kerana saya rasa kerajaan sekarang ini dari tahun ke setahun kita meningkat dari segi prestasi dan pegawai-pegawai kerajaan pun didorong untuk meningkatkan pelajaran dan dari segi mengadakan seminar-seminar supaya dapat membantu mereka menjalankan tugas.

Oleh kerana itu, saya berharap dengan adanya pindaan rang undang-undang ini kelemahan yang

kita dengar tadi, saya pun bersetuju 50% mungkin kerana latar belakang tidak begitu jelas ada anak belajar di luar negeri, mungkin diberi scholarship dan memakai kereta mewah.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik pagi ini daripada kawasan dan di dalam majlis perjumpaan rakyat, seorang petani ada dua orang anak di Institut Teknologi MARA, selepas dua tahun mohon scholarship belum ada apa-apa. Maksud saya utarakan perkara ini supaya, dengan izin, again, the unlevel playing field harus diambil kira supaya apabila kita membuat satu, misal kata, kriteria baru untuk melaksanakan apa yang kita cita-citakan ini, perkara seperti begitu kita ambil kira, iaitu misal kata anak petani daripada luar bandar tidak ada connection kalau dibandingkan dengan anak-anak kakitangan/pegawai tinggi kerajaan di bandar ada connection senang sekali, harus kita ambil kira kelemahan ini supaya anak daripada kawasan luar bandar juga dapat diambil kira untuk memberi kemudahan tersebut.

Saya akan kembali lagi mengenai contoh yang saya sebutkan tadi. Setakat ini saya tidak mahu bertanya kepada pihak MARA bagaimanakah setakat ini kawan saya itu, seorang peguam dan seorang bumiputera, sudah membayar balik atau tidak. Ini saya bangkitkan supaya apabila kita ingin memberi scholarhsip, dengan izin, kita harus ambil kira dan menitikberatkan tentang kelakuan murid-murid ataupun penuntut-penuntut itu. Sikap seperti yang disebutkan oleh rakan saya dari Batang Lupar diberi scholarship dan memakai kereta mewah di luar negara, sikap ini saya rasa tidak bertanggungjawab. Oleh kerana itu, di dalam kita menjalankan tugas untuk memilih ataupun memberi temu duga kepada penuntut yang layak menerima scholarship, dengan izin, the first and most priority, kelakuan yang kita harus titikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang anak petani, saya pun diberi scholarship bagi melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, banyak masalah yang kita hadapi, tetapi kita berterima kasih kepada kerajaan, selepas dua tahun saya mulai bayar scholarship saya, sampai habis tiga tahun, tetapi berapa banyak orang di Malaysia bersikap seperti begini? Oleh kerana sikap yang positif, ini harus kita tekankan sebelum kita meluluskan. Kadang-kadang anak-anak yang kurang dididikkan dari segi moral yang tinggi, akhlak yang tinggi, itu yang menyalahgunakan privilege ini.

Saya ingin bertanya supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri waktu menjalankan tugas sebagai ejen pemungutan dapat mengambil kira beberapa masalah. Saudara saya seorang peguam itu mengatakan sekali lagi, dengan izin, how can I pay back? Kalau saya terima RM1,200 sebulan, bayar Proton Saga RM560, sewa rumah RM300, dia seorang bujang, cuba bayangkan, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya cadangkan di sini kalau kita menjadi ejen pemungutan wang, kita harus ambil kira, seperti Yayasan Sarawak, selepas saya bertugas 12 bulan, saya tulis surat mengatakan tidak dapat bayar oleh kerana banyak keperluan, memberi sokongan kepada adik saya di IKM tidak ada scholarship, mulai dalam 18 bulan baru saya bayar balik. Dengan izin, our system must be user friendly, friendly to the person who pay back the money. Inilah harapan saya kepada rakan kita Dato' Timbalan Menteri dapat mengambil kira khusus untuk anak-anak daripada kawasan luar bandar, anak petani.

Yang kedua, saya ingin bertanya di sini, faktor kedua yang saya tekankan tadi dalam rang undang-undang ini para 3, Fasal (2), *'Bagi maksud seksyen ini Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan dan membuat peraturan berhubungan dengan pemungutan bayaran balik itu'*. Saya mohon penjelasan terperinci apakah maksud 'menteri boleh dari masa ke semasa diberi kuasa', kuasa apa? Jangan kuasa itu diberi tetapi bercanggah dengan undang-undang individu seperti yang saya katakan tadi, rakan saya itu seorang peguam, MARA mengatakan siapa yang tidak membayar balik pinjaman, nama akan disenaraikan di dalam surat khabar. Dan sebaliknya, seorang peguam ini yang tidak membayar balik pinjaman itu mengatakan, dengan izin, I repeat, I wait for them to publish my name, then I call back to MARA.

Maksud saya di sini, saya rasa dari sebelah kerajaan tidak ada berkurangan orang yang pandai, kita ada peguam. Oleh kerana itu, saya mintalah kalau boleh Dato' Timbalan Menteri tolong jelaskan dengan terperinci apakah kuasa ataupun hak yang diberi kepada menteri dari masa ke semasa di dalam rang undang-undang ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua.......

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Batang Lupar bangun.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Okay.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini orang kampung. *[Ketawa]* Kampung Batang

Lupar dengan Bukit Mas ini jauh, Tuan Yang di-Pertua, 1,000 kilometer. Jadi, hendak tanya di kampung tidak dapat, ambil peluang di sini sahaja.

Saya minat dengan hujah Yang Berhormat tadi terutama sekali hal pembayaran balik. Satu lagi perkara yang saya tidak sentuh masa saya membahaskan rang undang-undang ini iaitu pada masa sekarang fakta yang mungkin relevan difikir ialah fakta ekonomi, iaitu kemungkinan pelajar-pelajar yang balik daripada universiti mungkin tidak mendapat kerja serta-merta, mungkin terpaksa menunggu. Ini kalau kita bandingkan well connected person dalam urban area, dengan izin, dengan less connected person daripada rural area, kebanyakannya orang Melayu, orang bumiputera mungkin tidak ada keluarga yang kenal dengan orang atasan ataupun tempat-tempat korporat dan sebagainya, mungkin tidak dapat kerja immediately. Tetapi dalam agreement yang biasanya ditetapkan, apabila balik dengan ijazah dan dikehendaki untuk membayar balik hutang dalam keadaan ekonomi sekarang ataupun kalau peringkat ekonomi baik pun kalau keperluannya kurang untuk mengambil kerja seseorang itu yang balik, kerana tujuan universiti ataupun pendidikan tinggi ini bukan sahaja untuk mencukupi keperluan negara untuk pekerja tetapi juga untuk menimba ilmu dan menjadi seorang yang terpelajar daripada segi apa-apa sekalipun. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian mungkin tidak mendapat wang, tidak ada peruntukan untuk membayar dan tidak dapat gaji, belum dapat kerja dan sebagainya.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya iaitu tugas dan tanggungjawab ataupun kuasa menteri di bawah undang-undang ini juga untuk mengubahsuai atau to vary, dengan izin, surat perjanjian di antara peminjam dengan kerajaan berhubung dengan pembayaran balik oleh kerana keadaan yang mana pelajar ini belum bekerja lagi walaupun mempunyai ijazah satu baldi, mungkin tidak mampu membayar sendiri. Kalau dibawa ke mahkamah, orang ini akan bankrap, sebelum dapat kerja sudah jadi bankrap. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saudara rakan saya dari Batang Lupar suarakan sekali lagi apa yang sebetulnya saya hendak tekankan tetapi mungkin dari segi penyampaian saya tidak begitu jelas, dengan izin, I am limited with my language. Yang saya maksudkan tadi, *modus operandi* yang begitu terperinci iaitu saya sebutkan saudara saya tadi yang diberikan scholarship daripada MARA melanjutkan pelajaran sebagai seorang peguam sampai ke New Zealand selepas balik, langsung tidak bayar pinjaman itu. Selepas empat, lima tahun saya tanya kerana saya kenal beliau sebagai rakan saya waktu di bangku sekolah dalam tingkatan lima, dia mengatakan seperti yang dikatakan oleh saudara saya di sini. Saya tidak faham dahulu bahawa peguam ini apabila ia mulai bekerja tidak ada gaji, tetapi dahulu tahun pertama saya bekerja sebagai pegawai bank, saya menerima gaji lumayan RM925 tetapi peguam tidak diberi gaji.

Maksud saya di sini, apabila kita sudah mengenal pasti latar belakang seseorang itu kita berharap menteri yang diberi kuasa dapat mengambil tindakan yang sesuai dan wajar. Jangan semestinya kita pamerkan nama mereka dalam surat khabar, dalam papan tanda ataupun, dengan izin, a public place, oleh kerana reaksi mereka selepas itu bukan untuk menyenangkan kita, dengan izin, they are close, they will fight back.

Saya rasa rakan saya Dato' Timbalan Menteri, saya kenal beliau dengan rapat boleh jawab soalan ini dan memang saya sebagai seorang anak tani setuju dengan apa yang dicadangkan oleh saudara Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Sebelum saya undur diri, sekali lagi saya minta kalau boleh Dato' Timbalan Menteri terangkan dengan sejelas-jelasnya apakah maksud seksyen ini yang memberi kuasa kepada menteri dari masa ke semasa dapat dihuraikan dan dijelaskan dengan panjang lebar.

Sekian, saya menyokong penuh pindaan yang telah dicadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**4.15 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Lembaga di bawah akta ini diberi tugas secara bahasa mudahnya untuk kutip duit bagi pihak kerajaan ataupun ejen pungut hutang. Bila bercakap hal ini, tumpuan ialah kepada pelajar-pelajar yang membuat pinjaman untuk belajar. Kita tahu hasil kutipan daripada pelajar ini tidaklah sebanyak mana kalau dilihat hasil yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri daripada pelajar ini tidaklah sebanyak mana dan kita harap pihak kerajaan pun janganlah bersikap keras terhadap peminjam-peminjam yang meminjam untuk belajar. Sepatutnya kerajaan kena menambahkan lagi peruntukan kepada mereka yang meminjam untuk belajar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang misalnya pelajar-pelajar kita di Jordan menghadapi masalah yang cukup teruk. Hari raya ini mereka akan pulang dan

kebanyakan mereka pulang untuk tidak pergi lagi kerana kenaikan yuran empat kali ganda dan kenaikan nilai mata wang dan menyebabkan mereka sekarang tidak mampu untuk terus belajar di sana. Oleh itu kerajaan mesti menimbangkan dengan sesungguhnya untuk membantu mereka. Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang dan rakan-rakan yang lain supaya pakej segera dibuat kepada pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri sama ada di Timur Tengah atau di Barat yang menghadapi masalah kewangan sekarang dan berikan kepada mereka kelonggaran dalam bentuk pinjaman yang bayarannya nanti cukup mudah dan kerajaan tidak menekan dalam masalah untuk mendapatkan hasil daripada pinjaman pelajaran ini, sebab hasil-hasil daripada cara yang lain boleh kita dapat dengan lebih hebat lagi kalau dibandingkan dengan wang pinjaman pelajaran yang sekarang ini kita lihat ini yang ditekankan.

Memang Lembaga Hasil Dalam Negeri ada kuasa mendakwa dan sampai ke peringkat boleh membankrapkan seseorang. Selalunya yang Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh bertindak ialah perkara-perkara yang ada dokumen, perjanjian pinjaman rumah, syarikat, belajar dan sebagainya ada dokumen. Tetapi masalah yang dihadapi oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memungut cukai kepada perkara-perkara yang tidak ada dokumen.

Misalnya ada seorang pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri yang saya bersembang dengan dia timbul hal kisah bekas Menteri Besar Selangor yang begitu banyak wang dan katanya, kami susah bertindak masalah dokumen. Misalnya ada pengakuan daripada bekas isterinya yang menerima kononnya wang pampasan sebanyak RM16 juta separuh tunai dan separuh lagi cek tertangguh. Kata pihak pegawai itu, kami hendak bertindak bagaimana, dokumen-dokumen rasminya tidak ada dan kalau transisi dibuat dalam tunai, kami amat susah untuk bertindak.

Apakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak boleh mencari jalan bagaimana hendak bertindak dan menghukum atau memungut cukai daripada mereka yang membuat transisi dalam bentuk cash sebab ini yang kita lihat yang banyak kerajaan boleh kutip daripada pelajar-pelajar kita yang membuat pinjaman. Begitu juga pegawai itu mengatakan bila kita buat serbuan ke pejabatnya, kemudian berita itu diheboh tentang wang yang dibawa ke Australia RM2.4 juta dan sebagainya. Kami pergi di situ tidak ada dokumen apa-apa, kami hanya dengar maklumat sebarang bentuk bayaran dibuat dalam bentuk tunai (cash) dan kami payah bertindak.

Oleh itu saya harap dalam Parlimen ini pihak Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri mencari jalan apakah undang-undang perlu dipinda ke arah mana untuk mendapat wang, mendapat cukai atau menghukum orang yang membuat transisi daripada wang tunai dan bagaimana hendak menangkap mereka ini tanpa dokumen. Apakah boleh melalui pengakuan, misalnya Ku Yah (Tengku Zanariah) yang buat pengakuan dia terima beberapa juta ringgit. Bolehkah pengakuan itu diterima sebagai satu bukti bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri bertindak kepada orang yang memberi itu untuk memungut cukai. Kalau tidak, mereka yang kaya ini membuat satu perkara tidak melalui dokumen, melalui wang tunai, maka mereka terlepas dari segala-gala hukuman tetapi mereka yang buat pinjaman MARA, pinjaman perniagaan yang penuh dengan dokumen 20-30 helai, kena sign peguam dan sebagainya, mereka tidak dapat lari. Ini perkara yang penting yang saya hendak sebutkan di sini.

Begitulah juga Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita bersetuju dalam suasana sekarang diperketatkan segala bentuk undang-undang supaya kerajaan dapat kutip duit sebanyak mungkin untuk membina tabung negara. Saya kata tadi yang menjadi mangsa ialah orang yang meminjam ataupun membuat satu perkara melalui dokumen tetapi bagaimana kita hendak bertindak kepada orang-orang yang kita lihat begitu kaya tetapi kerajaan tidak boleh kutip cukai daripada dia. Kita ambil contohnya misalnya seorang Exco Terengganu, Ahmad Said, bagaimana dia boleh bawa penyokong-penyokongnya melawat Zurich, Paris dan London, berapa ratus ribu wangnya? Pada masa yang sama, kita tahu menteri-menteri besar, exco tidak boleh berniaga. Jadi, perkara-perkara seperti ini kita nampak ada loop-hole begitu besar dalam undang-undang negara kita; yang berdokumen selalunya kena tetapi yang tidak ada dokumen semua kita lihat boleh lepas.

Begitu juga sekarang misalnya untuk menambah hasil dalam negeri, kita potong 10% gaji menteri, timbalan menteri, exco, ahli Parlimen dan sebagainya. Kalau tanya peribadi saya, parti PAS tidak buat keputusan dalam hal ini. Saya tidak setuju potong 10% kepada gaji menteri dan sebagainya, gaji mereka bukan tinggi. Saya mahu kalau boleh betul-betul menteri-menteri ini tidak terlibat dalam perniagaan, tidak ada proksi, BPR itu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara itu tak bersangkut dengan rang undang-undang ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak, ini satu contoh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Contoh pun tak bersangkut.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Jadi, hendak ambil duit itu daripada potongan gaji ini......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tak bersangkut.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Satu contoh sahajalah......

**Tuan Yang di-Pertua:** Contoh pun tak bersangkut, Yang Berhormat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Di luar tajuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah bersangkut dengan kuasa yang hendak diberi.......

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Lembaga Hasil Dalam Negeri, saya ambil contoh tadi hendak dapatkan wang itu. Jadi ini kita nampak lebih bentuk polemik, bukan dalam bentuk kesungguhan, sebab kita lihat bagaimana Lembaga Hasil Dalam Negeri hendak kutip cukai. Misalnya bila kempen pemilihan UMNO didedahkan oleh Presiden UMNO bagaimana mereka belanja di hotel lima bintang yang begitu tinggi......

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tak bersangkut, Yang Berhormat. Ubahkanlah kepada perkara lain.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Jadi itu saya ambil satu contoh......

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita tidak mahu dalam suasana yang negeri ditimpa masalah begini......

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada Yang Berhormat bangun, buat apa?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order, ya. Ada dia itu?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Point of order 38.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah beri keputusan apa yang diucapkan tadi tak bersangkut.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Ya, betul, sama, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak mahu dengar yang itu, saya mahu dengar yang khas ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Inilah masalah. Bila kita hendak serius, tak mahu dengar. *[Ketawa]* Jadi polemik 10% potong itu yang hendak didengar, tetapi hendak kutip hasil ini. Kita mahu Lembaga Hasil Dalam Negeri ini bertindak tegas, keras dan undang-undang kalau tak cukup, dipinda, supaya bukan hanya kita tumpukan tabung ini untuk kutip kepada peniaga yang membuat pinjaman, untuk membuat perniagaan yang RM100,000, RM200,000, kemudian tidak berjalan, isytiharkan dia bankrap, kepada pelajar kita yang berada di luar negeri sekarang minta pinjaman, kemudian balik di sini, baru bekerja dan sebagainya tidak boleh bayar, kita bertindak kepada mereka. Tetapi pada masa yang sama kita lihat orang-orang kaya ini yang kita lihat mereka bayar cukai terlalu lemah dan kadangkala tidak bayar cukai. Sebagaimana saya kata tadi Lembaga Hasil Dalam Negeri kena bertindak lebih keras untuk menyiasat transisi dalam bentuk cash yang kita lihat mereka boleh lepas daripada bentuk dokumen-dokumen. Daripada kita fikir soal polemik potong 10%, lebih baik kita fikir serius bagaimana hendak kutip duit untuk negara.

Kita bersetuju dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini yang bekerja lebih keras untuk kutip duit daripada peminjam-peminjam, tetapi saya katakan tadi tumpuan hendaklah diberi kepada mereka yang mampu daripada para pelajar dan para peniaga yang kita lihat mereka ini kadangkala kemampuan mereka begitu terhad sekali untuk membayar balik. Kita lembut dengan rakyat yang hendak cari pelajaran, tetapi kita bersikap keras kepada orang-orang kaya yang cuba melarikan cukai dan mereka inilah perlu kita mendapatkan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tahu daripada pinjaman-pinjaman sekarang ini kalau dapat dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ini banyak mana kerajaan boleh menambahkan pendapatan mereka untuk tahun hadapan kalau kesemua piutang termasuk para pelajar yang meminjam dan mereka yang membuat pinjaman kepada kerajaan ini dapat dikutip. Setakat mana kerajaan dapat membina dana untuk membina kekuatan negara pada masa yang akan datang. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang.

**4.25 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama memberikan pandangan atas Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya seksyen 10 ini memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menjadi ejen pungutan hutang bagi pihak badan-badan kerajaan yang lain dan saya rasa badan-badan khusus yang mungkin akan diberi perhatian ialah badan-badan yang memberikan pinjaman pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua tiga perkara untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang pertama, mengenai had batasan masa. Adakah seseorang pelajar apabila mereka membuat pinjaman, kemudian dalam tempoh mereka tamat melanjutkan pelajaran kemungkinan mereka ini tidak dapat dikesan ataupun mereka ini tidak mendaftarkan nama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Apabila mereka ini dapat dikesan semula, maka tempoh batasan masa kalau mengikut Limitation Act hanya tujuh tahun. Jadi adakah kes selepas tujuh tahun ini apabila dapat dikesan, bagaimanakah cara untuk diambil tindakan kepada mereka. Begitu juga Limitation Act, kalau saya tak silap, tiap-tiap negeri ini berbeza, kita ada Limitation Ordinance 1952 di Sarawak, kita juga ada Limitation Ordinance di Sabah yang berbeza tempoh masanya. Jadi perkara-perkara ini harus diberi perhatian dari segi perundangan kerana saya percaya kita mesti mengikut perundangan. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kubang Kerian, dia hendak suruh tangkap muat sahaja. Kita mesti hendak ambil tindakan berdasarkan kepada undang-undang, kepada dokumen-dokumen yang lengkap. Kadang-kadang undang-undang ini kita dapati bersalah, duduk berdua-dua dalam bilik pun kita boleh lepas juga kalau undang-undangnya tidak diikut, kalau peraturannya tidak kita patuhi, boleh lepas. Itu yang sudah ada bukti, tambah pula tindakan undang-undang yang kadang-kadang kita meragui kesahihannya. Oleh itu saya harap pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri harus mengambil kira mengenai had batasan dan masa ini supaya tindakan-tindakan yang diambil nanti tidak akan menganiayai orang lain.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan undang-undang batasan ataupun limitation act ini, sekarang kita mempunyai tiga negeri - Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan undang-undang ini macam proceedural sahaja. Jadi, implikasi dari segi sosial, politik dan sebagainya mungkin tidak begitu menekan sangat dan ada kemungkinan negeri-negeri yang terlibat umpama Sarawak dan Sabah tidak membantah kalau perubahan dibuat. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat sama ada bersetuju atau tidak supaya kementerian juga di samping melihat dari segi perjanjian dan sebagainya oleh kerana kita tidak hendak terikat ataupun terperangkap oleh undang-undang berlainan ini supaya undang-undang ini diselaraskan untuk disatukan supaya semua undang-undang berhubung dengan pembayaran balik pinjaman dan tugas dan tanggungjawab seorang peminjam itu yang mana di Semenanjung boleh diikat oleh kerana undang-undang ini mungkin dipandang dari segi Limitation Act di Semenanjung yang mana kalau termasuk dalam Limitation Act Sarawak mungkin tidak terkena lagi, ketidakadilan, tidak sama rata di seluruh negara itu sepatutnya diselaraskan. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang arif mengenai Limitation Ordinance di Sabah dan Sarawak. Tetapi oleh kerana sahabat saya ini seorang peguam dari Sarawak, saya amat bersetuju kalau betul ada berlaku batasan masa ini di antara sesama negeri di dalam Malaysia. Jadi, kalau perkara ini benar berlaku kita harap pihak kementerian akan dapat mengkaji supaya keadilan ini dapat dilaksanakan kepada seluruh rakyat di negara kita dengan tidak ada membezakan di Sabah dan Sarawak ataupun di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai penjamin. Ini satu perkara yang harus dikaji. Ini kadang-kadang daripada pengalaman saya sebagai Pegawai Undang-undang MARA, kita memang sukar hendak dapat kesan pelajar-pelajar ini. Bila mereka ini sudah habis belajar, kita dapati mereka ini kadang-kadang hilang, tidak boleh dikesan. Saya tidak tahu bagaimana cara Lembaga Hasil Dalam Negeri akan dapat kesan mereka ini, kerana apabila kita cari alamat mereka ini sudah berpindah, kadang-kadang keluarganya juga telah berpindah. Jadi apabila surat tuntutan ataupun notis ini dihantar, kita menggunakan alamat yang asal, boleh jadi sudah lima enam tahun alamat yang lama, keluarganya juga sudah berpindah, kecuali mereka ini tinggal di kampung mungkin dapat dikesan. Tetapi kalau mereka ini tinggal di kawasan-kawasan bandar, mereka sudah berpindah, mereka kadang-kadang gunakan alamat rumah sewa, maka mereka tidak dapat dikesan.

Orang yang paling senang kita kesan ialah penjamin, sebab penjamin ini selalunya akan ada

jawatannya dan ada kementeriannya di mana mereka ini bekerja dan kita kesan balik dan kita dapat cari siapa penjaminnya. Sudah menjadi adat dalam undang-undang oleh kerana penjamin ini dia sudah mengaku untuk bersama-sama dan mereka ini juga dianggap sebagai peminjam, dengan lain perkataan, bersama-sama dan berasingan, maka mereka inilah selalunya yang menjadi mangsa. Pelajar-pelajar yang mendapat pinjaman ini lepas, tetapi penjamin-penjamin yang kadang-kadang kita jumpa penjamin ini - pengalaman saya dahulu bila kita jumpa dengan penjamin-penjamin ini, mereka pun sebenarnya sudah tidak kenal, sudah lupa yang mereka ini pernah menjadi penjamin kepada sipolan, sipolan. Jadi apabila mereka ini ingat balik, dia kata, ini mungkin adik kerani saya, adik pegawai saya, adik kawan saya yang dia pun tidak kenal. Jadi, mahu tidak mahu, kita kena juga mengeluarkan saman dan meminta pihak penjamin ini untuk membayar balik pinjaman ini.

Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan adakah nanti Lembaga Hasil Dalam Negeri, apabila mereka ini tidak dapat mencari peminjam-peminjam asal ini, apakah penjamin-penjamin yang sudah tentu saya kira penjamin-penjamin ini sudah ada nombor-nombor rujukan di Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, apakah mereka ini nanti akan dipaksa membayar? Jadi, kalau ini berlaku, saya kira Tuan Yang di-Pertua lama-kelamaan memang sukar orang hendak menjadi penjamin, kerana orang yang hendak menjadi penjamin ini memang secara ikhlas, terutama menjadi penjamin pendidikan. Ini pun saya minta supaya dikaji semula, sebab tujuan kita memberi pinjaman pendidikan ini adalah untuk memberi peluang kepada anak-anak bumiputera khasnya untuk mereka meningkatkan kehidupan mereka.

Apabila mereka telah berjaya di dalam pendidikannya mereka ini akan balik ke kampung ataupun mereka akan bekerja. Apabila mereka bekerja nanti, kita harap anak-anak ini akan dapat membantu keluarga mereka di kampung, kalau sebulan dia boleh memberi keluarganya di kampung sebanyak RM200 ataupun RM300, maka sekurang-kurangnya anak yang telah berjaya ini, telah pun dapat melepaskan keluarga mereka daripada batasan atau paras kemiskinan. Kalau hari ini emaknya dengan melakukan kerja-kerja yang rendah, gajinya boleh jadi RM300, apabila anaknya berjaya nanti mungkin anaknya boleh memberi RM300 jadi dia dapatlah RM600 sebulan. Jadi, dapatlah menampung kehidupan keluarga mereka. Saya rasa ini juga tujuan kerajaan, di samping kita ingin meramaikan cendekiawan kita, kita juga ingin membantu keluarga ini melepasi dari galang kemiskinan ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua kalau boleh kita merayu supaya pinjaman pendidikan ini dikaji semula, bukan sahaja MARA, JPA, Tabung Pendidikan tetapi mana-mana sahaja, kalau boleh dikecualikan perkataan yang boleh mengheret penjamin ini didakwa sekali. Kalau mereka ini membuat pinjaman perniagaan saya setuju, sebab mereka ini membuat pinjaman perniagaan untuk kepentingan diri mereka, mereka ini kadang-kadang sudah berjaya, sudah menjadi ahli peniagaan, hendak berniaga daripada duit boleh jadi modalnya RM10,000 hendak dijadikan RM100,00 dan duitnya mereka dapat untuk mereka berniaga kemudian mereka merasai nikmatinya. Maka sesiapa yang menjadi penjamin kadang-kadang mereka syer juga dengan penjamin, dia beri 10% atau 20% kepada penjamin. Kalau pinjaman seperti ini saya setuju supaya penjamin juga diheret bersama bertanggungjawab ke atas hutang-hutang ini. Tetapi kalau mereka ini seorang pelajar, habis sahaja mereka belajar, katakanlah membuat ijazah, yang pergi keluar negeri siang-siang sudah tertunggu RM100,000 ataupun RM200,000, kadang-kadang dia mendapat ijazah, tetapi hutang telah menunggu sebanyak RM200,000, belum lagi dia hendak fikir hutang kalau dia berniaga. Jika selepas itu dia berniaga lagi, dia membuat hutang lagi sebanyak RM200,000-RM300,000 untuk berniaga. Maka hutang mereka ini akan bertambah. Malangnya seperti saya katakan tadi apabila mereka tidak dapat dikesan atau mereka berjaya melarikan diri, maka penjamin yang secara ikhlas yang tidak dapat apa-apa pun, yang menjadi penjamin, akan diheret, akan dikenakan juga denda atau diminta membuat pembayaran balik. Sebab itu kita merayu supaya bagi mereka yang menjadi penjamin-penjamin bagi pinjaman pendidikan ini harus dipertimbangkan supaya mereka tidak terheret sama untuk menanggung beban ini, kerana kita percaya bahawa kalau ini tidak dapat kita atasi, maka hari ini amat sukar untuk mencari penjamin. Ini tidak lama lagi universiti akan dibuka, kemudian syarat-syarat penjamin juga kita lihat ketat, kadang-kadang ditetapkan berapa gaji, kadangkala mesti Kumpulan A.

Di kampung saya Tanjong Karang, mana ada orang Kumpulan A, seorang dua sahaja, itupun kadang-kadang jumpa wakil rakyat, wakil rakyat tidak berani hendak menjadi penjamin. Jadi, perkara ini harus kita pertimbangkan supaya kita tidak akan

menyukarkan anak-anak kita untuk menjadi penjamin di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya juga ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, bagaimana kedudukan seorang pelajar, kalau di dalam perjanjian asalnya dia mengambil Ijazah Pertama katalah 3 tahun dalam perjanjian itu, selepas enam bulan dia habis belajar, dia kena membuat bayaran permulaan. Tetapi pada hari ini kita dapati ramai pelajar kita apabila mereka habis Ijazah Pertama, kebanyakan mereka akan melanjutkan pelajaran lagi untuk mengambil Ijazah Kedua, sama ada sambung Master atau Ph.D.

Baru-baru ini semasa saya pergi ke Amerika, kita berdialog dengan dua tiga orang pelajar MARA dan mereka bertanya soalan yang sama, dia kata kami dengan MARA sudah habis, kita sudah tutup buku, ertinya MARA mungkin sudah tidak boleh bantu. Tetapi oleh kerana dedikasi mereka sendiri, mereka boleh bekerja sambilan di luar negeri, maka mereka dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran membuat Master. Apabila mereka membuat Master, sudah tentu mereka akan tinggal lagi di luar negeri selama 2, 3, 4 tahun, kemudian selepas itu mungkin mereka juga hendak mencari pengalaman pula, tambahan pula sekarang ekonomi kita kurang baik, mungkin mereka ingin mencari pengalaman bekerja di luar negara. Jadi, bagaimana kedudukan peminjam-peminjam seperti ini? Apakah mereka diberi kelonggaran bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran supaya mereka ini boleh menangguhkan bayaran balik. Tetapi saya hendak menyatakan, menangguhkan bayaran balik ini, kita jangan terlupa dengan ikatan had batasan masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa dengan peraturan dan juga kuasa yang diberi kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan ini, maka peraturan-peraturan yang akan dibuat ini kita amat yakin tidak akan menyusahkan rakyat dan niat kita baik untuk mempastikan mereka yang berhutang ini akan membayar kembali. Di samping itu kita juga harap supaya di dalam surat-surat perjanjian ini, kalau boleh kita tuliskan sedikit ayat-ayat Quran ini, kerana mereka ini kalau mengikut agama dia kena bayar.

Saya selalu menegaskan bahawa waktu kita meninggal dunia nanti, Tuan Yang di-Pertua, kalau jenazah kita hendak dibawa pergi ke kubur, maka waris-waris dia pun berucap, dia kata kalau ada dia ini bersalah harap dimaafkan dan satu perkara yang mesti waris akan berucap ialah hutang. Jadi, maksudnya hutang ini kita sudah meninggal dunia hendak keluar daripada rumah, sudah menjadi jenazah hutang pun disebut. Oleh itu semangat ini, kefahaman ini kalau boleh kita kena terapkan kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka tahu apabila mereka berhutang ini mereka kena bayar.

Akhirnya saya amat berharap supaya peraturan-peraturan yang dibuat ini tidak disalahgunakan dan tidak akan menyusahkan rakyat kita. Jadi, sekali lagi saya ingin mengulaskan bahawa sesuatu yang kita hendak ambil ini mestilah suatu perkara yang betul-betul nyata ada peraturan-peraturannya, jangan seperti Yang Berhormat daripada Kubang Kerian cakap yang bukan-bukan, kes-kes lama pun hendak dibangkit, hendak buat apa.

Saya hendak tegaskan, Yang Berhormat pun ada juga pengalaman ini, sudah kena tangkap di dalam bilik pun tidak bersalah, lepas dalam mahkamah. Jadi, janganlah hendak ungkit-ungkit orang lain pula.

Kita bincang ini serius, jangan cuba hendak dipolitikkan semua isu, kalau kita bincang atas Akta Lembaga, bincanglah Akta Lembaga, janganlah hendak kait-kaitkan dengan orang-orang yang lain. Jadi, dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kota Melaka.

**4.40 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa kita hendak membenarkan Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadi agen pemungutan bagi pihak mana-mana badan boleh mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Saya ingin mempersoalkan atau menyoalkan sejauh manakah keberkesanan Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam menjalankan tugas sebagai pemungut utama pembayaran cukai dalam negara kita. Tidak boleh dinafikan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri merupakan salah satu daripada badan yang paling penting dalam proses pentadbiran sesebuah negara. Saya rasa ia tidak merupakan satu exaggeration dengan izin, kalau dikatakan tanpa Lembaga Hasil Dalam Negeri proses pentadbiran kerajaan tidak boleh berjalan langsung. Oleh itu, adalah penting bahawa kita memberikan penekanan yang sewajarnya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pada masa yang sama adalah perlu kita memastikan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri menjalankan tugasnya mengikut undang-undang yang ditetapkan tanpa pilih kasih, tanpa memihak

kepada sesiapa barulah kita boleh menggalak orang ramai membuat pembayaran cukai sebagai satu tanggungjawab dan tugas kepada negara.

Sungguhpun pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ada kuasa-kuasa mendenda dan menghukum mana-mana pihak yang gagal membayar cukai, saya rasa langkah yang lebih berkesan ialah untuk memastikan pendidikan yang sewajarnya diberikan, untuk menggalakkan orang ramai menganggap pembayaran cukai sebagai satu tanggungjawab dan obligasi (obligation) kepada negara. Oleh itu, langkah ini hanya boleh dicapai kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri menjalankan tugasnya dengan baik dan teratur.

Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam tahun 1996 mengenai beberapa keputusan yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap pemungutan cukai. Sungguhpun saya mengakui bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menjalankan tugas mereka, boleh dianggap baik, kalau kita melihat peningkatan pemungutan hasil. Tetapi saya percaya kita masih boleh meningkatkan prestasi dan keberkesanan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dalam aspek ini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 1996 telah memberikan satu dua teguran yang saya rasa harus diberikan perhatian oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, di antaranya secara ringkas ialah tentang pemungutan elaun cukai pelaburan.

Seperti yang sedia dimaklumkan syarikat-syarikat yang memohon elaun cukai pelaburan hendaklah mengemukakan permohonan mereka kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu akan dikemukakan oleh MIDA kepada jawatankuasa bertindak berkenaan galakan untuk diperakui sebelum diluluskan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Elaun ini boleh diberi untuk tempoh yang tidak melebihi lima tahun. Walau bagaimanapun didapati satu syarikat telah diberi elaun cukai pelaburan sebanyak RM221.41 juta, di mana cukai pendapatan yang boleh dikenakan terhadap syarikat tunggal itu adalah sebanyak RM66.42 juta. Ini adalah satu jumlah yang agak besar. Satu lagi syarikat kecil sedikit iaitu elaun cukai pelaburan hanya setakat RM1.83 juta, di mana cukai pendapatan yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM640,00. Ini bermakna bahawa elaun cukai pelaburan yang telah diberikan tanpa disokong dengan surat kelulusan daripada pihak Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah sebanyak RM223.24 juta dan cukai pendapatan yang mungkin tidak dikutip adalah sebanyak RM67.06 juta. Saya harap perkara ini boleh diberikan satu jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kedudukan perkara ini kerana jawapan yang dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara bahawa perhatian akan diambil dan tindakan sewajarnya akan dijalankan.

Saya ingin tahu adakah jumlah ini telah dikutip atau berjaya dikutip balik, memandangkan bahawa kajian atau semakan ini dibuat untuk perkara yang telah berlaku beberapa tahun yang lepas. Adakah syarikat-syarikat ini masih wujud dan kalau wujud bolehkah cukai pendapatan ini dikutip balik, kalau tidak bukankah ini merupakan satu kerugian kepada negara?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat diminta berucap di atas pokok ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya ini tentang hasil.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, pokok ini ialah bersangkut-paut dengan memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri hendak memungut atau mengambil balik hutang..........

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, Tuan Yang di-Pertua......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ucap itu ialah berkenaan dengan memungut cukai.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tadi pun kita bercakap tentang cukai......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** ........dan pungutan. Saya hanya mengehadkan diri tentang cukai .........

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...... dan ini pun cukai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang mintalah Yang Berhormat berubah, bercakap berkenaan dengan tajuk ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, masih tajuk yang sama. Oleh sebab itu, ini secara ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang saya telah pun sebutkan tadi iaitu tentang elaun cukai pelaburan, kerana kalau kita hendak menjadi ejen adalah perlu bahawa kita mengikuti peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan. Saya rasa inilah satu teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, yang saya rasa mesti diberi perhatian yang serius oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin bertanya sama ada pihak Lembaga juga akan bertindak untuk memungut hutang-hutang oleh kerajaan-kerajaan negeri. Adakah ini akan memberikan kuasa kepada pihak kerajaan pusat untuk membolehkan kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai tunggakan hutang yang besar, dengan memaksa mereka membayar balik dengan mengenakan cukai atau menggunakan Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam aspek ini. Kerana seperti yang dimaklumkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan sahaja hanya kerajaan-kerajaan negeri mempunyai hutang yang besar, malah saya rasa ada banyak kementerian yang mempunyai hutang yang agak besar kepada kerajaan pusat. Di sini kalau kita lihat angka-angka di mana tunggakan hasil daripada Kerajaan Persekutuan adalah sangat banyak iaitu sejumlah RM4,369.014 juta. Ini adalah satu jumlah yang agak besar, iaitu RM4.4 bilion, peningkatan sebanyak RM1.4 bilion berbanding dengan tahun 1995. Ini adalah untuk angka tahun 1996. So, kalau kita lihat kedudukan tunggakan hasil di peringkat kementerian dan jabatan, kita boleh melihat bahawa antara pihak yang menunjukkan tunggakan hasil adalah terdiri daripada kementerian sendiri. Jadi, saya harap dalam perkara ini pihak kementerian bolehlah memberikan arahan yang sewajarnya supaya kita menunjukkan teladan dan contoh yang baik. Kalau kita hendak menggalakkan pihak-pihak swasta atau mana-mana yang berhutang untuk membayar balik, saya rasa kita mesti bermula daripada diri sendiri.

Di sini kalau kita lihat kerajaan negeri ataupun badan-badan berkanun, tidak boleh dinafikan bahawa mereka mempunyai hutang yang paling besar, komponen yang paling besar sekali. Kalau kita lihat tentang kedudukan Perwaja, di mana mereka mempunyai hutang berbilion-bilion Ringgit, saya tidak tahu macam mana jumlah ini akan dikutip balik, kecuali kita menggunakan peruntukan ini. Jadi, saya ingin bertanya adakah peruntukan ini hanya dikenakan ke atas mereka yang gagal membayar balik biasiswa ataupun akan sama-sama terpakai ke atas badan-badan berkanun yang berhutang dengan jumlah yang lebih besar, berbilion-bilion Ringgit. Kalau kita lihat pula hutang oleh pihak-pihak individu, saya rasa mungkin lebih kurang RM100 juta ataupun lebih daripada RM100 juta. Tetapi kalau kita lihat tentang jumlah yang dihutang oleh badan-badan berkanun, ini mencapai angka berbilion-bilion Ringgit. Oleh itu, saya rasa untuk pihak yang berhutang, mereka anggap apakah maknanya mereka mesti membayar balik apabila badan-badan berkanun dan badan-badan kerajaan yang mempunyai hutang yang lebih besar, mereka tidak dikenakan peraturan atau diwajibkan untuk membayar balik.

Saya berharap bahawa kita boleh bersikap konsisten dalam perkara ini supaya tidak ada timbul double standard, di mana hanya orang-orang kecil, orang-orang individu yang tidak berkuasa, secara individu mereka dipaksa membayar balik, manakala badan-badan besar, korporat-korporat besar sahaja yang mereka dikecualikan ataupun diberikan kekebalan. Saya harap perkara ini tidak dijadikan satu isu di mana layanan yang tidak sama diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja yang saya ingin bawa dan saya harap sekali lagi bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri bolehlah bertindak dengan lebih gigih untuk memastikan bahawa kita dapat memungut cukai yang lebih dalam keadaan ekonomi yang meleset supaya sekurang-kurangnya kita dapat mengimbangkan akaun pembayaran kita. Tetapi satu cara yang paling berkesan ialah untuk memberikan tumpuan ke atas si berhutang yang besar. Saya rasa kalau kita boleh mengugut ataupun mengertak si berhutang yang besar, yang kecil-kecil akan ikut membayar cukai. Kalau yang besar tidak bayar, saya rasa adalah tidak bermorallah untuk pihak kita atau pihak kami memaksa mereka membayar cukai atau membayar hutang.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

**4.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sepuluh orang rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap membahasakan Rang Undang-undang yang saya bentangkan tadi, iaitu Yang Berhormat dari Lumut, Bagan, Batang Lupar, Tanjong, Mersing, Mas Gading, Bukit Mas, Kubang Kerian, Tanjong Karang dan Kota Melaka telah berhujah dengan panjang lebar mengenai dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya kebanyakan hujah-hujah yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kalau saya hendak jawab mengambil masa yang lama kerana mereka adalah tidak relevan dengan Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini. Misalnya dengan soal biasiswa, dermasiswa. Yang kita bincangkan di dalam ini ialah pinjaman yang diberi oleh TPTN

kepada pelajar-pelajar yang dalam masa tiga tahun akan berjumlah RM625.3 juta. Jadi, bagaimana hendak mendapatkan balik pinjaman itu. Kita telah minta LHDN diberi kuasa untuk mengutipnya, itu sahaja. Tetapi kalau hendak saya jawab mengenai dengan falsafah scholarship, kegemilangan itu, ia mengambil masa yang panjang dan banyak lagi rang undang-undang yang hendak kita bincangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak payahlah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Jadi, saya jawab....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat menjawab juga bermakna, Yang Berhormat juga turut melanggar Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Kalau begitu terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Saya akan menjawab mengenai dengan point-point yang relevan berkenaan dengan rang undang-undang ini. Ingin saya nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa pinjaman ini diberi untuk pinjaman dalam negeri kepada institut pengajian tinggi dalam negeri sahaja.

Tadi, ramai Yang Berhormat bercakap mengenai dengan penuntut luar negeri, di Jordanlah, di Amerika Syarikat, ini tidak kena-mengena. Ingin saya nyatakan di sini bahawa mereka tidak dapat pinjaman ini. Ini adalah pinjaman untuk dibayar balik selama 6 bulan selepas dia graduate dan pinjaman ini diberi berlainan kaedahnya, pinjaman ini diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus sains dan teknologi dikenakan faedah 2% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 15 tahun. Manakala untuk pelajar sastera pula dikenakan faedah 4% setahun dan bayaran balik selama 10 tahun, ini kaedah asasnya.

Ramai sahabat saya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Tanjong Karang dan dari Batang Lupar meminta mengenai dengan kaedah-kaedah secara detail, iaitu *modus operandi*. Ingin saya nyatakan di sini, setakat ini sedang dirancangkan kaedah-kaedah itu berasaskan kepada teguran, pendapat dan hujah-hujah Yang Berhormat bentangkan tadi. Kami akan mengambil segala teguran dan juga cadangan Yang Berhormat untuk memasukkannya ke dalam kaedah-kaedah pinjaman dan pembayaran baliknya tadi.

Ingin saya nyatakan di sini juga bahawa perbincangan di antara pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional telah pun dimulakan dan akan diteruskan untuk menetapkan segala tindakan yang perlu diambil dan kaedah-kaedah *modus operandi* yang disebut tadi.

Setakat ini saya tidak dapat menjawab apakah *modus operandi* itu, tetapi segala apa yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai time limitation dan lain-lain lagi akan dimasukkan.

Mengenai dengan prosedur-prosedur, peraturan dan sistem komputer yang perlu sedang dirancangkan. Ingin saya nyatakan juga bahawa LHDN sedang dilengkapkan oleh sistem-sistem yang terbaharu, termasuk usaha untuk mengutip balik hutang ini.

Peraturan di bawah Seksyen 10A(2) akan diperkenalkan untuk memastikan segala tindakan adalah teratur dan apa ditegur oleh Yang Berhormat tadi akan diambil kira. Ingin saya nyatakan di sini sebagai akhir, tujuan pindaan adalah untuk mengadakan kaedah-kaedah tertentu, iaitu kita pinda dan selepas itu kita wujudkan kaedah-kaedah yang tertentu untuk memudahkan kutipan balik pinjaman seperti yang saya sebut tadi, iaitu tabung pendidikan tinggi negara yang akan diwujudkan ini. Dengan itu saya sudahi dengan ucapan terima kasih lagi sekali dan segala pendapat Ahli Yang Berhormat akan diambil kira sepenuhnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### Akta Acara Kewangan 1957 - Meminda Jadual Kedua

**4.59 ptg.**

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah perenggan 10(4)(a) Akta Acara Kewangan 1957 membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan membatalkan butiran-butiran seperti berikut:

(i) Kumpulan Wang Amanah Stok Penimbal Timah Antarabangsa;

(ii) Kumpulan Wang Amanah Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan perenggan 10(4)(a) Akta Acara Kewangan, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua Akta tersebut.

Kumpulan Wang Amanah Stok Penimbal Timah Antarabangsa telah diluluskan penubuhannya oleh Dewan Rakyat pada 10 Januari 1978 untuk digunakan oleh Kerajaan Malaysia bagi membiayai caruman-caruman kepada stok penimbal timah mengenai Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima dan lain-lain Perjanjian Timah Antarabangsa.

Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam telah tamat pada 30 Jun 1989 dan ia tidak diganti oleh perjanjian baru. Oleh yang demikian, Kumpulan Wang ini perlulah ditutup dan baki sebanyak RM214,955.70 sen dipindahkan kepada hasil Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat pada 8 Ogos 1960 telah meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 dengan peruntukan asal sebanyak RM92,000 untuk tujuan menyara hidup Yang Mulia Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria. Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria adalah balu Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama.

Penubuhan Kumpulan Wang ini adalah untuk membolehkan Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria dibayar *Ex-Gratia* bulanan. Arahan amanah untuk mentadbir akaun tersebut telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 5 Disember 1960 yang antara lain telah menetapkan:

- Yang Mulia Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria dibayar *Ex-Gratia* sebanyak RM500 sebulan dan mulai 1 Julai 1985 dinaikkan kepada RM600 sebulan.
- Yang Mulia Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria telah meninggal dunia pada tahun 1989 dan Kumpulan Wang Amanah ini tidak diperlukan lagi dan perlulah ditutup. Dengan penutupan Kumpulan Wang Amanah ini baki akaun sebanyak RM56,306.31 sen adalah dipindahkan kepada hasil Persekutuan.

Menurut Seksyen 10(4)(a) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah kepada Jadual Kedua dari masa ke semasa. Oleh kerana Kumpulan Wang Amanah Stok Penimbal Timah Antarabangsa dan Kumpulan Wang Amanah Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria telah mencapai matlamat dan penubuhannya tidak diperlukan lagi, maka kedua-dua Kumpulan Wang Amanah ini perlu dikeluarkan daripada Jadual Kedua Akta Acara Kewangan 1957.

Usul ini tidak memberi implikasi tambahan kewangan dan sebaliknya baki kedua-dua Kumpulan Wang Amanah ini yang melebihi RM270,000 dikreditkan ke dalam hasil Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul ini di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu:

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah perenggan 10(4)(a) Akta Acara Kewangan 1957 membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan membatalkan butiran-butiran seperti berikut:

(i) Kumpulan Wang Amanah Stok Penimbal Timah Antarabangsa;

(ii) Kumpulan Wang Amanah Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah perenggan 10(4)(a) Akta Acara Kewangan 1957 membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan membatalkan butiran-butiran seperti berikut:

(i) Kumpulan Wang Amanah Stok Penimbal Timah Antarabangsa;

(ii) Kumpulan Wang Amanah Tunku Zaidah binti Tunku Zakaria.

## RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN) 1997

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[16 Oktober 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sila sambung.

**5.05 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, ......

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** .......izinkan saya menyambung bagi pihak Kementerian Pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** 2.9 seksyen baru 16F yang dicadangkan memperuntukkan bahawa Majlis diberi kuasa menerimapakai mana-mana peraturan dan sebagainya, yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ulasan saya ini dengan menekankan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 ini diwujudkan adalah untuk memperkemas dan melicinkan lagi urusan pentadbiran Majlis Peperiksaan Malaysia khususnya mengenai tindakan tatatertib terhadap pegawai dan penjawatnya yang melakukan kesalahan tatatertib. Di samping itu pindaan-pindaan dan peruntukan baru tentang tatatertib ini akan membolehkan pihak pengusaha Majlis Peperiksaan Malaysia melaksanakan tindakan tatatertib selaras dengan kehendak undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Kota Melaka.

**5.06 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal bahawa tidak ada seorang pun Timbalan Menteri Pendidikan yang ada. Sungguhpun kita ada seorang Menteri Pendidikan dan dua orang Timbalan Menteri Pendidikan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, boleh beri jalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu bahawa menteri berkenaan terpaksa balik sekejap ke pejabat kerana dia ada appointment. Dia akan kembali selepas ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Timbalan Menteri tidak ada?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Timbalan Menteri atau Menteri?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Timbalan Menteri atau Menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu okaylah. Tetapi saya berharap beliau boleh sempat balik.

Saya rasa Yang Berhormat dari Jempol akan balik.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rang undang-undang ini adalah penting lebih-lebih lagi apabila berlakunya peperiksaan yang diuruskan oleh Majlis Peperiksaan di mana segi aspek keselamatan dan integritinya dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas di mana disebarkan dengan cara meluas mengenai adanya tiga aduan yang telah dibuat oleh pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan SPM secara berasingan. Mereka telah membuat satu laporan polis di Balai Polis Shah Alam terhadap isu atau skandal kebocoran soalan-soalan SPM di dalam beberapa perkara contohnya kertas peperiksaan Bahasa Malaysia, Sejarah, Fizik, Matematik, Matematik Tambahan dan kononnya bahasa Inggeris juga.

Di antara aduan yang dibuat bahawa soalan-soalan tersebut bolehlah dibeli atau satu set kertas soalan-soalan ini boleh dibeli dengan harga RM1,500 hingga RM5,000. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menafikan bahawa soalan-soalan SPM ini telah bocor, malah ada beberapa pelajar telah direman. Tetapi memandangkan bahawa aduan ini dibuat oleh pelajar-pelajar, ia amat serius sekali, lebih-lebih lagi apabila pelajar-pelajar tersebut berani untuk membuat laporan polis.

Saya percaya bahawa tentu ada isu kebocoran soalan, malah setiap tahun apabila peperiksaan dilangsungkan, kita ada mendengar ura-ura tentang kebocoran soalan. Soalnya ialah sama ada soalan ini adalah tulen ataupun tidak, contohnya pada tahun lepas, saya pun ada menerima aduan tentang perkara ini, tetapi selepas diperhatikan, bukan kerana soalan itu tulen. Tetapi kerana soalan yang dibelinya ialah palsu, bukan sepertimana yang dijanjikan. Oleh sebab itu, mereka telah bertanya apa yang mereka boleh buat? Jawapannya, mereka telah pun melakukan satu kesalahan. Tetapi perkara yang berlaku pada tahun ini, di mana aduan yang dibuat ialah bahawa soalan yang bocor ialah benar, iaitu sama dengan apa yang dikeluarkan dalam kertas peperiksaan SPM. Oleh sebab itu saya harap bahawa pihak kementerian mestilah menjalankan siasatan yang rapi dan terperinci tentang perkara ini dan kalau benar bahawa soalan-soalan ini bocor.

Saya rasa kita harus menimbang semula kemungkinan bahawa SPM diambil semula untuk memastikan bahawa integriti dan kredibiliti peperiksaaan tidak tercemar langsung. Jika perkara ini berulang, saya takut bukan sahaja dalam negara kita, tetapi mereka yang mendapat keputusan yang cemerlang akan dipersoalkan atau akan diragui. Tetapi masalah yang lebih besar lagi ialah mana-mana peperiksaan selain daripada SPM, baik daripada peringkat sekolah menengah ataupun peringkat universiti tidak akan diyakini atau dipercayai di luar negara. Kalau soalan-soalan peperiksaan ini boleh dibocorkan dengan begitu mudah sahaja, saya takut bahawa keseluruhan integriti dan kredibiliti sistem peperiksaan dalam negara kita tidak boleh dipakai di luar negeri. Oleh itu, saya harap bahawa pihak kementerian jangan menganggap perkara ini sebagai satu perkara yang remeh-temeh, tetapi satu perkara yang serius sekali, yang merupakan satu serangan yang khusus dan juga yang serius terhadap sistem pendidikan kita. Kalau sesuatu peperiksaan dalam sistem pendidikan kita tidak boleh dipercayai, saya rasa apa-apa usaha yang kita buat hanya merupakan satu usaha yang sia-sia sahaja.

Yang penting sekali, kalau kita hendak mencapai hasrat negara menjadi pusat pendidikan yang cemerlang, perkara ini adalah lebih penting lagi. Macam mana kita boleh menjadi pusat pendidikan cemerlang di rantau Asia, kalau sistem peperiksaan kita tidak boleh dipercayai dan soalan boleh bocor. Saya rasa itu memang satu perkara yang serius, bukan sahaja dari segi integriti pendidikan kita, tetapi juga dari aspek sumbangan ekonomi kepada negara. Tidak boleh dinafikan bahawa ibu bapa-ibu bapa membelanjakan lebih RM3 bilion setahun untuk menampung perbelanjaan pelajar-pelajar kita atau anak-anak kita belajar di luar negara. Kalau jumlah ini boleh dijimatkan, kita akan mengurangkan defisit akaun semasa, tetapi hasrat atau penjimatan ini hanya boleh dibuat kalau kita ada satu sistem pendidikan yang paling ulung dan cemerlang sekali di rantau Asia. Jadi, macam mana hasrat ini boleh dicapai, kalau dengan tindakan beberapa orang pegawai yang tidak bertanggungjawab, yang diamanahkan menjaga kredibiliti dan keselamatan soalan-soalan peperiksaan boleh dibocorkan dengan begitu mudah.

Saya amat terkejut bahawa perkara ini masih boleh berulang lagi, kerana saya masih ingat beberapa tahun yang lepas di mana peperiksaan terpaksa diulangi semula kerana masalah yang sama - masalah kebocoran soalan. Tetapi sungguhpun begitu kita masih lihat bahawa masalah ini berulang-ulang lagi. Adakah ini bermakna bahawa sistem kementerian telah gagal dalam pengawalseliaan ataupun penguatkuasaan sistem dan kaedah-kaedah keselamatan yang dipakai ke atas semua pemeriksaan.

Saya rasa Majlis Peperiksaan Malaysia tidak boleh lari daripada tanggungjawab dalam perkara ini, sekurang-kurangnya pihak atau pegawai yang terlibat haruslah diambil tindakan. Sungguhpun mereka tidak terlibat secara langsung dalam kebocoran soalan, tetapi kalau benar ada kebocoran soalan, adalah perlu bahawa pegawai-pegawai tersebut mestilah diambil tindakan supaya kita boleh memenuhi prinsip akauntabiliti. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak saya rasa perkara ini tidak habis-habis lagi, akan berulang pada tahun hadapan dan yang terbocor atau yang terkeluar dalam pengetahuan orang ramai adalah untuk peperiksaan seperti SPM. Mana kita tahu, mungkin peperiksaan di peringkat universiti pun menghadapi masalah yang sama, tetapi tidak dibongkarkan kerana masalah ini atau kebocoran soalan-soalan tersebut hanya terkhusus atau terhad dalam sesuatu atau sesebuah universiti.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil catitan atau beliau hanya dengar sahaja, tetapi kalau ada saya harap boleh disampaikan kepada Yang Berhormat dari Jempol.

Di sini saya hendak bertanya sama ada masalah kertas-kertas soalan yang bocor adalah meluas dan adakah ia telah merebak bukan sahaja dari peringkat sekolah menengah, tetapi juga dari peringkat tertiary atau atasan dan sehingga sampai ke peringkat universiti. Adalah dikesali bahawa masalah ini masih belum diatasi, sungguhpun janji-janji telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bahawa inilah kali terakhir tindakan tegas dan keras akan diambil ke atas pihak yang terlibat, tetapi ia masih berlaku lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya ingin mencadangkan sebagai usaha - siapa lagi yang mengambil catitan macam ini kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada? Mungkin lebih baik kita urgent the Houselah kerana tidak ada orang yang mengambil catitan. Tetapi at the risk of speaking to the empty audience, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan untuk memastikan bahawa sistem peperiksaan dalam negara kita tidak menghadapi masalah kebocoran soalan, kita harus melantik satu syarikat akauntan atau syarikat auditing untuk menjalankan tugas ini. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa pertandingan semua proses penghakiman atau peperiksaan dijalankan oleh syarikat pengauditan (auditing firm). Contohnya hadiah Oskar (Oscar Award) untuk pelakon-pelakon. Inipun dijalankan oleh syarikat pengauditan dan kalau kerajaan tidak mampu, tidak mempunyai kebolehan untuk menjaminkan....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Rompin. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya tertarik dengan pandangan Kota Melaka, memang bernas ulasannya, kadang-kadang lebih bernas daripada Ketua Pembangkang sendiri.

Mengenai penggunaan audit ini, bagaimana pemilihan dan dalam parti DAP? Macam kita UMNO kita menggunakan juruaudit luar, kalau tidak silap saya Anderson. Adakah DAP menggunakan juruaudit luar ini? Kerana kadang-kadang kita dengar mereka berpakat belaka, satu sampai ke bawah semua sudah diumumkan lebih awal sebelum pemilihan. Adakah transparency dalam DAP sendiri sebelum kita mencadangkan kepada orang lain? Saya minta pandangan dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat janganlah menjadi 'batu api' dan penghasutlah. Saya rasa dari segi pandangan-pandangan yang bernas, pemimpin-pemimpin parti yang lebih kanan lagi mempunyai pandangan yang lebih bernas, hanya tidak mahu diperakui atau diakui oleh Yang Berhormat dari Rompin sahaja, yang cuba menarik perhatian sedikit ke atas dirinya sendiri. Tetapi saya faham mengapa beliau perlu sedikit attention, kalau boleh saya ingin memberikan nasihat bahawa Yang Berhormat adalah seorang yang mempunyai kebolehan sendiri, tidak payah menggunakan taktik macam ini untuk grap attentionlah, dengan sendirinya sudah cukup kebolehan, bukan seperti rakan-rakan yang lain, yang mungkin perlulan taktik macam ini. Tetapi Yang Berhormat janganlah 'jatuh standard' untuk menggunakan taktik seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, balik tajuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tentang pengauditan ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Balik kepada tajuk ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Tadi dia minta penjelasan.

Mengenai syarikat pengauditan. Saya tidak tahulah kalau UMNO ada menggunakan Authur Andersen mungkin timbul pula keputusan-keputusan yang tidak boleh diyakini. Itulah sebabnya perlu digunakan syarikat pengauditan. Tetapi di dalam DAP, saya rasa kita tidak ada masalah-masalah seperti yang wujud di dalam UMNO. UMNO perlukan syarikat pengauditan kerana ada masalah serius iaitu 'politik wang', sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa mengalir air mata kerana masalah politik wang yang begitu serius di dalam UMNO. Di dalam DAP kita tidak ada masalah 'politik wang', sebaliknya kita mendapat kesulitan untuk menarik pemimpin-pemimpin yang bersedia memberikan pengorbanan. Secara terus-terang, misalnya saya sendiri....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kota Melaka, cukuplah, balik kepada tajuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta di luarlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa susah untuk menarik orang masuk ke parti Pembangkang kalau mereka akan ditahan di bawah ISA dan tidak ada peluang untuk menjadi kaya seperti Yang Berhormat dari Rompin. So, itu yang akan menjadi kesulitan dan kita tidak ada masalah, ia tidak dipertikaikan langsung oleh ahli-ahli, bukan seperti dalam UMNO yang besar,......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** ....yang mempunyai masalah yang serupa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Hendak minta jalan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Hendak minta jalan? Jangan cakap saya tidak beri jalan. Saya beri jalan, tetapi sendiri tidak mahu ambil. Okay. Untuk menyokong........

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya terima, kalau dicabar. Jadi, saya hendak bertanya kalau tidak ada masalah dalam DAP, mengapa mereka dari Negeri Sembilan masuk MCA? Kalau dalam DAP aman, damai, tidak ada masalah mengapa mereka masuk MCA? Ini bermakna, dengan izin, you have equal share of the problem. So, janganlah katakan bahawa orang lain ada masalah, sekarang DAP tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat saya ingat cukuplah, balik kepada tajuk. Kita banyak kerja ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya rasa kita tidak ada masalah dalam keputusan pemilihan yang dijalankan - itu tidak ada masalah langsung. Tetapi kalau ada pemimpin-pemimpin yang menjualkan amanah mereka, menjualkan prinsip mereka selepas masuk MCA, mereka ada kereta Toyota baru, saya rasa kita boleh lihat sama ada wujud 'politik wang' atau tidak - itu memang jelas. Saya rasa Yang Berhormat dari Rasah memang fasih dalam perkara ini dari saya kerana beliau adalah dari Negeri Sembilan. *[Ketawa]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, sama ada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu boleh memberi bukti yang menunjukkan 'Toyota' baru ini ada kaitan dengan orang baru yang masuk MCA atau Barisan Nasional?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat, yang menjadi seorang veteran politik

bukan sahaja melawan DAP, tetapi di dalam persengketaan MCA di Negeri Sembilan faham apa yang saya sebutkan, siapa yang memandu kereta Toyota yang baru. Kalau tidak tahu, saya rasa beliau pura-pura sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang dia sudah takut, sebab itulah dia minta saya teruskan. Baik, saya akan teruskan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau Yang Berhormat hendak minta jalan, saya akan beri, .........

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** ..........saya gentleman. Jangan buat suara-suara sumbang di sana-sini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya ingin mencadangkan. Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah masuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau masalah kebocoran soalan-soalan dalam SPM tidak boleh diatasi, saya rasa mungkin kita perlu melantik sebuah syarikat pengauditan untuk menguruskan keselamatan soalan-soalan tersebut. Ini sebagai satu cadanganlah, kecuali pihak kementerian ada satu leak prove system, di mana boleh menjamin bahawa kebocoran tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana sistem tentu ada kemungkinan wujudnya kebocoran kalau ia diuruskan oleh manusia, kerana manusia kalau mereka menghadapi sebarang kelemahan, kemungkinan kebocoran masih wujud, tetapi kita boleh mengurangkan risiko ini, kalau ada sistem kawalan dalaman yang baik, rapi dan teratur. Saya rasa dalam aspek ini, sungguhpun pernah wujud beberapa kes yang sedemikian, nampaknya Kementerian Pendidikan belum lagi mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan efektif. Oleh sebab itu saya harap bahawa pihak kementerian boleh menjelaskan apakah sistem pengawal seliaan ke atas peperiksaan sekarang dan di manakah kelemahan yang mungkin timbul, yang menyebabkan soalan-soalan ini bocor. Adakah tindakan yang sewajarnya telah diambil. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau perkara ini tidak diatasi, selain daripada mempersoalkan kewibawaan sistem peperiksaan kita ia juga akan menjadi satu pukulan teruk terhadap semangat pelajar-pelajar, kerana mereka akan mempunyai pandangan tidak guna berusaha atau gigih dalam pelajaran atau belajar kalau soalan-soalan tersebut boleh dibeli. Ia jua akan membawa satu message yang tidak sihat sekali, bahawa dalam dunia ini wang boleh membeli segala-galanya, termasuk sijil peperiksaan.

Seperti yang saya nyatakan Tuan Yang di-Pertua, satu set kertas ujian dijual di antara lingkungan RM1,500 hingga RM5,000. Ini hanya orang kaya sahaja yang mampu, kalau untuk mereka yang menduduki SPM. Orang kaya sahaja yang mampu. Kalau orang miskin, sungguhpun mereka ada peluang, mereka tidak akan membeli, kerana tidak mampu. Sungguhpun itu adalah sesuatu yang salah, tetapi ini hanya memberikan satu message, satu nilai yang tidak sihat sekali bahawa wang boleh membereskan segala-galanya. Oleh sebab itu, saya berharap kalau kita hendak menghapuskan masalah rasuah, hendak memupuk dan menyemaikan prinsip-prinsip dan nilai-nilai murni bahawa wang bukan segala-galanya, saya rasa ia harus dimulakan dari peringkat sekolah, kalau dalam sekolah pula timbulnya penjualan soalan-soalan, saya rasa itulah satu tanda yang amat bahaya sekali, sama seperti yang berlaku dalam setengah-setengah universiti di Amerika Syarikat, di mana untuk kertas-kertas kerja boleh dengan izin, 'ghost written'. Boleh dibuat, disediakan oleh orang-orang lain dengan pembayaran-pembayaran yang sewajarnya. Oleh sebab itu kita tidak harus membenarkan budaya yang tidak sihat ini meresapi atau masuk ke dalam negara kita. Saya tidak faham sungguhpun ada berbagai tindakan yang telah diambil, tetapi masalah ini masih belum diatasi.

Yang penting sekali, saya harap kalau benar ada wujud kebocoran soalan-soalan peperiksaan bukan sahaja tindakan diambil ke atas mereka yang telah menerima keuntungan daripada membocorkan soalan-soalan tersebut, tetapi juga ke atas pegawai-pegawai yang mungkin tidak mendapat keuntungan, tetapi secara akauntabiliti bertanggungjawab ke atas perkara ini. Mereka juga mesti dipertanggunjawabkan - tindakan harus diambil. Di samping itu yang penting sekali ialah kalau kredibiliti dan kewibawaan SPM ini tercemar, saya rasa untuk memastikan bahawa layanan yang sama diberikan kepada semua pelajar iaitu mereka yang tidak dapat lihat soalan-soalan tersebut, saya rasa adalah perlu bahawa kita menimbang sama ada SPM perlu diambil semula.

Saya tahu bahawa kalau ia diambil semula, ia akan membawa kesulitan yang amat sangat kepada pihak kementerian dan juga pelajar-pelajar. Tetapi

kalau perkara ini berlaku secara meluas, saya rasa demi prestij dan nama baik sistem pendidikan negara kita, ia harus diambil kira.

Pada masa yang sama saya juga ingin bertanya kalau guru-guru tahu tentang perkara ini, mengapakah mereka tidak diwajibkan atau mengapakah mereka tidak membuat laporan kepada pihak Kementerian Pendidikan. Kalau kita melihat atau membaca laporan surat khabar *Utusan Malaysia* adalah dinyatakan bahawa ada beberapa pelajar yang telah membuat pengaduan kepada pengawal peperiksaan itu bahawa soalan-soalan yang dikeluarkan dalam kertas SPM telah bocor, tetapi mereka pun tidak mengambil sebarang tindakan. Saya ingin bertanya sama ada satu mekanisme untuk menangani sebarang kemungkinan kalau wujud pada masa itu kertas soalan telah bocor.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** *[Masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang telah pun masuk, dan saya harap beliau boleh memberikan jawapan yang telah dicatatkan oleh rakan dia. Saya harap perkara ini boleh diberikan perhatian serius kerana ini memang akan menggagalkan usaha kita menjadi pusat pendidikan cemerlang serantau Asia kalau perkara seperti ini berlarutan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin.

**5.31ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam isu kebocoran ini kita boleh setuju dengan Kota Melaka, tetapi dia bangun dia keluar terus. Saya turut memandang berat dengan kes kebocoran atau kes yang dikatakan kebocoran dalam peperiksaan SPM baru-baru ini. Tetapi saya yakin seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan bahawa ini dakwaan sahaja. Yang sebenarnya tidak ada kebocoran. Kita mengucapkan syabas kerana kementerian sudah mengambil tindakan yang wajar meminta supaya pihak polis menjalankan siasatannya. Kita mohon supaya selepas polis membuat siasatannya, tahu tentang kedudukan yang sebenar, kita minta kementerian mengumumkannya secara sah apa yang sebenarnya berlaku dengan kenyataan yang mana dakwaan mengatakan peperiksaan ini bocor.

Saya mengucapkan syabas juga dalam perkara kedua, keputusan UPSR dikeluarkan hari Sabtu dahulu. Anak saya sendiri mengambil peperiksaan UPSR, sebagai seorang bapa kepada anak kita yakin ia yang mengambil peperiksaan, kita pun sama-sama yang susah hati. Tetapi alhamdulillah, seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan keputusannya bertambah baik tahun ini. Di antara yang bertambah baik itu termasuklah anak saya sendiri, dan kita mengucapkan syabas kepada kementerian bukan sahaja keputusannya, baik peningkatan keputusan, tetapi di luar bandar pun ada peningkatan. Ini penting, bahawa ramai masyarakat Malaysia bukan sahaja orang Melayu, orang India, orang Cina pun ada yang duduk di luar bandar bahawa penting kecemerlangan itu bukan hanya kepada kelompok-kelompok kecil sahaja. Peluang untuk menjadi warga Malaysia yang berjaya bukan hanya kepada mereka yang duduk di bandar sahaja, ini penting.

Saya pun setuju dengan Ketua Pembangkang. Dia kata beliau juga mahu melihat supaya masyarakat luar bandar juga mendapat kejayaan. Alhamdulillah, Ketua Pembangkang sudah berubah. Kalau dahulu dia hanya berjuang untuk sekelompok masyarakat, sekarang nampaknya dia berjuang untuk seluruh bangsa Malaysia. Tetapi saya masih merasa perjuangannya untuk seluruh masyarakat Malaysia ini hanya pada mulut dahulu, belum pada kenyataan lagi. Mungkin dia hendak bersedia untuk pilihan raya akan datang. Kalau tidak ada sokongan undi luar bandar tidak yakin DAP akan meneraju kerajaan. Setakat ini kita nampak pada mulut sahaja. Sebab beliau masih lagi - saya bersama dengan beliau semasa dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara dahulu, isu yang sama, idea yang sama yang diluahkan dalam MAPEN dahulu - tak tahulah Kepong ada atau tidak dalam MAPEN, Kepong ada. Yang sama, dia masih tetap dengan konsep kecemerlangan dia. Kalau betul-betullah Ketua Pembangkang DAP bersetuju supaya penduduk di luar bandar juga mendapat peluang yang sama untuk berjaya, peluang yang sama menikmati kejayaan dalam arus pemimpin negara, mengapa tidak diubahsuai.

Sebagai contoh, tadi saya beri contoh, yang di luar bandar makmal pun tidak ada. Guru masih lagi guru sangkut. Guru bahasa Inggeris pun yang hanya lulus SPM peringkat tiga mengajar bahasa Inggeris. Contoh saya hendak bawa, katalah

komputer. Tiap-tiap anak boleh dikatakan dalam bandar di rumahnya sendiri sudah ada komputer. Tiap-tiap anak bandar majoriti ada komputer. Di sekolah belum ada di tiap-tiap sekolah yang ada komputer, kalau ada pun satu-dua sahaja. Belum sampai tahap lagi kerajaan berupaya memberikan kerana ini memakan peruntukan belanja yang besar. Kalau kita adakan kelas komputer ataupun peperiksaan SPM, komputer sains katakan, dan katakan bahawa yang dapat A cemerlang dalam komputer pada ketika itu yang ini sahaja kita benarkan untuk menyertai arus pembangunan IT. Is that fair, adakah ini adil? Tidak adil. Is not on level playing field, dengan izin. Mereka tidak ada kemudahan, tidak ada komputer and yet, dengan izin, kita bergantung semata-mata atas dasar keputusan peperiksaan yang tidak adil, saya tidak bersetuju benar.

Kalau benar-benar DAP sudah berubah untuk membawa kepada perjuangan dekad akan datang, nyatakan apa yang dikata, kota apa yang dikatakan, ikut pandangan kita bahawa bukan sahaja kecemerlangan itu penting tetapi latar belakang itu penting juga, the field must also be level, dengan izin. Ini baru boleh kita akur, kalau tidak pandangan yang serupa semasa dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) hanya diubahsuai, diwarnakan dan dimaniskan untuk pilihan raya sahaja. Kalau Kepong hendak jawab bangun boleh. Adakah pandangan DAP dan isu pendidikan berbeza. Tidak berbeza, sama sahaja. Kepong bukan berani. Kalau Ketua Pembangkang kata, kamu jangan bertanding akan datang, dia tidak akan bertanding. Saya akan beri contoh macam Seputeh, dahulu Seputeh duduk sebelah Kota Melaka, sekarang ini duduk di sebelah lain, betulkah. Selepas itu Seputeh diminta oleh Ketua Pembangkang pula untuk memberi laluan kepada orang lain pula. Dalam politik DAP, wilayah pun ada masalah. Di Perak pun ada masalah. Konon kata UMNO ada masalah, dalam DAP apa kurangnya. Jelutong tidak tahulah sebab dia seorang sahaja. Kalau tukar tidak ada orang lain.

**Tuan Liew Ah Kim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja. Mana parti yang tidak ada masalah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Satu kenyataan umum, tolong pihak media, bahawa pada hari ini Seputeh mengaku bahawa ada masalah dalam DAP dan parti-parti lain, barulah kita terima. Yang kita tidak terima, amboi cantiknya DAP ini, moleknya, cemerlangnya. Yang buruk UMNO, MCA dan Gerakan, BN. Kepong hendak bangun, bangunlah, Jelutong hendak bangun, bangunlah. Tadi Kota Melaka beri peluang kepada saya. Sekarang saya hendak beri peluang kepada DAP pula. Bukan saya cabar tetapi beri peluang. Hendak cabar Jelutong saya malas cabar sebab dia orang lama, saya hormat.

Contoh macam di Wilayah, kononnya kes Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak memberi jalan kepada Cheras untuk mempengerusikan Jawatankuasa Wilayah. Setelah pengumuman dibuat, yang menang bukannya Cheras tetapi Kepong. Walhal Ketua Pembangkang hendakkan Cheras supaya mempengerusikan, yang menangnya Kepong. Maknanya Cheras dengan Kepong ada problem sedikit. *[Ketawa]* Kalau tidak ada problem bangun kedua-dua nyatakan tidak ada problem kami berdua. Kepong sila bangun. *[Ketawa]* Bangun Kepong! Tidak berani, biasalah. Kita ada isteri, kalau kita katakan orang, kamu ada masalah dengan isteri kamu, konon kita tidak ada masalah dengan isteri kita, biasalah. Mana-mana suami-isteri tak ada masalah biasa. Tetapi yang kita bimbang DAP tidak ada masalah, orang lain semua ada masalah, kita tidak ada masalah, kita yang paling cantik, confirm. Tidak berani, kalau dia bangun sekarang, tahun depan Ketua Pembangkang tukar dia pula. *[Ketawa]* Tidak berani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Keluar tajuk, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya berbalik kepada isu tadi. *[Ketawa]* Saya menjawab cabar tadi. Media, tolong jangan lupa, *Chinese Press*, for the first time DAP mengaku dia pun ada masalah keluarga dalam DAP seperti juga parti-parti yang lain. Alhamdulillah, dahulu dia tidak mengaku ada masalah, ini yang kita geram. Saya berbalik kepada isu tadi.

Bermakna dalam contoh komputer, walaupun kerajaan telah memutuskan memastikan supaya tiap-tiap sekolah luar bandar ada komputer, kita ada pun komputer di tiap-tiap sekolah, sudah ada sekarang ini hendak ditambah lagi. Tetapi di dalam bandar bukan sahaja di sekolah ada sekurang-kurangnya 40 komputer, ada makmal komputer, di luar bandar belum ada lagi, insya-Allah, tidak lama lagi akan diadakan, tetapi di rumah masing-masing ada

komputer dan masing-masing ada Internet. Di luar bandar apa Internetnya. Yang dia tahunya net tangkap ikan, fishing net yang tahunya. Betul, yang dia tahu fishing net. Cuti sekolah pergi sungai tangkap ikan, itu net yang dia tahu. Anak kita cuti sekolah dia surfing dalam Internet. Saya teringat dalam kartun Lat, panjat pokok tengok orang tidak ada, tanggal baju terjun sungai, dia surfing macam itu. Sekarang mana surfing pakai komputer.

Kalau kita adakan perkara komputer sains sama ada Tingkatan Tiga atau Tingkatan Lima, adakah bermakna kalau orang bandar mendapat A, cemerlang A, semestinya mereka itu cemerlang dan orang kampung di atasnya tidak ada apa dalam komputer, tidak benar sekali. Sebab itulah DAP tolonglah jangan politikkan balik isu ini. Saya ingat dia sudah berubah benar-benar dan perubahan dia untuk membantu orang luar bandar hanya pada mulut sahaja. Setiap kita Ahli Parlimen yang balik ke bandar jangan lupa kita beritahu. Jangan terpengaruh dengan DAP nanti, hanya kata dan hanya pada mulut sahaja mereka menjaga dan membantu luar bandar tetapi pada hakikatnya hanya menjaga dalam keluarga dan parti dalam kumpulan sasar, kumpulan mereka yang dahulu juga.

Dalam isu ini dia berbalik kepada isu kuota. Dia tidak cakap sahaja dia tidak sokong tentang isu kuota. Tetapi yang saya berasa berat sebab dia menolak kuota tetapi tidak sebut. Itu yang saya hangat sedikit. Dia takut hendak mengatakan dia tolak kuota, keluar dalam surat khabar, dia hilang undi Melayu. Dia kata dia hendakkan hanya cemerlang sahaja. Tadi dia kata kononnya yang tidak dapat itu dihalau daripada institusi pengajian tinggi negara kita. Itu tidak benar. Sebab itu kerajaan untuk memberikan tempat yang lebih kepada pendidikan tinggi diswastakan pendidikan kita. Banyak manakah Yang Berhormat Timbalan Menteri twinning program. Tolong jawab saya hendak tanya sedikit. Berapa peratus orang Melayu di situ. Lebih ramai Melayukah atau lebih ramai bukan Melayu? Saya hendak tahu Yang Berhormat hendak jawab sekarang. Saya hendak jawab. Tetapi kita tidak mempolitikkan isu ini. Kita kata bahawa daripada rakan Malaysia kita, oleh kerana mereka tidak ada tempat dalam institusi-institusi kerajaan, kalau mereka sanggup bayar sendiri belajar dalam swasta, mengapa kita ketepikan hak kaum Malaysia dalam peruntukan bumiputera itu. Sebab itu DAP hendaklah beri tahniah dan penghargaan kepada kerajaan. Jangan politikkan isu lama ini.

Yang sebenarnya oleh kerana kita besarkan ruang, bukakan institusi swasta, kami pun dalam UMNO sedikit-sedikit kena bahas. Betulkah Ahli-ahli Parlimen UMNO, betul. Tetapi ini korban kita. Janganlah pengorbanan kita itu dianggapnya sia-sia sahaja, dijadikan juga bola politik kembali. Kepong hendak bangun bukan berani. Inilah saya katakan saya tidak setuju benar hanya tempat-tempat institusi-institusi - Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong, ramai daripada kalangan Ahli Parlimen tidak bersetuju bahawa tempat, the merit alone should be use as a criteria. Ini berkenaan sistem merit, dia hendak sistem meritokrasi kami tidak setuju. Dia tidak cakap sahaja, dia guna perkataan 'cemerlang' sekarang. Dahulu dalam MAPEN panggil meritokrasi, dia hanya setuju sistem meritrokrasi sahaja, kita tidak bersetuju. Dia gunakan 'cemerlang' sekarang, tetapi caranya, hatinya, agendanya sama. Tolong jangan bawa isu baru ini.

Kita bukan tidak bersetuju merit, but we do not believe, dengan izin, policy of merit alone semata-mata. Tetapi merit itu penting. Siapa tidak mahu anaknya mendapat lima A, siapa tidak mahu anaknya UPSR mendapat empat A, semuanya mahu dapat. Anak yang cemerlang sekarang lima A. Anak saya UPSR dapat lima A. *[Ketawa]* Ini bapa seronok sedikit. Tamil tujuh A, tidak tahulah kalau Jelutong hendak beritahu saya betulkah, saya tidak lupa Tamil. *[Ketawa]* Kalau Jelutong lupa Tamil kalah pilihan raya nanti. Bahawa kami tidak bersetuju meritokrasi itu. Tetapi kami setuju meritokrasi with a big 'BUT'. Meritokrasi is a simple important, excellancy is very important. We cannot move away, dengan izin, daripada konsep itu. Tetapi apa yang kita tidak setuju digunakan meritokrasi semata-mata tidak ambil kira fikiran-fikiran lain. The plying field must be level.

Kalau luar bandar jelas, tidak cukup komputer, tidak cukup kemudahan, tak cukup makmal, tetapi jangan hanya kemasukan universiti, pemberian biasiswa hanya bergantung kepada meritokrasi, itu kami tidak bersetuju. Tetapi meritokrasi itu penting selepas diambil kira kedudukan latar belakang anak-anak tadi, tidak kira kaum. Macam Pokok Sena, anak dia duduk di Kuala Lumpur, isterinya duduk di Kuala Lumpur. Di kawasan dia memang tidak ada isteri, saya tahu. *[Ketawa]* Hendak bangunkah kata ada isteri satu sahaja? *[Ketawa]* Itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tentang usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan dalam pendidikan kita. Kita menyokong juga bahawa meritokrasi itu penting, tetapi bukan hanya meritokrasi semata-mata menentukan semuanya, tempat, masuk universiti, tempat mendapat

biasiswa. Tetapi mesti diambil kira latar belakang anak-anak kita itu. Kalau mereka di dalam bandar sewajarnyalah meritokrasi sahaja. Tetapi bagi anak-anak kita di luar bandar macam rumah panjang, ya Saratok, betulkah anak-anak kita di luar bandar di rumah panjang ada komputerkah?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Api pun tidak ada.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Api pun tidak ada. Kalau hanya dipilih lima A, berapa ramai orang di rumah panjang mendapat lima A. Air paip pun tidak ada, buku pun tidak ada. Tuan Yang di-Pertua pun daripada Sarawak, bukan daripada Pahang. Pernah satu orang datang berjumpa dengan saya, datang bawa beg hendak jumpa saya. Saya kata saya tidak ada appointment dengan satu orang yang membawa beg. Rupanya dia ada appointment dengan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang datang jumpa nasib baik lelaki, bukan perempuan. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

**5.50 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik dengan Yang Berhormat dari Rompin. Soal meritokrasi dahulu Ketua Pembangkang yang membawa. Jadi, saya terus-terang tidak minat langsung soal meritokrasi buat masa sekarang. Jadi, yang disebut oleh Yang Berhormat dari Rompin itu amatlah membanggakan saya, kerana nampaknya banyak pemimpin bukan sahaja Melayu tetapi juga bumiputera terutamanya orang daripada luar bandar yang tidak begitu percaya yang meritokrasi dalam keadaan sekarang boleh mendatangkan keadilan, terutama sekali kepada anak-anak di luar bandar sama ada Melayu ataupun bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja soal Akta Majlis Pendidikan Malaysia (Pindaan) ini. Saya memang amat sangat bersetuju agar perkara kebocoran ini boleh dielakkan, dan dielakkan daripada berlaku lagi. Walaupun baru-baru ini kita dengar, ada yang menjual kertas RM2,000, RM1,000, RM5,000 dimasuk dalam surat khabar. Bahkan dikatakan keluar dalam Internet, iaitu kertas peperiksaan Malaysia dikeluarkan dalam Internet yang berasal dari Indonesia kononnya. Jadi, saya suruh anak saya surfing di Internet, mencari jawapan soalan tersebut. Tetapi ternyata sekali jawapan yang dikatakan soalan-soalan bocor itu tidak menepati sangat yang telah dihebohkan di sana-sini mengatakan kebocoran daripada peperiksaan Malaysia. Jadi, anak saya menyatakan walaupun tidak perlu peperiksaan ini lagi kenalah lulus dari segi ijazahnya, jadi tidak berjumpa dengan apa yang dikatakan kebocoran dalam Internet.

Surat khabar mengatakan ada kebocoran kertas soalan peperiksaan dijual dengan begitu mahal. Jadi, kalau pun tidak benar perkara ini berlaku saya berharap pihak kementerian mengambil perhatian yang khusus untuk nama dan kredibiliti Malaysia sebagai pusat pengajian di rantau ini dan untuk memberi kredibiliti kepada kelulusan-kelulusan yang didapati di negara kita. Jangan dengan khabar-khabar angin yang tidak begitu tepat, yang tidak betul terjejas pula pandangan orang kepada mutu pelajaran di negara kita. Jadi, dalam keadaan yang demikian saya memang menyokong apa sahaja tindakan kerajaan kalau kita boleh membendung perkara kehilangan duit daripada tempat membuat duit, jadi saya percaya kehilangan ataupun kebocoran dari segi kertas peperiksaan ini juga boleh kita jagakan sebagaimana kita jagakan wang.

Jadi, memang tidak dapat dinafikan iaitu walau bagaimana jaga sekali pun kalau manusia itu bernama manusia dan manusia menjaga perkara ini, kebocoran mungkin tetap berlaku, tetapi dengan keadaan minimum sekali tidak siapa pun boleh menjejaskan keadaan pelajaran ataupun kelulusan yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyebut dan ingin menyebut semula soal sistem peperiksaan dan sistem pelajaran negara kita patutlah dipandang semula. Oleh kerana soalan peperiksaan begitu ketat sekali dan semua masa depan kelulusan itu adalah bergantung kepada peperiksaan yang diduduki oleh murid-murid pada satu-satu ketika. Umpamanya sebelum mendapat penilaian murid mesti belajar enam tahun. Tetapi penilaian ini boleh dibuat dalam masa dua jam. Kalau pening kepala, sakit kepala dimarah ibu bapa sebelum pergi ke sekolah atau terlambat naik bas, naik kereta ada kemungkinan peperiksaan dalam masa dua jam itu akan terjejas walaupun telah belajar dengan gigih dan tekun selama enam tahun di sekolah yang top ataupun eksklusif.

Begitu juga peperiksaan PMR, tiga tahun belajar, peperiksaan SPM dua tahun selepas PMR dan dua tahun STPM selepas SPM. Pelajaran ini diambil dengan begitu gigih dan tekun, tetapi oleh kerana semua masa hadapan murid yang menduduki peperiksaan itu akan di'determine', dengan izin,

dalam masa peperiksaan dua jam atau tiga jam, memang ada kemungkinan iaitu matlamat kerajaan untuk melihat yang kertas certificate atau sijil yang bakal diberi dan diterima itu adalah benda yang amat penting sekali. Jadi, dengan keadaan yang penting sekali itu tidak kiralah manusia bernama manusia akan menggunakan apa cara sekali pun, treading the narrow margine untuk mendapat edge over any other person, dengan izin. Maknanya kalau boleh dibeli kertas dibelilah kertas, kalau hendak kena bunuh orang, mungkin kena bunuh orang boleh juga. Kalau RM20.00 boleh bunuh orang tepi jalan, ini pun kita sudah belajar dua tahun, tiga tahun, enam tahun belajar tetapi bila pening kepala peperiksaan nanti, mungkin gugur ataupun tidak lulus peperiksaan.

Jadi, dari saya hampir empat tahun di Dewan ini saya mengatakan sistem pelajaran yang determine hanya tiga tahun sahaja, tiga jam sahaja dalam masa bilik peperiksaan itu mestilah dilihat semula. Oleh kerana saya menyebutkan iaitu kita pandang daripada sistem, satu sistem kita mengatakan iaitu kita hendak kecemerlangan anak-anak murid ini akan di'determine by the result of the examination, dengan izin. Tetapi satu sistem lagi mengatakan kurikulum kita menghendaki anak-anak murid ini menjadi manusia yang round person, iaitu menjadi manusia yang total, berakhlak tinggi, berbudi pekerti, pandai sosial, pandai bergaul, berilmu, beragama dan sebagainya.

Tetapi dalam keadaan demikian juga, determining factor, dengan izin, ialah kertas peperiksaan, bukan soal sosial, pergaulan, kebaikan budi pekerti dan ilmu ataupun agamanya. Jadi, dengan sendirinya soal sosial, agama dan moral itu disisihkan atau diketepikan oleh kerana mengejar kecemerlangan pendidikan untuk mendapat sijil yang baik. Jadi, moral ditinggal maka keluarlah perkara lain akan menjalar keluar, iaitu umpamanya mencuri kertas, meniru dan sebagainya. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat semula the need of this nation, dengan izin. Jangan pandang kerana kita warisi peperiksaan ini daripada British dahulu, kenapa kita tidak berubah. British dahulu mengajar kalau hendak periksa memang dia filter seberapa baik yang boleh supaya the least number of orang dijajah masuk ke universiti the better will be, dengan izin. Tetapi sekarang kita tidak hendak lagi. Kalau Amerika boleh hantar orang ke bulan, menjelajahkan dunia lepas dengan keadaan sistem mereka yang hybreed, iaitu peperiksaan digunakan daripada prestasi sosial, kebajikan, pergaulan dan sebagainya untuk meluluskan peperiksaan di universiti dan pada peringkat di sekolah yang tinggi, kenapa pula kita memandang sistem dibuat di Amerika itu kurang baik daripada apa yang kita warisi daripada British menggunakan tiga jam untuk menentukan sama ada murid ini cemerlang ataupun tidak cemerlang.

Jadi, apa Yang Berhormat dari Rompin kata tadi memang ada banyak persamaan dalam persoalan ini. Kalau anak-anak itu umpamanya mendapat pendidikan yang begitu baik, tetapi oleh kerana peperiksaan itu seperti padinya menguning tetapi oleh kerana air bah dan sebagainya habis dihantam air dan ibu bapa dia marah, jadi dia turun buat periksa pun tidak sedap, lulus tidak lulus pun mungkin berlaku. Jadi, keadaan sedemikian kita mesti kena pandang semua segi, anak dari Kuala Lumpur lambat datang ke sekolah. Bila sampai sekolah masih - orang Sarawak kata tersengih-sengih, masih *[Menunjukkan gaya tercunggap-cunggap]* macam ini, tetapi duduk peperiksaan tiga jam untuk menentukan sama ada dia cemerlang ataupun tidak cemerlang.

Jadi, dalam keadaan orientasi yang kedua ini, satu sistem pendidikan untuk mengeluarkan murid yang total dan baik, manusia yang berilmu dan perpendidikan dan satu lagi orientasi untuk mendapatkan kecemerlangan peperiksaan bercanggah dalam pandangan peribadi saya, bercanggah untuk mengeluarkan masyarakat yang madani. Saya berharap pihak kementerian melihat daripada apa yang kita warisi dan apa yang dipraktik oleh orang lain yang telah mendapatkan kebaikan untuk negara mereka. Kita cuba jangan oleh kerana kita dahulu belajar di Oxford ataupun Cambridge dan balik dengan idea sukatan Cambridge itulah yang utama. Kenapa pula tidak guna yang dia belajar di Amerika, di MIT di Havard dan Yale dan sebagainya. Kita juga gunakan tetapi dia guna sistem yang berlainan. Sistem yang berlainan ini boleh mendatangkan juga kecemerlangan dalam masyarakat mereka. Jadi, untuk negara kita sepatutnya kita menyelidiki soal ini supaya jangan ditekankan sangat soal peperiksaan. Peperiksaan ini baik juga untuk menilai kecemerlangan anak-anak itu ataupun kebolehan dia belajar di masa tiap-tiap persekolahan. Ini akan mengelakkan soal sosial, drop-out dan sebagainya, penekanan-penekanan di sekolah. Mungkin juga akan mengelakkan kebocoran peperiksaan di sekolah oleh kerana peringkat peperiksaan bukan lagi punca utama untuk mendapatkan kecemerlangan di sekolah, tetapi prestasi dan sebagainya juga.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, dalam keadaan pergelutan yang kita lihat sekarang kita mesti

boleh melihat secara pandangan jauh, pandangan yang menyeluruh supaya kita sendiri tidak tertekan oleh kerana satu pendapat ataupun satu skop yang kita sendiri determine. Jadi, sebagai negara yang telah merdeka, sebagai negara yang boleh mewujudkan idea dan ideologi kita sendiri, sepatutnya kita jangan tertekan dengan apa yang telah diwarisi dari pihak British dahulu. Jadi, dalam keadaan sedemikian kita boleh mengelakkan, mungkin kebocoran ini boleh dielakkan oleh kerana peperiksaan bukan lagi benda yang penting tetapi adalah prestasi keseluruhannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal masyarakat kampung dan masyarakat bandar, ini juga saya tidak bersetuju dahulu mengatakan meritokrasi. Meritokrasi ini kadang-kadang oleh yang miskin mungkin mempunyai fikiran dan otak yang baik, tetapi oleh kerana ketiadaan dari segi hidupnya mungkin dia tidak boleh berprestasi baik. Oleh kerana saya menyebut ini saya ada pandang satu perkara. Pada empat tahun yang lepas ada dua orang hamba Allah anak muda yang tidak mendapat kelulusan untuk masuk ITM Sarawak. Jadi, perbincangan saya dengan Pengetua ITM pada masa itu anak ini dimasukkan ke dalam ITM. Seorang kurang baik dalam prestasi Metamatik dan seorang lagi kurang baik prestasi dalam bahasa Inggeris. Tetapi kemasukan dalam ITM telah di'computerise'kan. Jadi, yang tidak baik mengikut garis panduan yang diberi kepada kawan kita itu semua di'kick-out', yang satu lagi dibolehkan. Kedua orang ini diterajang keluar oleh komputer oleh kerana bahasa Inggeris dan Matematiknya kurang baik.

Tetapi oleh kerana desakan saya, Pengetua ITM Sarawak menerima dua orang anak ini. Baru tahun lepas anak-anak ini telah lulus dengan kecemerlangan dalam pengajian mereka di ITM. Jadi, saya berasa bangga, walaupun kelulusan kurang baik untuk segi precondition untuk masuk ke ITM, tetapi semasa keluar ITM itu dia mendapat kecemerlangan bahkan lebih baik daripada orang yang dianggap komputer boleh masuk dahulu. Jadi, dalam keadaan sedemikian walaupun kita sudah menggunakan ilmu komputer itu, don't serve the computer, let the computer serve us, dengan izin. Biar komputer itu memberi perkhidmatan kepada kita, jangan kita berkhidmat kepada komputer. Kalau kita berkhidmat kepada komputer macam mana berlaku dengan ITM sekarang di Sarawak habislah anak bangsa kita orang Melayu bumiputera di luar bandar yang kurang baik dari segi Inggeris, kurang baik dari segi Metamatik semua tidak boleh masuk, orang di bandar sahaja akan masuk dalam ITM ataupun di mana-mana universiti. Oleh kerana semua decision making kita telah dibuat oleh pihak komputer.

Jadi, komputer amat baik sekali, tetapi janganlah di'defeated' by teknologi canggih yang sedemikian. Biar apa-apa ilmu dan pandangan kita ataupun macam mana advance pun teknologi kita, biar teknologi itu untuk berkhidmat kepada kita, jangan kita berkhidmat dengan teknologi macam mana pihak pengkomputeran untuk memilih anak-anak masuk ke ITM ini dipilih oleh komputer dan kita tidak boleh langsung berhubung dengan mana-mana orang lagi. Jadi, saya berasa sedih kalau komputer itu determine anak Melayu yang kurang cemerlang sedikit oleh keadaan sosial dan financial dia kurang, tidak boleh masuk universiti, dan anak-anak lain yang mendapat kecemerlangan oleh kerana dia ada kelebihan sedikit dalam segi sosial dan financial, dia mendapat kecemerlangan lulus peperiksaan tidak ada pening kepala, tidak ada marah anak kerana padi tidak rebah ataupun kebun tidak ada masalah, segala ini berlaku kepada dia, dia mendapat kecemerlangan masuk universiti. Dan yang ada masalah sedikit terutama sekali orang-orang di luar bandar oleh kerana kita telah didictate oleh komputer siapa yang boleh masuk dan siapa yang tidak boleh masuk dalam universiti ataupun institusi pengajian tinggi.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian saya berharap benda-benda yang canggih kita terima kebaikan dan nikmatnya, tetapi janganlah kita mengharap kita serve kecanggihan ini. Sepatutnya kecanggihan ini berkhidmat kepada kita. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap, kita ada usul.

## USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**6.08 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini".

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini"

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini".

[Majlis Mesyuarat disambung semula]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**6.06 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengambil masa yang panjang, cuma beberapa perkara mengenai rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan 1995 menyatakan bahawa iltizam Kementerian Pendidikan adalah untuk mewujudkan kualiti pendidikan bertaraf dunia. Ini adalah satu cita-cita yang baik. Salah satu cara untuk mensabitkan mutu pendidikan di semua peringkat mencapai taraf dunia ialah berusaha untuk menjadikan peperiksaan-peperiksaan di Malaysia adalah bermutu dunia juga. Terdapat banyak cara untuk menafsirkan pencapaian para pelajar dalam sekolah, kolej dan universiti. Salah satunya ialah jenis-jenis peperiksaan yang diamalkan bertahun-tahun.

Rang undang-undang ini mengandungi cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib Majlis, Lembaga Rayuan Tatatertib, pengenaan surcaj terhadap mana-mana orang yang sedang atau pernah bekerja dengan Majlis. Memang disiplin mestilah diadakan bukan sahaja untuk para pelajar, bahkan juga untuk ahli-ahli Majlis dan juga semua orang yang bekerja dengan Majlis untuk mengadakan kertas peperiksaan dan sebagainya. Yang Berhormat dari Kota Melaka ada bangkitkan masalah yang disyaki kebocoran walaupun pihak kementerian sudah menafikan dan menyangkal semua sama sekali. Tetapi saya berharap penyiasatan yang rapi hendaklah diadakan untuk memastikan sama ada berlaku kebocoran.

Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun ini memang ada berlaku kebocoran. Kalau kita hendak menentukan mutu peperiksaan di Malaysia ini, jenis kebocoran mestilah dihentikan sama sekali. Kita tidak boleh ada. Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat mempertingkatkan keselamatan daripada peringkat awal kepada peringkat para pelajar mengambil peperiksaan supaya tidak berlaku benda-benda yang tidak diingini, inilah caranya. Kerana kita tidak pernah dengar kebocoran berlaku, misalnya peperiksaan di Cambridge, Cambridge School Certificate, A Level dan sebagainya tidak ada. Mengapa mereka tidak ada kebocoran walhal kita ada. Memang kita mesti kaji semula kerana kita hendak mencapai tahap dunia, dan cara kawalan mesti mencapai tahap dunia.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara lagi yang saya hendak sentuh. Salah satunya ialah Yang Berhormat dari Rompin yang menuduh kita dengan melulu, menuduh entahlah dengan cara yang tidak baik, kerana tidak tentu kalang tumpuan, tidak tentu kalang batang, itu masalahnya.

*Siakap, senohong, gelama, ikan duri.*

*Bercakap bohong, lama-lama mencuri.*

Itulah masalah kita sekarang.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Merapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana merapu pula. Ada beberapa perkara, yang pertamanya baru-baru ini kita pun ada dengar keputusan bagi murid-murid yang melangkau daripada Tahun Tiga kepada Tahun Lima. Kononnya 2% sahaja yang lulus di dalam peperiksaan ataupun penilaian yang diadakan oleh pihak sekolah. Saya tidak menafikan memang kita mesti gunakan cara-cara untuk mencungkil bakat-bakat. Itu memang kita perlu buat, kerana cerdik pandai kanak-kanak yang pandai mungkin boleh menghadapi kesusahan kalau tidak mencungkil bakat-bakat mereka. Tetapi cara-cara kita buat mungkin boleh diubahsuai untuk keadaan. Mungkin tidak payah kita sebutkan ataupun umumkan, kita taksirkan dari kelas ke kelas untuk menentukan siapa boleh melangkau ke Tahun Ketiga. Ini peringkat yang pertama. Walau

bagaimanapun, yang kedua untuk peperiksaan Tahun Keenam, di sekolah menengah Tahun Ketiga, SPM dan STPM juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu contoh, iaitu memang ada disebutkan mengenai kursus-kursus sempoa. Sekarang sudah tiga tahun, apakah hasil kursus ini. Adakah hasil di semua sekolah yang mengadakan kursus seumpama ini. Sebab saya tidak tahulah macam mana tafsiran yang dibuat oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), sama ada kursus sempoa ini ada dimasuk di dalam mata pelajaran peperiksaan juga. Bagi pendapat saya kursus yang dilaksanakan itu tidak berjaya ataupun setakat ini dibuang sama sekali. Ini menunjukkan sistem yang diadakan oleh pihak kementerian untuk mengadakan sesuatu kursus adalah tidak ditimbangkan dengan begitu rapi sehingga kursus dilaksanakan dan tidak dapat dijayakan. Adakah Yang Berhormat berani untuk mengatakan kursus ini akan diberhentikan sama sekali kerana tidak berguna lagi?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau tidak - Pokok Angsana tak payahlah. Kerana adakah di sekolah-sekolah di kawasan Pokok Angsana ada sekolah-sekolah yang mengajar kursus semua sekarang? Saya hendak tahu di Pokok Angsana.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Merapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana merapu pula. Tuan Yang di-Pertua, ini satu contoh. Bagi kursus kemahiran hidup memang konsepnya baik. Saya percaya ada pelajar-pelajar yang mendapat manfaat daripada kemahiran itu, memang ada. Kerana pada masa sekarang dengan dunia yang lebih canggih, perubahan dunia sekarang, ada setengah-setengah murid ataupun pelajar yang tidak dapat membuat kerja seperti masa yang lepas. Pokok Sena tahulah apa-apa kerja di rumah dan sebagainya termasuk bela ayam memang kemahiran hidup. Tetapi sekarang di banyak tempat terutama di bandar murid-murid atau pelajar-pelajar tidak berpeluang untuk mempelajari kemahiran hidup. Memang kalau kita adakan kursus seumpama ini dengan baik, para pelajar akan menikmati manfaat dan kita boleh meningkatkan prestasi mereka. Tetapi bagaimana pihak Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dapat menaksirkan kemahiran di dalam kemahiran hidup. Itu memang kita hendak tahu, sebab tidak payahlah kita melaksanakan kursus seumpama ini kalau tidak ada tafsiran.

Bagi saya cara untuk menafsirkan sekarang tidak mencukupi. Kita boleh nampaklah Pokok Angsana tidak begitu berminat dengan hal seumpama ini, ini penting.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak mahu minta penjelasan, tidak mahu kacau Yang Berhormat dari Kepong bercakap. Tetapi dia tidak boleh tengok saya masuk, dia merapu. Jadi, saya hendak minta penjelasan adakah tiap-tiap kursus yang diberi mesti diadakan peperiksaan. Kursus sempoa, macam mana hendak masuk dalam soalan. Kursus sempoa kita beri latih budak-budak supaya orang macam Kepong ini tidak boleh tipu kita. Kalau pergi ke kedai dia, dia kira dengan sempoa, kita pun tahu jugalah. Jadi, takkan tiap-tiap mata pelajaran tiap-tiap perkara yang kita beri kursus kita mesti akhir dengan minta Majlis Peperiksaan mengadakan soalan-soalan untuk peperiksaan. Jadi, saya ingin tahu Yang Berhormat dok sentuh nama saya Pokok Angsana. Untuk pengetahuan bukan Pokok Angsana, Pokok Sena, kot tak erti lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Pokok Angsana ini nama ilmiah kerana dia sentiasa yang tekankan hendak nama ilmiah, nama sains. Dia hendak tekankan sains. Kalau dalam sains dipanggil Pterocarpus Indicus. Kita hendak belajar istilah sains, itulah Pokok Angsana. Pokok Sena ialah bahasa daerah.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Merapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita tidak mahulah bahasa daerah, kita mahu jadi bahasa bakunya. Angsana yang sebenarnya kalau hendak jadikan ahli sains kita mesti panggil Pterocarpus Indicus, itulah caranya. Di dalam tafsiran pun kita mesti gunakan cara yang lebih baik, lebih saintifik.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, akta ini kesah Pokok Senakah atau macam mana? *[Ketawa]* Jadi, saya minta penjelasan, dia tidak sebut lagi. Untuk

makluman dia di Pokok Sena ada satu-satunya tempat dalam Malaysia yang ada bas langgar pokok sena, gajah mati. Ada satu bas sahaja di Pokok Sena di kawasan saya, dia ada tulis di situ Bas Langgar/Pokok Sena/Gajah Mati. Satu-satu dalam Malaysia bas langgar pokok sena, gajah mati, untuk makluman dia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lama-lama Pokok Sena pun mati juga. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh mengenai kemahiran hidup dan kemahiran sempoa yang telah dilaksanakan dengan baik, kerana fikiran lebih awal lagi telah begitu teratur. Mengenai peperiksaan yang kita ada sekarang sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah ataupun di peringkat universiti. Misalnya, hampir tiap-tiap selang setahun saya ada tanya mengenai celik baca, buta huruf dan sebagainya.

Jawapan daripada kementerian memang tidak begitu memuaskan. Dia beri angka daripada 80% dahulunya sekarang meningkat kepada 90% dan sebagainya. Apakah standard yang digunakan, adakah ini berunsur politik kerana faktor politiknya dia hendak menunjukkan sistem pelajaran, sistem peperiksaan yang begitu sempurna sehingga buta huruf dapat dihapuskan sama sekali. Apakah standard yang digunakan? Ini memang penting. Dalam peperiksaan pun kita tengok ada lulus dalam Bahasa Malaysia, ada lulus dalam sekian-sekian banyak mata pelajaran. Apakah standard yang ditetapkan?

Saya nampak ramai, walaupun dia lulus dalam peperiksaan, PMRkah, SPMkah ataupun lulus dalam Penilaian yang diadakan dalam sekolah rendah. Tetapi bila kita berbual dengan mereka atau suruh mereka tunjuk macam mana dia celik, kita nampak ada kekurangan. Tetapi kalau kita tengok sijil dia memang cemerlang. Di sinilah saya hendak menekankan bahawa apakah standard yang digunakan oleh pihak kementerian untuk markah-markah mata pelajaran dalam peperiksaan. Tiap-tiap tahun kita nampak di dalam akhbar, media massa beberapa buah sekolah berasrama 100% yang lulus, dan Gred Satu, gred cemerlang, distinction sekian-sekian banyak. Itu memang hebat sekali. Adakah ini membayangkan keadaan yang sebenar, ataupun ini hanya publisiti untuk faktor politik sahaja?

Saya sentiasa ada sebutkan kalau kita hendak meningkatkan 100% ataupun menambahkan bilangan yang lulus 100% tak susah. Kita buat markah kurang sedikit, bilangan yang lulus itu meningkat. Memang begitu senang sahaja kalau hendak tambahkan bilangan yang lulus, tidak susah. Rendahkan ataupun beri markah kelulusan itu kita kurang sedikit memang kita berjaya. Adakah ini cara yang baik kalau kita berbuat demikian. Saya percaya MPM tidak akan berbuat sedemikian, kalau tidak cara yang dibuat untuk menafsirkan pencapaian sebenar bolehkah Yang Berhormat beritahu cara-cara yang digunakan untuk menafsirkan semua. Ini memang penting.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Rompin yang dia mahu lulus 100% sahaja, itu hendak tengok. Tetapi dia tidak mahu tengok apakah merit, apakah prestasinya, apakah standard yang sebenarnya, itu yang penting yang kita tekankan. Jangan kia kelirukan mengenai sikap kita di sebelah sini.

Saya berharap pihak kementerian dapat memberitahu pihak rakyat bagaimana kita menafsirkan dengan sebenar. Saya ulang sekali lagi, kita nampak 100% yang lulus itu baik, prestasi yang baik, kementerian yang baik, kerana dapat meluluskan orang ramai. Seolah-olahnya kalau semua pelajar itu boleh lulus, itu mustahil. Bahkan juga kementerian sendiri yang mengatakan kalau kita boleh mencapai pada tahun 2020 tiap-tiap 10 orang ada empat yang masuk ke IPT itu memang satu matlamat kita. Saya setuju kita memang ada. Dengan sendirinya mengakui ada ramai, ada sebahagian besarnya tidak dapat mencapai tahap itu.

Begitu juga dengan peperiksaan, macam mana semua boleh lulus, itu mustahil. Memang ada sebahagian tidak boleh lulus, memang ada sebahagian yang mencapai markah yang cemerlang. Ada sebahagian besar yang lebih kurang sahaja. Itu memang satu perkara biasa. Tetapi aneh sekali di Malaysia kita baca kelulusan yang begitu ramai. Bukan saya hendak gagalkan semua orang. Saya pernah sebutkan hal ini, tetapi nampaknya pihak kementerian tidak berubah sikap mengenai penafsiran peperiksaan.

Saya tidak nampak misalnya di Amerika Syarikat, di United Kingdom, Australia ataupun negara lain Singapura misalnya, mereka tidak begitu bangga yang kata wah kita lulus 100% sekarang, tidak. Bukan macam itu mereka buat. Kerana perkara ini dipolitikkan, termasuk Pokok Angsana, Pterocarpus Indicus.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja yang saya sebutkan mengenai keperluan kita untuk meningkatkan cara tafsiran, cara untuk kita

mengendalikan, menangani semua peperiksaan di Malaysia supaya kita boleh mencapai cita-cita kita meningkat kepada taraf dunia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

**6.26 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya mahu menegaskan sangat mustahak bahawa Kementerian Pendidikan ambil sikap yang berat mengenai kebocoran kertas peperiksaan SPM baru-baru ini, dan kita tidak mahu apa-apa cover-up sebelum ada satu siasatan yang sepenuhnya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah menafikan bahawa ada kebocoran. Saya rasa ini sangat tidak sihat. Kita harap bahawa sebelum Dewan yang mulia ini tangguh pada hari Khamis bahawa kerajaan boleh membentang satu kertas putih mengenai kebocoran kertas peperiksaan SPM dan meyakinkan Dewan yang mulia ini dan juga rakyat bahawa kalau nafikan ada kebocoran, butir-butiran yang boleh convincing.

Saya sangat terperanjat, sangat shock apabila kita dengar dalam Dewan ini ada Ahli-ahli Parlimen yang boleh berdiri dan kata bahawa beliau tidak minat langsung mengenai isu kecemerlangan. Tidak minat langsung mengenai isu kecemerlangan. Kalau Parlimen ini tidak minat mengenai isu kecemerlangan, adakah kita mahu satu negara mediocrity. Adakah kita mahu mewujudkan satu negara mediocrity? Adakah oleh kerana kita Ahli-ahli Parlimen yang mediocre, kita mahu negara pun mediocre. Saya shock. Ini pun bertentangan dengan Visi 2020 cita-cita yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kecemerlangan. Kita mahu Malaysia menjadi pusat rantau pendidikan tinggi yang cemerlang. Tetapi kita ada Ahli-ahli Parlimen yang berdiri kata tidak minat langsung mengenai kecemerlangan, apa guna kecemerlangan. Malu, sangat malu.

Yang Berhormat dari Rompin, dia lari tak berani masuk. Saya harap dia masuk. Dia putarbelitkan apa yang saya cakap. Apa yang saya cakap ialah kecemerlangan sangat mustahak kalau kita mahu negara kita menjadi world class nation. Kalau kita tidak mahu Malaysia menjadi world class nation, okaylah kita menjadi satu nation mediocrity. Kalau mahu menjadi nation mediocrity kita patut ketepikan, buangkan Multimedia Super Corridor. Ingat, kita patut faham, kalau kita tidak boleh mengutamakan kecemerlangan, Multimedia Super Corridor tentu gagal, tidak ada harapan langsung. Kenapa kita boleh ada mendengar Ahli-ahli Parlimen berdiri kata sangat bangga, saya tidak minat kecemerlangan.

Apabila kita tekan betapa pentingnya kecemerlangan menjadi satu budaya negara, kita bukan kata bahawa kita tidak hirau, kita tidak kira ambil perhatian masalah kemunduran, masalah disparity dalam bidang pendidikan atau apa-apa bidang oleh kerana ada disparity di antara mereka yang berada dan mereka yang tidak berada, antara bandar dan luar bandar, antara tempat yang ada kemudahan yang lengkap dan tempat yang kurang kemudahan, tidak. Kita mahu tekankan kecemerlangan, kita pun mahu tekankan keadilan sosial supaya mereka yang mundur oleh kerana playing field yang tidak rata, no level playing field, mereka patut diberi segala bantuan pertolongan untuk mengatasi disparity ini. Sebab itu, dua unsur; pertama kecemerlangan, kedua ialah keperluan (need) social justice dan berdiri di sini kata untuk menyoalkan kejujuran kita, saya rasa inilah sangat tidak bertanggungjawab oleh Yang Berhormat dari Rompin.

Kita di sini berkali-kali cadangkan bahawa kita perlu memastikan bahawa kemudahan-kemudahan diberikan kepada luar bandar supaya ...

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti! .... supaya anak-anak kita di luar bandar boleh dapat segala kemudahan, siapa berdiri di sini untuk menyoalkan Kementerian Pendidikan, kenapa sekolah-sekolah sebanyak 1,300 sekolah tidak ada bekalan kuasa, adakah Ahli Parlimen dari Rompin tak pernah dengar suara Ahli Parlimen dari Rompin menuntut bahawa kerajaan patutlah ada satu crash programme supaya semua sekolah diberi bekalan elektrik supaya mereka boleh berhubung dengan Internet, supaya mereka pun boleh menikmati kemajuan IT, supaya mereka di depan dalam race masyarakat maklumat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti! ..... masyarakat maklumat. Siapa? Tak dengar dari Ahli Yang Berhormat dari Rompin, saya tidak tahu siapa ada dengar. Saya pun tak dengar lain-lain Ahli Parlimen mungkin mereka ada bercakap ...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti. Saya habis, my trend of thought. Sebelum sesiapa boleh

interrupt saya. Ya, sabar! Saya marah oleh kerana saya dengar orang kata, yang pertama tak minat kecemerlangan. Kedua, memutarbelitkan apa yang saya cakap mengenai dua perkara yang penting dalam bidang pendidikan, kecemerlangan dan keadilan sosial dan ini mustahak. Kita perlu, saya belum habis trend ini, ya, mahu ajar sedikit khasnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, perlu satu ajaran.

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah jalan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, nanti. Tunggu dahulu!

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan ini mustahak, kita mesti memastikan matlamat yang patut kita mengejar, kenapa kita tidak mahu rasa bangga supaya kita harap satu hari mungkin kita boleh kalau kita mahu menjadikan Malaysia satu pusat rantau pendidikan tinggi kecemerlangan, kita perlu mengarah kepada satu matlamat di mana universiti-universiti kita masyhur dalam dunia semacam Cambridge, Oxford, Princeton, Yale, Harvard, Tokyo, adakah kita dengar - tak ada, tidak minat kecemerlangan. Kita perlu ada hasrat harap mungkin dalam Malaysia kita boleh dapat rakyat Malaysia pemenang Nobel Prize sama ada kejuruteraan, ekonomi, kesusasteraan atau lain-lain bidang tetapi kalau kita tidak minat mengenai kecemerlangan tentu kita tidak fikir apa guna Nobel Prize untuk rakyat Malaysia - tak guna. Kita tidak minat mengenai kecemerlangan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, belum habis. Belum habis mengenai kecemerlangan dan keadilan sosial.

**Tuan Noh bin Omar:** Haiya .......!

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis.

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah peluang, ini ......

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi kalau sikap kita ialah bukan mahu kecemerlangan, kita mahu longest bridge in the world, tallest tower in the world, biggest dam in the world, apa ialah yang terbesar tetapi tak mahu Nobel Prize winner.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Janganlah emotional. Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, belum habis. Kalau begitulah sikap kita ....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti! Kalaulah itu sikap kita, kita tidak layak mahu menjadi satu world class nation, tidak layak mahu menjadi satu rancangan yang begitu raksaksa, yang begitu besar Multimedia Super Corridor, what right do we have to aim at this thing, apabila kita baru mahu benda fizikal, tallest, biggest, tallest black pole in the world, biggest black pole in the world, apa guna?

**Tuan Noh bin Omar:** Apa yang Yang Berhormat cakap ini, berilah peluang! Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan sebab itu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat berdua, dia belum beri laluan lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, nanti.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak tanya fasal kecemerlangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu apa yang kita perlu ambil perhatian ....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Macam orang kena sengat tebuan sahaja ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... ialah satu denial syndrome yang nampaknya bukan sahaja di negara ini, dalam Dewan yang mulia ini mahu serius, denial syndrome. *Far Eastern Economic Review* baru-baru ini ada 'the three monkeys', tiga monyet/ traditional of three monkeys, 'eye that see not, ear that hear not, mouth that speaks not the truth.' Mouth that speaks only untruth. Main-main isu inilah, bila kata kita mahu tekan kecemerlangan - ha, boleh main-main, mempermain-mainkan isu.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu saya tidak mahu beri jalan.

**Tuan Noh bin Omar:** Sudah sepuluh kali dah bercakap, kita hendak bertanya, berilah kita beri penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak mahu, dia begitu keterlaluan.

**Tuan Noh bin Omar:** Alah!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apabila bercakap bila ada reply - takut. Itulah sikap denial syndrome, takut sindrom.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan saya teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Penjelasan, penjelasan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti.

**Tuan Noh bin Omar:** Tanjong takut sindrom, tidak mahu beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti.

**Tuan Noh bin Omar:** Hai, takut sindromkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** You can speak afterward.

**Tuan Noh bin Omar:** Yang Berhormat, sindrom takut sudah datang kepada DAPkah? Berilah jalan kalau macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita perlu faham .....

**Tuan Noh bin Omar:** Alah, sindrom takut DAP, kalau berani duduklah, beri jalan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tak berani dengar boleh keluar.

**Tuan Noh bin Omar:** Hai!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** He, saya berani ya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, berani dengar duduk.

**Tuan Noh bin Omar:** Beri jalanlah. You takut apa fasal?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hai, Tanjong! Apa fasal you takut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Noh bin Omar:** Tadi masa Rompin bercakap, Tanjong mana ada dalam Dewan. Ini tidak adil ini *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar!

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia tidak beri laluan, itu hak dia Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah mustahak, apabila kita bincang mengenai rang undang-undang mengenai pendidikan, oleh kerana pendidikan akan menentukan masa depan negara kita, sama ada world class nation atau a nation sahaja ada tallest tower, longest, biggest step - itu tak guna. Kita .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** ...... dengan sindrom denial itu, mana ada masalah - sistem pendidikan terbaik sekali dalam dunia, mana ada krisis ekonomi, tidak ada krisis ekonomi, fundamental sangat kuat, hari ini Ringgit Malaysia terhadap US Dollar RM3.90 kepada US$1 tidak ada masalah, fundamental sangat kuat. Ringgit sudah hilang 56% nilainya kalau ada RM50,000 untuk hantar kepada anak kita di luar negeri sudah jatuh kepada 44% nilai RM50,000 ialah RM21,400 sahaja - tidak ada masalah, fundamental sangat kuat, ....... mahu deny sahaja.

Bila kita mahu grow up sebagai sebuah negara, sebagai sebuah Dewan yang mulia, bila kita mahu berhenti main-main, negara menghadapi economy crisis, bila semua Ahli Parlimen mahu tunjuk sikap yang matang.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ahli Yang Berhormat dari Rompin ada bertanya kalau saya ada memutarbelitkan apa yang dicakap oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin, boleh betulkan saya di bawah Peraturan Mesyuarat, kalau apa yang saya cakap di sini tidak memutarbelitkan apa yang beliau katakan - duduk. Jangan kacau.

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order, boleh.

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order. Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain. Saya hendak menjelaskan Peraturan Mesyuarat 36 ini ada berkenaan. Sebab tadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan. Sebab semasa Rompin bercakap dia tidak ada .....*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun atas Peraturan Mesyuarat, sebutkan 36(6).

**Tuan Noh bin Omar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya akan buat keputusan. Jangan ambil kesempatan untuk membuat penjelasan.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dengarlah, sangkaan jahat saya rasa 36(6) itu tidak kena. Tetapi saya hendak memberi nasihat kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, menurut Peraturan Mesyuarat 36(1) Yang Berhormat sepatutnya hanya boleh menyentuh apa yang bersangkut-paut dengan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat, walaupun hendak bercakap secara luas tentang pendidikan, tetapi Yang Berhormat tahu jugalah, ada had batasnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak keluar daripada tajuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sepatutnya tidak Yang Berhormat. Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sepatutnya balik kepada, kalau Yang Berhormat mengkhususkan isi kandungan perbahasan Yang Berhormat kepada rang undang-undang ini, saya beri Yang Berhormat, tetapi ini sudah merayau jauh sangat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya jawab apa yang dikatakan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Kalau apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin boleh dikeluarkan, sesiapa ada hak untuk jawab. Kalau tidak beri hak, tak patut membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Rompin merayau-rayau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah keadaan, ada keadilan, tidak boleh beri seorang hak untuk go round the world tetapi menafikan hak untuk membelakan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Saya rasa ini membela diri ataupun sebaliknya ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu jawab dalam perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini tidak ada kesudahannya. Sepatutnya hanya Menteri sahaja yang boleh jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak! Kalau apa-apa perkara dibangkitkan, sesiapa ada hak untuk sentuh selain daripada ia ditegur kata ini out of Standing Orders. Itu a lesson to everybody, you raise anything you are get an answer.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik kepada tajuk. Jangan asyik hendak jawab sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan di sini masalah kita ada disebut mengenai masalah luar bandar perlulah ada peruntukan khas untuk mengatasi masalah ini supaya ada satu level playing field, kita tak pernah bantah. Kita tak pernah kata bahawa kita oppose, masalah sebenarnya ialah siapa bertanggungjawab keadaan ini, siapa bertanggungjawab mengenai sekolah-sekolah di luar bandar tidak ada kemudahan, bukan DAP ialah Kerajaan Barisan Nasional yang cuai dalam masa berdekad-dekad untuk memajukan sekolah-sekolah luar bandar kepada satu tahap yang lebih moden, yang boleh setaraf selaras dengan keperluan semasa.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak saya tidak mahu beri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hari ini takut pula!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya boleh beri, tetapi jangan regret dan saya tak mahu kerusi kata - jangan merayau-rayau!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dia kata Kerajaan Barisan Nasional cuai, pengerusi pun tak hendak beri peluangkah saya bercakap? Macam mana Speaker ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, itu. Saya boleh beri dengan satu permintaan bahawa apa Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dibenarkan untuk kata, saya ada hak untuk jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tak mahu beri dia bercakap tak mahu berhenti apa guna?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat hendak beri laluan atau tidak, itu tidak sepatutnya ...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hendak beri laluankah atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** There is no level playing field in this House. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan kaitkan dengan prasyarat yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay. Dan kita fahamlah perlu faham dan kita 'minimise'kan kita menghadapi satu krisis ekonomi, kita mahu semua rakyat bersatu padu, janganlah datang ke sini buat tuduhan politicise ini, politicise itu, apa guna. Ini bukan masanya, masa sekarang ialah tidak kira siapa bertanggungjawab krisis ekonomi ini kita perlu bersatu padu, memobilisasikan rakyat dan kita kurangkan ucapan-ucapan yang tidak begitu sensitif dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Ahli Parlimen yang begitu tidak sensitif ...

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order 36(1).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sebutkan Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** 36(1). Saya hendak tanya apa kaitan krisis ekonomi dengan Majlis Peperiksaan ini, Yang Berhormat merayau ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah Yang Berhormat. Sebenarnya itu pun saya telah beri teguran dan sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ghairah sangat hendak menyentuh apa yang tidak relevan, saya kena beri kata dua kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya pun akan habislah. Saya pun baru mahu menegaskan di sini, era IT yang akan menentukan sama ada kita berjaya masuk masyarakat maklumat dan ini bersangkut-paut dengan pendidikan kita, tengok satu laporan bahawa 30% under graduates not IT illiterate. Itu masalah. Bagaimana negara kita boleh berjaya menguasai teknologi informasi dan maklumat dan kalau mahu kita perlu bergerak sebagai Malaysian unit bukan terlalu tekan satu kaum, lain kaum, kita perlu bergerak sebagai satu unit oleh kerana dalam cabaran IT dan globalisasi siapa hantar e-mail mungkin anjing hantar e-mail pun tak tahu, anjing hantar em-mail pun boleh, fax dan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pun boleh terima, mungkin dia tak tahulah. Ini yang menunjukkan .....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Anjing DAPkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti boleh cakap.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Anjing DAP?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, dia tak faham, ini menunjukkan how shallow you are.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** No, this show us how mediocre you are. How mediocre is Ketua Pembangkang, dengan izin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Anjing Barisan Nasional, anjing ....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Selalu ada anjing DAP sahaja, Barisan Nasional tidak ada anjing. Dia panggil chow kow.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okaylah, okaylah. Your IT thinking ..... your IT thinking is not very very up to date.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okay I apologize for that. Itu dalam era globalisasi IT anjing boleh tekan komputer itu, keluar e-mail, kita pun tak tahu itu manusia atau anjing atau binatang. Okay, menunjukkan bahawa pertukaran perubahan begitu pesat, kita tak mahu lagi orang Melayu, orang Cina, orang Kadazan, tekan-tekan - rakyat Malaysia untuk react sebagai satu unit menghadapi cabaran IT dan globalisasi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit Sulong.

**6.49 ptg.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut dengan Ketua Pembangkang yang sejak kebelakangan ini dia menjadi emotional, hysterical dan kadang-kadang ada waktunya dia macam hilang fikiran.

*[Ahli Yang Berhormat dari Tanjong keluar Dewan]*

**Tuan Noh bin Omar:** Hai, nanti jangan bela diri ya, sudah keluar.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak apa, tak apa!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong Karang!

**Tuan Noh bin Omar:** Bukan, beritahu dia, nanti dia masuk dia bela diri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau hendak bangun kena minta laluan dari Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod Dewan, pembangkang memang opportunistic dalam kalangan ini. Saya berani mengatakan dalam Dewan ini saya rasa kerajaan telah mendapat desakan daripada kami semua Barisan Nasional mengenai kesempurnaan fasilitas pendidikan di seluruh negara. Sahabat-sahabat saya dari Sabah, dari Sarawak dan termasuk dari Semenanjung sentiasa menyuarakan mengenai kesempurnaan facility/kemudahan pendidikan.

Masalah IT dan tenaga elektrik telah pun kami suarakan bukan sahaja kami menyuarakan IT dan tenaga elektrik malahan IT dan juga telefon. Itu menjadi perjuangan kita selama ini. Jadi, saya harap Ahli dari Teluk Intan yang terbaru sekali jangan terpengaruh dengan Ketua Pembangkang ini.

Saya tahu Teluk Intan sekarang ini menjadi anak emas kepada Ketua Pembangkang, sehingga ahli-ahli lain pun tidak ada inisiatif hendak datang ke dalam Dewan. Saya tengok Ahli dari Jelutong sudah malas hendak datang dah. Oleh kerana dia mendapat satu baka baru, a new breed of a Malaysian Indian, dengan izin, untuk mengambil alih Ahli dari Jelutong, sebab itu sekarang ini Ahli dari Teluk Intan jadi macam burung kakak tua. *[Ketawa]*

Jadi, saya harap ....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak ada.

**Tuan M. Kulasegaran:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hanya akan memberi peluang kepada saudara Teluk Intan kalau dia mengaku diri dia kakak tua. Kalau tidak, tak payah bangun, duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat. Ya!

**Tuan M. Kulasegaran:** Unparliamentary.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kakak tua is not unparliamentary.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Kalau dia bangkitkan, kenalah saya dengar dahulu. Ya, yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya?

**Tuan M. Kulasegaran:** 37(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebutkan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya tidak ... yang saya katakan perkataan yang beliau gunakan adalah unparliamentary language.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya akan buat keputusan. Sebenarnya, perkataan unparliamentary saya rasa tidak timbul. Perkataan kakak tua itu saya rasa apa yang dibangkitkan itu tidak kena, lagi pun perkataan unparliamentary itu bukan 37(1) Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi, itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia belajar lebih, cakap kurang, dengar lebih, observe

lebih. Jangan jadi kakak tua dan champion sehingga Jelutong pun rasa kecil hati. Itu yang saya harap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, apa yang diperkatakan oleh Rompin adalah tidak adil untuk Ketua Pembangkang terus menghentam sahabat saya, macam dia kena sengat tebuan tadi saya tengok. Saya masuk-masuk tadi, saya terkejut. Oleh kerana hakikatnya adalah DAP memang tidak pernah dan jarang sekali-kali menyuarakan nasib masyarakat luar bandar. Kalau ada pun di mana dia mempunyai kepentingan politik.

Dalam hal ini saya hendak bertanya, dalam kaitan dengan pendidikan, dalam keadaan dan keputusan kerajaan untuk mengurangkan atau langsung menyekat penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara, apakah nasib anak-anak kita, adik-adik kita yang telah pun tahun sudah lulus SPM dengan cemerlang, mendapat pilihan membuat kelas-kelas persediaan, umpamanya yang sedang membuat kelas persediaan di ITM Seksyen 17 Shah Alam untuk ke luar negeri. Apakah nasib anak-anak ini? Adakah mereka telah diberitahu mengenai nasib mereka? Apakah alternatif kepada anak-anak ini dan bagaimanakah kerajaan untuk menyampaikan mesej ini supaya anak ini tidak merasa terencat motivasinya di dalam untuk memanjangkan pelajaran mereka di masa yang akan datang terutamanya.

Yang kedua, saya harap pihak DAP, saya minta kalau katakan sokong luar bandar - sokong betul-betul. Jangan hendak mencari political mileage, di dalam hal ini tidak ada political mileage. Kami dari Barisan Nasional menyuarakan untuk semua, kita tidak pernah mempersoalkan duit pendidikan yang tahun ini RM15 bilion pergi kepada siapa? Tidak pernah kami minta Kementerian Pendidikan memberi satu audit report berapa banyak dibelanjakan scholarship kepada anak PAS, berapa banyak scholarship kepada anak DAP, berapa scholarship telah dibelanjakan kepada anak PBS - tidak pernah. Kepada kami generasi Malaysia adalah tanggungjawab Kerajaan Malaysia untuk memberi pembelaannya. Tidak pernah dipersoalkan dan tidak pernah diberi political colours dalam hal ini. Tidak ada warna-warna politik dimasukkan di dalam membuat keputusan di dalam pendidikan. Ini DAP harus tahu dan saya harap, saya sekali cakap Teluk Intan, jangan cuba hendak tunjuk lagak dalam Dewan ini. There is not unparliamentary!

Yang keduanya, baru-baru ini kerajaan telah pun bersuara dengan kuat, dengan ghairah untuk melaksanakan sekolah satu sesi dan kali itu pula diikuti oleh kenyataan dari Kementerian Pendidikan bahawa sekolah satu sesi ditangguhkan pelaksanaannya. Adakah benar bahawa masalah kos dan juga yang relevan dengan keadaan ekonomi semasa menjadi faktor utama ataupun ada sebab-sebab lain di sebalik penangguhan ini. Ini saya hendak tahu.

Yang ketiga, saya masih lagi tidak puas hati mengenai persediaan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan pendidikan IT di sekolah-sekolah di luar bandar. Apabila saya kata luar bandar, majoritinya adalah anak kampung dan juga majoritinya adalah bumiputera, kebetulan.

Saya membangkitkan hal ini oleh kerana perbandingan bandar dengan luar bandar amat jauh jurangnya. Dan kalau kita hendak menunggu kemampuan kerajaan untuk membekalkan komputer kepada sekolah-sekolah semata-mata bergantung kepada peruntukan kerajaan maka akan mengambil masa yang panjang. Sebab itu saya mencadangkan supaya difikirkan strategi atau alternatif yang lebih kreatif iaitu dengan membawa masuk penyertaan umpamanya syarikat-syarikat komputer, dengan memasukkan penyertaan penderma jutawan-jutawan yang mungkin hari ini sudah tidak jadi jutawan dah. Saya minta perkara ini diambil serius supaya tidak mengambil satu masa jurang yang lama untuk kita melaksanakan pendidikan IT kepada masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diambil kira seluruh Ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan backbenchers, setiap tahun berapa yang telah kami sumbangkan kepada sekolah-sekolah luar bandar untuk komputer, tetapi tidak cukup oleh kerana jumlahnya kecil, tidak membawa impak. Sebuah komputer kepada sebuah sekolah tidak mempunyai impak tetapi ....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Silakan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Parit Sulong, kita belum cukupkah ahli-ahli korporat, jutawan-jutawan untuk mengambil sekolah-sekolah di luar bandar untuk menjadi sekolah angkat mereka, supaya dia jaga, macam Sekolah Kebangsaan Pokok Sena, ha, si Jamaluddin Jarjis untuk jaga sekolah itu, beri komputer, beri semua kemudahan supaya

dijadikan sebagai sekolah angkat. Bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Pokok Sena yang ini satu lagi contoh bahawa sensitivity Barisan Nasional kepada pembangunan pendidikan luar bandar.

Saya pernah membaca satu artikel di satu majalah luar negeri, bahawa Bill Gate sendiri mencadangkan di Amerika masih lagi banyak tempat-tempat yang tidak dapat access kepada komputer, bermakna ada lagi sebilangan dan segolongan rakyat Amerika yang jadi 'the mother land of computer' ini tidak lagi mendapat access, tetapi hendak menunggu kerajaan memang tidak ada. Jadi, dia membuat satu kelompok penderma, kelompok jutawan, kelompok masyarakat prihatin, dia menggemblengkan tenaga mereka dan membekalkan komputer kepada masyarakat yang belum lagi mendapat access kepada komputer.

Contoh ini boleh kita modify, kita perbaiki dibawa ke Malaysia, tetapi dengan syarat kita mempunyai telephone line dan mempunyai electricity. Electricity dan telephone line pun boleh diatasi, jadi di dalam kita membudayakan IT di negara ini mesti ada satu strategi yang coordinated, yang terselaras, umpamanya Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos harus bersama. Umpamanya di Sarawak, di Sabah di luar bandar, di mana bekalan telefon masih lagi lebih kurang hanya mungkin 40% atau 50% yang belum dapat bekalan telefon. Kita mempunyai sistem telekomunikasi yang moden, dia panggil wireless yang dia tidak payah menggunakan line biasa, conventional telephone yang kita tahu ini, tetapi boleh juga connected kepada Internet. Jadi, saya minta sebagai eksperimen, oleh kerana projek ini telah pun terbukti kejayaannya di Kampung Gajah, Tanah Merah, saya minta sistem telekomunikasi yang seperti ini kita kembangkan di mana ada sekolah di luar bandar yang belum ada telefon, kita letak sistem wireless ini dan lepas itu kita beri komputer, lepas itu kita beri kalau tidak ada electricity gunakan generator yang mempunyai kuasa kuda yang besar.

Jadi, kalau kita hendak menunggu kemampuan kerajaan untuk memberi ketiga-tiganya, saya takut kita ketinggalan jauh dan pada waktu yang sama masyarakat luar bandar akan deprived untuk menjadi knowledge society dan apabila kita bercakap mengenai luar bandar, kita bercakap mengenai bumiputera. Siapa yang rela dalam negara ini sekiranya bumiputera di dalam kebangkitan masyarakat IT menjadi masyarakat yang terpinggir di dalam IT. Kita bertanggungjawab, bukannya DAP. DAP tidak bertanggungjawab terhadap ahlinya. DAP dia hanya melihat kelemahan kerajaan. Kelemahan kerajaan diperbesar-besarkan dengan harapan dia mendapat attention rakyat. Saya harap rakyat jangan terpengaruh dengan DAP. Suatu ketika dahulu sewaktu pendidikan negara ini belum lagi nampak moden, DAP mengembangkan semangat chauvinisme sehingga menyebabkan polarisasi di dalam pendidikan negara, sehingga ramai masyarakat ini yang berpindah ke luar negara dengan pandangan dan keyakinan bahawa rakyat ataupun anak-anak mereka akan dinafikan dari pendidikan yang adil di negara ini. Itu DAP! Saya cabar Kepong untuk menafikan kenyataan saya.

Dalam buku *The Time Bomb in Malaysia* berapa banyak tulisan Ketua Pembangkang menyatakan bahawa sistem pendidikan negara adalah tidak adil, adalah tidak demokrasi, itu suara DAP, suara pembangkang. Sekarang ini dia hendak bersuara lain, kononnya hendak menjadi champion bumiputera, tidak akan diterima oleh bumiputera. Tak berani Kepong bangun untuk menafikan kenyataan saya. Banyak lagi dasar-dasar kerajaan yang diputarbelitkan oleh DAP khususnya Ketua Pembangkang, khususnya Ahli dari Tanjong. Dasar Ekonomi Baru, dia kata dasar yang menindas sehingga ramai profesional kita yang berpindah, sekarang ini DAP juga yang kononnya hendak memperjuangkan supaya orang ini balik.

Saya pernah bertegang lidah dengan DAP, Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini satu ketika dahulu. Apabila DAP bertanya, bila saintis-saintis ini hendak dipanggil balik, saya bertanya, adakah ini merupakan satu shifting, satu anjakan di dalam pandangan DAP terhadap Malaysia, bermakna tidak ada lagi polarisasi kaum, tidak ada lagi dasar-dasar yang menindas, maka dia pun menjadi berang. Soalan saya tidak dijawab, dia menjadi berang, naik angin macam tadilah.

Apakah pendirian DAP sekarang? Suatu ketika mengatakan Dasar Pendidikan Negara, dasar menindas, suatu ketika dahulu Dasar Ekonomi Negara, dasar menindas, sekarang ini kononnya dia menjadi jaguh supaya orang-orang ini balik. Adakah kerana kerajaan tidak menindas ataupun DAP didapati tidak menyatakan yang sebenar-benarnya. Tidak berani! Teluk Intan langsung tidak tahu dalam hal ini. Tidak tahu!

Tuan Yang di-Pertua, saya datang ke Kuala Lumpur tahun 1969. Pada tahun 1969 saya lihat bagaimana bongkaknya setengah-setengah parti pembangkang. Apabila Kerajaan Negeri Selangor kehilangan kuasa, menjadi stalemate untuk mewujudkan kerajaan, apa yang dilakukan oleh orang-orang ini, di mana mereka, betapa sombongnya mereka, betapa menghirisnya gelagat mereka terhadap bumiputera. Saya bukan mahu perkauman tetapi saya mahu menjelaskan hakikat dan kebenarannya. Hakikat dan kebenarannya adalah Kerajaan Barisan Nasionallah yang bertanggungjawab membawa kemakmuran, bukannya DAP. Kerajaan Barisan Nasional bertindak dengan demokrasi, bukan sebagaimana yang dinafikan oleh DAP. Kalau ada yang dinyatakan dahulu, sekarang memang terbukti bahawa DAP tersilap tetapi tidak berani mengakui kesilapan. Jadi menggunakan approach yang lain apabila sahabat saya mengatakan perkara-perkara tadi yang mungkin menjejaskan conscience dia, dia datang ke dalam Dewan ini seolah-olah hilang fikiran. Ini tidak adil.

Kita mahu kecemerlangan pendidikan. Saya tahu kita negara baru, macam mana kita mahu membandingkan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dengan Brinston, kita hendak membandingkan dengan MIT, bukan ITM, tetapi MIT di Amerika, kita hendak membandingkan universiti kita dengan Oxford. Kita boleh melahirkan pemenang-pemenang hadiah Nobel, memang boleh, kita boleh, tetapi negara kita muda, negara yang masih lagi diperkotak-katikkan oleh pembangkang sendiri yang mengaku berdiri teguh kesetiaannya kepada negara ini. Di mana letaknya pembangkang?

Dua tiga minggu yang lalu asyik-asyik dia mengatakan sindrom penafian (denial syndrome). Siapa yang menafikan siapa? Apa yang dinafikan? Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menjelaskan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan juga menjelaskan masih lagi sehingga hari ini denial syndrome, anak dia cakap pun sama juga nadanya. Jadi di mana letaknya DAP?

Kita mengakui bahawa keadaan sekarang menuntut penyatuan politik walaupun kita berbeza ideologi, tetapi di mana contribution DAP terhadap kita menangani masalah dan krisis hari ini, di mana letaknya DAP? Dia lebih mahu memutarbelitkan atau membawa ke dalam Dewan yang mulia ini pandangan-pandangan luar yang mempunyai warna-warna tersendiri. Dia tidak mengakui analisis rakyat tempatan yang lebih hakiki, yang lebih autoriti. Mengapa DAP tidak berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi amaran kepada DAP jangan provokasi kami semua. Kami tidak lupa sejarah dan saya tidak akan melupakan sejarah tahun 1969. Saya cabar Ketua Pembangkang masuk dalam sini, kita berdebat mengenai 13 Mei 1969. Bukan soal perkauman di sini, Tuan Yang di-Pertua.......

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa masa berjalan dan Yang Berhormat balik kepada tajuk.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri dari parti pemerintah, Yang di-Pertua juga dari parti pemerintah.......

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu tak timbul. Yang penting itu saya rasa, tadi saya sudah beri peringatan, balik kepada tajuk.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ya, saya akur, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebagai anggota parti pemerintah, saya ingin menyatakan bahawa jangan cuba diprovokasikan lagi perpaduan rakyat di negara ini. Barisan Nasional tidak pernah menyatakan setiap perkara yang dibuat itu atas kaum mana, tidak pernah. Oleh kerana Barisan Nasional ada himpunan sokongan seluruh bangsa di negara ini, tidak pernah mengambil audit Cina, Melayu, Kadazan, India dan sebagainya tetapi Barisan Nasional dan Malaysia.

Jadi, saya harap dalam Dewan yang mulia ini jangan dibangkitkan lagi elemen dan tidak ada elemen yang cuba mengingatkan kita kepada sejarah perpecahan politik kita, kepada sejarah darah yang mengalir di dalam negara ini. Saya tidak rela sesiapa yang menyebut perkara ini oleh kerana rakyat Malaysia yang muda harus dibimbing ke depan, ke arah kecemerlangan, bukan ke arah perpecahan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Seremban.

**7.10 mlm.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong satu rang undang-undang untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana baru-baru ini telah diumumkan bahawa keputusan UPSR telah mencapai satu prestasi yang

agak baik dan bilangan murid-murid yang telah lulus dengan mata pelajaran, dengan gred yang agak baik, jadi saya ucapkan tahniah. Peperiksaan ini memang telah dijadikan sebagai sebahagian kehidupan murid-murid di Malaysia ini. Sebenarnya peperiksaan ini adalah sangat penting dan peperiksaan itu juga menentukan sama ada murid-murid itu akan diberikan naik pangkat atau melompat dari darjah tiga ke darjah lima dan juga sama ada murid itu akan diteruskan boleh memasuki universiti.

Sekarang ini saya rasa sistem pendidikan itu amat mengorientasikan kepada peperiksaan (exam orientated). Jadi, ini ada kebaikannya dan ada juga kelemahannya. Kebaikan ialah untuk menentukan membuat satu ujian tentang prestasi atau tahap pengetahuan atau tahap ilmu yang dicapai oleh seseorang pelajar. Kelemahannya ialah semua rakyat atau masyarakat kita biasanya menekankan sangat atas peperiksaan. Apabila sampai musim peperiksaan bukan hanya pelajar yang sibuk, nampaknya ibu bapanya juga sibuk kerana risau, takut anak mereka tidak dapat lulus peperiksaan. Apabila anaknya lulus, seorang ibu bapa juga merasa gembira seperti Ahli Yang Berhormat dari Rompin, anaknya lulus dengan keputusan yang baik, maka dia pun rasa gembira. Jadi itulah satu keadaan yang kita lihat memang biasa. Jadi, kelemahan ialah terlalu menekankan kepada peperiksaan.

Saya inginlah minta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan apa sebenarnya tujuan pendidikannya. Tujuan pendidikan ialah melahirkan seorang rakyat yang kelakuannya baik dan tahu berfikir, jadi kalau terlalu menekankan ke atas peperiksaan, mungkin itu tidak akan tercapai. Sebab kalau kita boleh lihat di dalam Dewan ini, di sini pun kita ada doktor, lawyer dan sebagainya, di sebelah sana pun ada lawyer, doktor dan sebagainya tetapi kita lihat jauh bezanya antara dua kumpulan itu. Walaupun semuanya telah mendapati pelajaran yang tinggi, lulus peperiksaan sebagai seorang doktor, lulus sebagai seorang lawyer tetapi tengok cara mereka berucap dan cara ahli-ahli Barisan Nasional berucap kita tahu. Oleh kerana itu, saya mahu minta penjelasan apa sebenarnya tujuan pendidikan. Kalau hendak lahirkan rakyat yang baik seperti dalam Barisan Nasional atau melahirkan rakyat macam barisan parti pembangkang, macam DAP, Teluk Intan. Yang Berhormat Teluk Intan pergi Kampar marah, menyatakan yang bukan-bukan, sebutkan ahli Parlimen dari Barisan Nasional tidak biasa datang ke Dewan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Teluk Intan, pukul berapa Yang Berhormat sampai pada hari ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan tidak boleh soal macam ini.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya hendak ajar dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Beri nasihat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Okay. Itu bezanya. Walaupun Yang Berhormat dari Teluk Intan seorang lawyer, kita pun ada lawyer di sini, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh nampak bezanya di antara dua jenis orang ini. Jadi kalau you ingat cuma hendak capai atau lulus sebagai lawyer, semua orang baik, bukan tentu. Jadi itu yang saya hendak hubung kait dengan tujuan pendidikan. Bukan lulus peperiksaan bermakna orang itu telah capai satu tahap yang baik, telah capai satu tahap yang orang akan menghormati. Jadi saya hendak soalkan tentang sistem pendidikan, sistem peperiksaan.

Saya memang berharap kalau boleh kementerian mengurangkan jenis peperiksaan, tetapi nampaknya bertambah pula. Baru-baru ini bertambah satu lagi ujian untuk darjah tiga supaya menentukan murid-murid yang baik boleh melompat ke darjah lima - bertambah pula. Sebenarnya kita perlu mengkaji semula sama ada STPM perlu ada atau tidak. Sebenarnya ramai pelajar tidak suka untuk mengikuti tingkatan enam. Mereka rasa STPM tidak ada apa-apa, cuma merupakan untuk memasuki universiti tempatan sahaja. Itu bukan tentu boleh dapat masuk. Oleh kerana itu, saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengkaji sedalam-dalamnya tentang sistem pendidikan yang ada sekarang sama ada praktikal atau tidak. Saya tidak pertikai hendak hapuskan semua jenis peperiksaan. Sebenarnya pada hemat saya seorang murid pada hari biasanya kertas kerja rumahnya perlu ambil kira tentang prestasi seseorang pelajar. Kita tidak boleh bergantung cuma dalam peperiksaan sahaja, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Sistem sekarang ini cuma bergantung kepada peperiksaan. Kalau peperiksaan pada hari berkenaan pelajar itu tidak berasa sihat dan menduduki peperiksaan dan tidak lulus, hancurlah masa depan pelajar berkenaan. Apa salahnya kalau kita hubung kait sedikit mengambil kira prestasi hari biasa dalam sekolah sama ada murid itu aktif dalam kurikulum dan sebagainya. Jadi saya rasa itu juga penting untuk menilai pencapaian atau prestasi seseorang murid.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju pandangan daripada beberapa ahli Parlimen menyatakan bahawa ada sekolah-sekolah di luar bandar memang tidak boleh capai satu prestasi yang baik. Saya memang bersetuju. Di kawasan saya, di kampung-kampung baru, di kampung-kampung tradisional, sekolah-sekolah itu sangat perlu diberikan kemudahan. Saya juga didatangi oleh guru besar di sekolah-sekolah SRJK(C) di kampung-kampung baru bahawa sekolah itu tidak cukup bangku (kerusi), jadi itu pun satu masalah. Jadi apa salahnya kalau Kementerian Pendidikan boleh memberikan pertolongan kepada sekolah-sekolah di luar bandar sama ada sekolah itu di bawah bantuan modal penuh. Janganlah kerana nasib tidak baik seorang murid itu bapanya hantar ke sekolah bantuan modal, maka murid itu tidak boleh menikmati segala kemudahan, jadi apa salahnya? Bukan salah anak itu, cuma bapa hantar anak itu ke sekolah bantuan modal. Oleh kerana tidak mencukupi kemudahan-kemudahan, tidak ada komputer dan sebagainya maka murid itu tidak akan capai satu prestasi yang agak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh sedikit mengenai kebocoran soalan. Baru-baru ini telah heboh dalam surat khabar dan saya yakin dan percaya ini merupakan satu khabar angin, bukan satu kenyataan. Walau bagaimanapun, saya berharap Kementerian Pendidikan khususnya Majlis Peperiksaan Malaysia akan berhati-hati janganlah biar kebocoran itu berlaku dan ini sudah tentu akan menjejaskan imej peperiksaan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Jadi, dengan kata-kata ini saya menyokong akta ini. Sekian, berbanyak terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang. Yang Berhormat, panjang lagikah, jangan panjang sangat ya, sebab kita harap kita boleh habis dua rang undang-undang.

**7.20 mlm.**

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba ringkaskan ucapan saya.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama memberikan pandangan di bawah pindaan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan keseluruhan pindaan ini kalau kita lihat adalah semata-mata untuk memasukkan Bahagian IIIA, iaitu tatatertib. Jadi kita amat berharap apabila bahagian tatatertib ini telah pun dimasukkan, maka kewibawaan Majlis Peperiksaan ini akan dapat kita pertingkatkan. Kita juga amat berharap dengan adanya fasal baru ini akan dapat mengatasi sedikit sebanyak kelemahan Majlis yang selalu kita dengar rungutan sama ada daripada guru-guru, orang perseorangan ataupun di dalam surat khabar.

Saya pernah terbaca di dalam surat khabar mengenai Majlis Peperiksaan di mana seorang pemeriksa kertas diminta pergi ke Negeri Sembilan, janjinya ada bas tunggu, tetapi bas tidak tunggu dan pelbagai rungutan lain kalau kita lihat di dalam forum surat khabar. Begitu juga dengan kelemahan kebocoran kertas peperiksaan yang ramai diperkatakan. Saya hanya berharap bahawa perkara ini harus dikaji dan diselidik sama ada benar ataupun tidak kebocoran ini berlaku kerana ia sesungguhnya akan mencabar kewibawaan Majlis Peperiksaan.

Begitu juga kita dengar rungutan seperti orang kata 'rumah siap pahat berbunyi' mengenai peperiksaan UPSR. Di dalam peperiksaan UPSR kalau kita kaji ada beberapa kelemahan yang terdapat pada mata pelajaran Sains UPSR, Bahagian B dan pembelajaran di bilik darjah secara khasnya adalah seperti berikut:

- Soalan-soalan terlalu umum dan mengelirukan. Kebanyakan soalan hanya memerlukan pengalaman murid sahaja dan tiada kaitan dengan eksperimen yang dijalankan dalam kelas mahupun yang terdapat dalam sukatan.
- Bahan rujukan di dalam teks terlalu sedikit.
- Soalan peperiksaan perlu lebih adil sepatutnya. Walaupun murid-murid digalakkan ke arah pemikiran kreatif dan kritis, tetapi bentuk soalan yang kabur dan umum harus dielakkan.
- Sukatan pelajaran perlu jelas. Setiap penilaian harus mengenai objektif setiap pembelajaran.
- Kebanyakan sekolah tidak mempunyai peralatan sains yang mencukupi. Ini serba sedikit menjejaskan pembelajaran sains di sekolah, seterusnya menjejaskan murid untuk mendapat ilmu ke arah menjawab peperiksaan sedangkan istilah-istilah sains seperti 'inference' ataupun 'pembolehubah' hanya digunakan di tahun enam sahaja sedangkan istilah itu tidak digunakan di tingkatan satu.

Jadi, di sini nampak ada beberapa kelemahan bukan sahaja di setiap peperiksaan, daripada UPSR pun sudah ada yang komen, kemudian SPM pun ada yang komen dan kalau saya tidak silap, PMR juga ada pendapat-pendapat di dalam akhbar mengenai rasa tidak puas hati terhadap soalan-soalan dan juga cara soalan peperiksaan itu dibuat. Jadi, kita amat berharap kerana Majlis Peperiksaan ini amat penting bagi kita untuk meningkatkan kualiti dan kepercayaan orang ramai terhadap sistem pendidikan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru kepada pihak kementerian khasnya Majlis Peperiksaan supaya sistem SPM atau STPM ini perlu dikaji. Saya mengatakan demikian kerana SPM pada hari ini ada gred satu, gred dua dan gred tiga, semua mereka ini dianggap lulus dan adalah gred empat dan gred sembilan yang dianggap tidak lulus. Begitu juga STPM, ada pula sijil penuh, ada pula sijil separuh. Jadi kalau kita lihat gred-gred seperti ini secara tidak langsung, secara psikologinya boleh melemahkan pelajar-pelajar kita. Kadang-kadang pelajar-pelajar kita mendapat gred tiga dengan mendapat empat kepujian, lima kepujian. Begitu juga pelajar-pelajar kita yang ambil STPM, boleh jadi dia dapat tiga prinsipal, dua prinsipal, tetapi boleh jadi kerana kertas amnya tidak dapat prinsipal maka dapat sijil separuh.

Saya tegaskan di sini adalah kerana kebanyakan pelajar yang terikat dan terkongkong dengan sistem pendidikan SPM dan STPM yang memberikan gred-gred ini adalah pelajar-pelajar di luar bandar. Pelajar-pelajar di bandar ataupun pelajar-pelajar bukan Melayu yang terdedah dengan peluang-peluang pendidikan di luar negeri malah di pusat-pusat IPTS di dalam negeri, mereka ini tidak tergantung kepada sistem ini.

Saya hendak ambil contoh, ini di dalam surat khabar, kalau kita lihat Stamford Law School, kelulusannya SPM dengan minimum tiga kredit, dia tidak ada sebut pun mesti lulus SPM ataupun mesti lulus Bahasa Malaysia. Inilah yang banyak anak Melayu kita tidak tahu. Semasa saya belajar di London dahulu ramai kawan-kawan saya yang SPMnya gred sembilan. Saya ada SPM gred sembilan tetapi hari ini sudah jadi lawyer. Ada seorang itu SPMnya pun gred sembilan tetapi hari ini sudah jadi engineer kerana mereka ini tahu SPMnya gred sembilan boleh jadi kerana mereka gagal Bahasa Malaysia ataupun SPMnya gred tiga atau gred empat kerana groupnya tidak cukup tetapi mereka mempunyai tiga kredit SPM. Dengan adanya tiga kredit SPM ini membolehkan pelajar ini pergi ke luar negeri, sekarang ini di dalam negeri sudah ada, mereka layak membuat A level. Dengan adanya membuat A level, mereka kadang-kadang ambil dua subjek sahaja A level ini. Katalah hendak jadi lawyer, dia ambil mata pelajaran Perlembagaan dan History dan dia struggle dua mata pelajaran ini. Akhirnya dia dapat keputusan yang baik dengan dua prinsipal, kini dia dapat memasuki di pusat-pusat pengajian tinggi.

Tetapi pelajar-pelajar kita, kalau kita lihat SPM anak-anak kampung ada yang lima kepujian - kepujian ini bagi mata pelajaran yang baik-baik, habis tinggi dia fikir hendak masuk maktab. Bila sudah tidak dapat masuk maktab, dia difinished, dan dia masuk kerja kilang, sebab dia rasa gred tiga sudah tidak ada peluang melanjutkan pelajaran. Hendak masuk tingkatan enam pun dia tengok gred dua, baru dia boleh masuk. Sekarang ini gred dua pun belum tentu boleh masuk tingkatan enam, dia tengok lagi ada subjek-subjek tertentu. Jadi bila ada kriteria-kriteria macam ini, kita rasa anak-anak Melayu, anak-anak luar bandar ini tertinggal kerana pendedahan tidak diberi kepada mereka walaupun mereka ini mendapat gred tiga ataupun gred empat. Dengan adanya tiga kepujian sebenarnya membolehkan mereka melanjutkan pelajaran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kalau boleh kita kaji balik sistem gred ini. Mengapa kita tidak mengatakan SPM dengan tiga kredit, SPM dengan empat kredit, SPM dengan tujuh kredit, kerana bila hendak masuk universiti dan saya ingin menjelaskan, dengan syarat Bahasa Malaysianya mesti kepujian. Ini kalau kita tekankan Bahasa Malaysia pun kita rasa khuatir bahawa peningkatan Bahasa Malaysia ini lama-lama orang lupa. Sebab itu pada hari ini kita lihat di Malaysia ini seolah-olah ada dua dunia. Kalau siapa kakitangan kerajaan, dia mesti cakap bahasa Melayu. Kalau pergi swasta, kita katalah macam mana pun, surat-menyurat mesti gunakan Bahasa Malaysia, dia tidak gunakan sebab ada di antara mereka ini di peringkat SPM memang dia tidak hiraukan Bahasa Malaysia, sebagaimana saya nyatakan tadi dia fail SPM dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, dia pergi luar negeri buat A level dan seterusnya masuk ke IPTS. Selepas itu bila dia menjadi profesional ataupun kalau dia memasuki swasta, dia don't bother, swasta tak kisah, ada kepujian Bahasa Inggeriskah, kepujian Bahasa Malaysiakah, dia tidak ambil kisah. Jadi mereka akan pergi ke pihak swasta. Anak-anak yang di luar bandar ini yang dok terhegeh-hegeh hendak bekerja dengan kerajaan.

Bila hendak bekerja dengan kerajaan mesti ada syarat, mesti ada kepujian (kredit) Bahasa Malaysia.

Jadi, sebab itu kita lihat pada hari ini kalau boleh kita ubah sistem kita ini supaya lebih adil dan anak-anak kita tidak rasa tertinggal bahawa mereka ini sebenarnya lulus, tetapi oleh kerana mereka tidak dapat peluang ataupun tidak didedahkan peluang untuk melanjutkan pelajaran maka mereka merasakan gred tiga itu kalau sudah tidak belajar, mereka hanya boleh masuk ke kilang. Jadi, kita harap sudah sampai masanya sistem gred-gred ini, sijil penuh dan sebagainya harus dikaji semula supaya ia lebih adil dan ia lebih memberi peluang kepada anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin menyentuh mengenai sistem peperiksaan lompat kelas. Saya menyokong penuh sekarang ini kita ada peperiksaan lompat kelas daripada darjah tiga boleh masuk ke darjah lima. Tetapi saya berharap Majlis Peperiksaan mengkaji sama ada kelas lompat ini kalau boleh kita biarkan daripada darjah satu, sebab hari ini budak-budak tadika, baru masuk tadika, dia masuk darjah satu sudah pandai membaca.

Saya ada tiga, empat kes. Budak ini sekarang tadika dua tahun. Umur lima tahun sudah masuk tadika, enam tahun dia sudah erti membaca. Oleh kerana dia tidak mahu masuk tadika, dia pun menumpang masuklah darjah satu. Bila dalam peperiksaan, kadang-kadang keputusan budak-budak ini lebih baik, dia dapat nombor satu, kadang-kadang nombor dua walaupun dia belum layak lagi masuk darjah satu. Tetapi oleh kerana murid ini adalah murid tumpang, cikgu tidak beri hadiah kepada dia, dia rasa sedih. Jadi kita harap, kita biarkan. Kalau boleh, kita luaskan, terbuka sistem pendidikan kita. Sesiapa ibu bapa yang merasakan anaknya layak untuk masuk kelas lompat, kita beri peluang. Kalau anak dia sudah pandai darjah satu hendak lompat ke darjah tiga, kita beri. Jadi dengan ini kita harap tempoh untuk kita melihat pelajar-pelajar kita mendapat ijazah ini mungkin boleh dipendekkan.

Kadang-kadang kita baca juga dalam surat khabar, di luar negeri pelajar berumur 12 tahun, 16 tahun sudah dapat ijazah, sudah ada kelulusan Cambridge. Jadi macam mana pelajar-pelajar yang cemerlang seperti ini boleh mendapat ijazah dengan begitu baik? Jadi sistem-sistem pendidikan ini kalau boleh kita kaji semula supaya kita memberikan peluang kepada anak-anak kita yang cemerlang ini boleh melompat kelas dengan tanpa mengira sama ada darjah empat ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sependapat dengan Yang Berhormat dari Seremban bahawa hari ini kita banyak mengadakan sistem peperiksaan senang menghafal ataupun exam orientated. Pelajar-pelajar ini kadang-kadang dia pandai, bila waktu peperiksaan dia demam, dia tidak dapat keputusan baik, kadang-kadang nasib dia baik, dia dapat soalan ramalan, soalan itu keluar tepat. Oleh itu, kita dapati pelajar-pelajar pada hari ini lebih mementingkan peperiksaan. Kadang-kadang kalau dia dalam tingkatan lima hendak ambil SPM, dia tidak kisah. Dia belajar dari bulan September, dia sudah ada pula soalan-soalan ramalan, ada hubungan dengan kawan-kawan, dia pun study tiga empat bulan, sembilan bulan sebelum itu dia tak kisah, dia tidak menumpukan perhatian dan tidak pun tidak ada hormat kepada guru-guru kerana dia tahu yang menentukan dia dapat cemerlang ataupun tidak bukan cikgunya, tetapi adalah bergantung kepada kelulusannya.

Begitu juga hari ini kita lihat pelajar-pelajar kalau hendak ambil sukan pun sukar sebab ibu bapa sudah mula memikirkan kalau aktif sukan sahaja apa jaminannya? Kalau dia aktif sukan tetapi SPMnya tidak lulus, SPMnya gred tiga dan sebagainya, apa jaminan untuk menjamin anaknya boleh terus meningkatkan pelajaran dan dalam masa yang sama cergas di dalam sukan. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya reformasi sistem peperiksaan ini kena dikaji semula. Kalau boleh, kita buat sistem universiti. Sekarang ini tingkatan tiga sudah boleh semua lulus, tak apa, kita sokong, naik ke tingkatan empat dan tingkatan lima. Kalau boleh kita buat sistem macam universiti, biarkan markah peperiksaan itu 60% ataupun 50%. Berikan dia 50% ataupun 40% lagi itu kita berikan sistem assignment, sistem penilaian moral. Bila kita ada sistem assignment, sepanjang tahun daripada tingkatan empat sampai ke tingkatan lima, sekurang-kurangnya murid-murid ini bila guru beri assignment, dia kena belajar. Walaupun mungkin ada yang meniru, tidak ramai, dia akan belajar. Bila dia belajar, dia tidak menunggu di hujung tahun, setiap masa dia kena belajar (study) dan dia menyiapkan assignmentnya. Kerana dia tahu kalau dia tidak menyiapkan assignment, 20 markah dia akan kurang di dalam peperiksaan yang sebenar. Dengan ini kita boleh mewujudkan budaya membaca, budaya ilmu yang sebenar-benarnya kita mahu, bukannya budaya menghafal untuk lulus peperiksaan.

Begitu juga kita harus memberikan markah penilaian moral kepada guru, boleh jadi kita rizabkan 20% untuk penilaian moral. Kalau ini kita boleh buat, barulah murid-murid boleh hormat kepada guru kerana dia tahu 20% markahnya terletak kepada guru. Kalau ini boleh kita laksanakan, mungkin disiplin pelajar, masalah golongan remaja sedikit sebanyak akan dapat kita atasi. Hari ini murid-murid tidak takut kepada guru sebab dia tahu guru hanya mengajar. Dia tidak buat kerja rumah dan sebagainya, guru dia tidak hairan kerana kalau dia tidak suka dengan guru kelas itu, kalau dia anak orang berada, dia boleh ada tuisyen. Kadang-kadang dia kata tuisyen lebih baik daripada guru dia mengajar. Jadi bagi dia pergi ke sekolah ini merupakan satu perbuatan yang dia sengaja hendak pergi untuk menunggu hujung tahun dia mengambil peperiksaan. Kadang-kadang ada yang tidak datang, ini yang berlakunya ponteng. Tetapi kalau kehadirannya diambil kira, aktiviti kokurikulumnya diambil kira, penghormatan kepada guru-guru diambil kira dan pelbagai nilai moral diambil kira, maka saya rasa sedikit sebanyak murid-murid ini akan terasa dan terpanggil untuk menghormati kepada guru-guru mereka kerana mereka akan tahu bahawa penilaian untuk kelulusan mereka bukan semata-mata bergantung kepada peperiksaan tetapi juga kepada penilaian guru.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Kalau kita boleh pinda sesuatu undang-undang, maka saya rasa sudah sampai masanya Majlis Peperiksaan Malaysia juga mesti mengkaji supaya kita teroka dunia baru sesuai dengan kehendak dan juga kemajuan di negara kita. Dengan ini saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bintulu, selepas itu menteri menjawab.

**7.35 mlm.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkas saya mengambil peluang ini untuk membahaskan beberapa perkara yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997 dari segi peranan dan skop bidang kuasa MPM.

Saya mendapati di bawah Kementerian Pendidikan terdapat satu lagi badan peperiksaan iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Apa yang saya faham LPM bertanggungjawab mengurus dan mengawal peperiksaan PMR di tingkatan tiga ujian kelayakan (QT) dan SPM di tingkatan lima manakala MPM pula bertanggungjawab bagi peperiksaan STPM di tingkatan enam, baik untuk calon-calon peperiksaan di sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta atau calon persendirian.

Saya tidak faham mengapa Kementerian Pendidikan perlu mewujudkan dua badan peperiksaan yang berasingan sedangkan matlamat kedua-duanya sama. Kewujudan dua badan yang berlainan ini sebenarnya menyebabkan pertambahan perbelanjaan kementerian dan ada baiknya kedua-dua badan ini digabungkan di bawah satu pentadbiran yang berkuasa penuh. Ini lebih menjimatkan wang rakyat dan memudahkan urusan peperiksaan para pelajar.

Keduanya, saya ingin membangkitkan soal kebocoran kertas soalan peperiksaan, baik di peringkat......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara itu telah diucapkan oleh ramai ahli seperti Kota Melaka, Tanjong pun berucap.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Ya, betul, Tuan Yang di-Pertua. Kejadian ini sudah berlaku berulang kali, ini menunjukkan keteguhan MPM dan LPM boleh dipertikaikan. Apakah yang selama ini dibuat oleh MPM bagi memastikan kekebalan soalan-soalan peperiksaan supaya tidak bocor dan jatuh ke tangan pihak tidak bertanggungjawab. Ini yang penting untuk pihak kementerian siasat dan mendapati sesiapa yang bertanggungjawab, pihak pengantara seperti pekerja-pekerja percetakan, pihak polis sendiri merupakan pihak yang patut juga dipertanggungjawabkan atas kebocoran kertas soalan peperiksaan.

Kadang-kadang kita terpaksa mempertikaikan kewibawaan pemeriksa-pemeriksa kertas jawapan para pelajar yang secara sambil lewa memeriksa kertas jawapan. Selain pemeriksa itu diserahkan banyak kertas jawapan dari sebuah sekolah atau pusat peperiksaan untuk diperiksa dan diberi markah dalam satu masa tertentu, tetapi para pemeriksa ini adalah manusia biasa yang sering tersilap. Mereka kerap merendahkan markah pada masa yang tidak sesuai seperti mengantuk, kesuntukan masa, tidak membaca sepenuhnya kertas jawapan pelajar sedangkan jawapan yang dibuat oleh pelajar tatkala peperiksaan percubaan adalah dianggap baik dan melepasi standard pemarkahan yang kadangkala soalan itu lebih susah dan berat dan soalan dalam peperiksaan sebenarnya lebih mudah, tetapi mengapa calon-calon yang gagal atau kurang markah mereka? Sebab untuk menuntut supaya kertas jawapan disemak kembali bukan perkara mudah dan memerlukan belanja.

Saya harap semua pemeriksa harus berdisiplin bukan sahaja kepada pelajar dalam bilik darjah, tetapi mereka harus mendisiplinkan ketika menandakan kertas jawapan pelajar. Pihak MPM dan Kementerian Pendidikan juga harus mencari jalan bagaimana hendak menyekat soalan-soalan sport yang membanjiri pasaran kedai buku seluruh negara. Terdapat pelajar yang hanya bergantung kepada buku-buku soalan peperiksaan, yang dijual bukan murah dan tidak langsung menyentuh apa-apa isi pelajaran yang diajar oleh guru-guru. Fikiran mereka lebih tertumpu bagaimana hendak menjawab soalan peperiksaan daripada hendak menguasai dan memahami sepenuhnya mata pelajaran. Mereka yang berbuat demikian bukan sahaja gagal dalam pelajaran, tetapi dalam peperiksaan apabila soalan yang diteka itu tidak keluar. Oleh itu kementerian hendaklah mencari jalan bagaimana hendak membatasi pengedaran soalan ramalan yang dibuat semata-mata mencari keuntungan sahaja, bukannya membantu para pelajar.

Di sini saya juga ingin meminta kementerian menimbang untuk memberi kelonggaran dan membatalkan bayaran yuran peperiksaan (examination fee) sekolah-sekolah menengah di Sabah dan Sarawak untuk pelajar yang tidak mampu khususnya mereka yang di luar bandar supaya taraf pendidikan dalam golongan rakyat yang miskin boleh ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Timbalan Menteri menjawab.

**7. 43 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya suka merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya memberi jaminan bahawa setiap dari pandangan itu akan diberikan penelitian, di mana yang sesuai boleh kita pertimbangkan.

Saya hendak menjawab secara menyeluruh dan juga perkara-perkara yang khusus. Saya hendak mula dengan soal kebocoran yang dikatakan ada berlaku, boleh dikatakan setiap Yang Berhormat yang bangun bercakap sebentar tadi.

Saya hendak jelaskan bahawa mengikut siasatan awal yang telah kita buat, kita belum dapat mengesan tentang adanya berlaku sebarang kebocoran. Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah membuat kenyataan bahawa tidak ada berlaku kebocoran. Walaupun begitu kita tahu oleh kerana ada aduan polis telah dibuat oleh beberapa orang murid dan juga penjaga, maka kita mahu supaya polis membuat penyiasatan mengikut cara-cara dan pendekatan-pendekatan pihak polis sendiri. Dalam masa yang sama, pihak Lembaga Peperiksaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mempastikan sama ada dakwaan itu benar-benar berlaku ataupun tidak, tetapi buat sementara waktu ini, kita kata tidak ada kebocoran yang berlaku, berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah pun diperolehi oleh pegawai-pegawai daripada Lembaga Peperiksaan dan juga guru-guru yang ada di sekolah yang berkenaan. Itu perkara yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mempersoalkan sama ada kertas peperiksaan SPM ini bocor ataupun tidak, kita kena ingat. Apa yang kita kena ingat akan implikasi dakwaan itu. Implikasinya nombor satu sekali kepada maruah, martabat, kewibawaan Lembaga Peperiksaan itu sendiri sebab Lembaga Peperiksaan kita ataupun peperiksaan yang kita buat di Malaysia ini diiktiraf kredibilitinya bukan sahaja di dalam negara kita ini, tetapi juga di luar negeri. Kita tidak mahu soal maruah, soal martabat, soal kewibawaan Lembaga Peperiksaan kita ini dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Itu sebabnya kita kena berhati-hati benar, apabila timbul soal sama ada kertas ini bocor ataupun tidak, kerana apa yang berlaku ini cuma peringkat dakwaan sahaja (allegation), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pada akhirnya nanti kita tidak mahu ibu bapa terutama sekali atau penjaga-penjaga timbul tanda tanya dalam pemikiran masing-masing, maknanya timbul soal kepercayaan ibu bapa atau penjaga-penjaga kepada maruah (credibility), dengan izin Tuan Yang di-Pertua Lembaga Peperiksaan negara kita.

Yang ketiganya suka saya tegaskan di sini bahawa dari segi hendak mengawal keselamatan soalan-soalan dan kertas-kertas peperiksaan itu sendiri. Saya suka jelaskan bahawa daripada mula sehinggalah ke akhir peperiksaan itu dijalankan, pertama sekali semua lapisan yang terlibat sama ada di dalam soal menyediakan kertas peperiksaan, sama ada di dalam memeriksa kertas-kertas peperiksaan, sama ada di dalam urusan penghantaran kertas-kertas sampai ke bilik-bilik kebal (strong room), dengan izin yang kita tempatkan di tempat-tempat yang tertentu. Semua langkah-langkah itu kita ambil dengan cara setiap

mereka yang terlibat mesti menandatangani surat ataupun kertas yang berkait dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan, kerana kertas-kertas soalan ini diletakkan, ditakrifkan atau dikategorikan di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan dan semua lapisan yang terlibat kena menandatangani surat ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita cuba pastikan keselamatan kertas-kertas peperiksaan ini supaya betul-betul selamat sampai ke bilik kebal dikunci dan di'escort' oleh polis, diawasi sama-sama oleh pihak Imigresen dan semua pihak yang ada hubung kait dengan peperiksaan. Lebih daripada itu cara-cara lain yang kita ambil itu saya tidak dapat hendak sebutkan di sini, kerana itu adalah soal-soal keselamatan yang diuruskan di antara Kementerian Pendidikan dan juga pihak-pihak yang ada hubung kait dengan keselamatan seperti polis, Imigresen dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak ditekankan di sini ialah Kementerian Pendidikan telah mengambil setiap langkah yang difikirkan perlu bukan sahaja mengikut kewibawaan pegawai-pegawai, tetapi juga mengikut aturan dan peraturan yang dikehendaki oleh keperluan-keperluan ataupun langkah-langkah keselamatan kertas-kertas peperiksaan itu sendiri. Seperti sekarang ini, sekiranya timbul dakwaan ada kebocoran saya minta biar Lembaga Peperiksaan dan sekarang ini polis menyiasat perkara ini dan jangan terburu-buru kita hendak menggunakan istilah-istilah yang bukan-bukan seperti 'Skandal Kebocoran' - ini belum pasti. Kita bercakap atas perkara yang belum jelas, tinggal lagi hendak memberi pandangan saya boleh terima dan jangan sampai kata, Kementerian Pendidikan hendak tutup ataupun hendak cover-up kebocoran ini. Apa yang kita hendak cover-up? Kita tidak ada hasrat, tidak ada niat. Pada kami di Kementerian Pendidikan, kalau betul ada siapa-siapa yang melakukan kebocoran, maka orang itu mesti dihukum - tidak ada cover-up daripada Kementerian Pendidikan.

Mengenai soal membuat laporan kepada polis tentang kononnya berlaku kebocoran ini adalah satu perkara berat - ia bukan boleh dipermudah-mudahkan. Pada kami siapa yang bertanggungjawab untuk membuat laporan itu mereka juga mesti bertanggungjawab untuk menerima apa juga keputusan setelah perkara ini dimuktamadkan nanti. Kita tidak kira ia murid sekolahkah, penjagakah, pokoknya atau soalnya yang paling penting, dia berani buat maka dia mesti berani tanggung di atas perbuatannya itu tadi, kerana yang ditimbulkannya ini, yang dipersoalkan ini ialah soal maruah Lembaga Peperiksaan. Soal kredibiliti Lembaga Peperiksaan yang kita tahu sekarang ini mendapat pandangan yang baik di dalam dan di luar negara.

Saya hendak tegaskan dalam soal ini, dari segi Kementerian Pendidikan, kita telah mengambil setiap langkah yang kita fikirkan perlu dari segi pentadbiran, dari segi peraturan keselamatan untuk cuba pastikan supaya kertas-kertas peperiksaan ini selamat. Saya cuma hendak menyebutkan sedikit sahaja pandangan ataupun penjelasan lagi dalam soal ini, laporan ini dibuat selepas kertas-kertas peperiksaan itu selesai dijawab, maknanya selepas periksa selesai, jawapan selesai baru hendak dibuat laporan kepada polis. Pada hemat kami di Kementerian Pendidikan itu tidak timbul soal kebocoran. Kebocoran timbul apabila kertas itu belum diserahkan lagi kepada murid - itu bocor. Tetapi sekarang soalan sudah dijawab, sudah habis periksa, kertas itu sudah selesai, jadi pergi report pula kepada polis - ini pada kita di Kementerian Pendidikan bukan satu kebocoran. Satu.

Tuan Yang di-Pertua,........

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** .....ya, Yang Berhormat hendak tanya apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

Saya ada dua perkara yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Satu ialah kalau Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa kita tidak harus membuat hukuman bahawa ia adalah benar, bahawa kebocoran soalan-soalan SPM adalah benar selagi siasatan belum diselesaikan. Mengapa pula Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh menafikan bahawa soalan-soalan bocor, kalau kita gunakan logik yang sama siasatan pun belum selesai, macam mana beliau boleh menyatakan tidak berlaku langsung - mungkin ada berlaku. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada sindrom penafian (denial syndrom) dalam perkara ini.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa soalan-soalan ini bukan bocor kerana laporan mengenai perkara ini hanya dibuat selepas peperiksaan habis. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa kalau seseorang bila mendapat satu set kertas ujian, dia masih belum pasti sama ada itu benar atau tidak, dia hanya tahu bahawa itulah benar atau set yang dibeli itu benar selepas mengambil peperiksaan. Kalau dia buat sebelum itu saya rasa itu tidak patutlah, biasanya

sesiapa pun tidak akan buat hanya ia akan dibuat bila mereka memastikan "eh! Itu soalan serupa", baru selepas itu mereka membuat laporan polis. Jadi, saya ingin menegaskan kalau seseorang pelajar yang hanya berumur dalam lingkungan 17 tahun atau 18 tahun untuk dia keluar membuat laporan polis dan penerangan surat khabar ini bukan perkara kecil seperti Yang Berhormat tadi menyatakan. Ini tidak boleh dipermudah-mudahkan atau diperkecil-kecilkan. Bila mereka berani keluar, ini menunjukkan bahawa ada asas tentang dakwaan mereka. Sekian.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali, soal kedua itu pandangan Yang Berhormat sendirilah dan kita di Kementerian Pendidikan ada pandangan kita sendiri. Itu sebabnya saya kata biarlah benda ini disiasat betul, baik oleh polis, baik oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan. Ini adalah soal atau kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, oleh kerana kita dapati tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ada kebocoran, itu sebabnya Yang Berhormat Menteri buat kenyataan itu, bukan kata kita hendak tutup, hendak timbulkan ini 'sindrom penafian'. Apa yang kita hendak nafi, ini soal masa depan pelajar-pelajar. Kita buat keputusan dan pandangan berdasarkan kepada fakta, apa fakta yang ada pada hari itu dan apa fakta yang ada pada kita sekarang, kita pun maklum, itu sebabnya saya kata, saya pun ulang balik dalam Dewan yang mulia ini. Setakat ini daripada maklumat-maklumat yang diperolehi oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia, nampaknya tidak ada kebocoran berlaku. Itu yang kedapatan sekarang, the finding, dengan izin yang ada setakat ini. Itu maksud kita, tinggal lagi muktamadnya besok kita akan beritahu, kita tidak ada hendak tutup apa hendak kita tutup, ia melibatkan semua anak kita, semua pelajar kita.

Saya hendak memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Kementerian Pendidikan akan isytiharkan apa ia kedapatannya (the finding) sama ada oleh Lembaga Peperiksaan ataupun pihak polis. Jadi, saya fikir setakat itu dahululah jangan kita tokok-tambah lagi benda ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Apa lagi Yang Berhormat hendak tahu ini? Degil betul dia ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Janganlah macam ini usik.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Okay.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini adalah satu perkara yang penting, saya rasa Yang Berhormat pun sama-sama bersetuju kerana ini adalah satu perkara yang penting. Sungguhpun ataupun penemuan (finding) awal oleh pihak Kementerian Pendidikan ialah bahawa tidak ada kebocoran, tetapi seperti yang saya nyatakan tadi kalau kita hendak buat dia secara khas 'eye improve', dengan izin, adakah beliau bersetuju, ini untuk masa depan, sekarang terpulang kepada penyiasatan yang dijalankan. Tetapi untuk masa hadapan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju kalau kita meminta sebuah syarikat auditan ataupun satu badan yang lain untuk memberikan nasihat macam mana kita boleh memastikan kemungkinan-kemungkinan ini tidak akan berlaku, kerana ini satu perkara penting, kalau kita hendak menjadi regional centre of educational excellence, sebarang nama baik, kewibawaan, sistem pendidikan dan peperiksaan kami langsung tidak boleh diragui. Saya rasa apa yang berlaku pada minggu lepas, di mana ia dipaparkan di semua muka hadapan surat khabar, saya rasa ini amat membimbangkan, merisaukan ibu bapa dan juga pendidik-pendidik, kerana kita tidak tahu sejauh manakah masalah kebocoran soalan ini berlaku. Adakah di peringkat sekolah menengah, mungkin sampai ke peringkat yang paling tinggi sekali iaitu peringkat universiti.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita jangan heret perkara-perkara lain. Apa yang kita kata sekarang ialah soal kononnya ada kebocoran dalam kertas peperiksaan SPM, jangan hendak sampai kepada universiti. Tetapi kita kata setiap langkah perlu kita buat. Satu.

Yang kedua, hendak meminta orang lain untuk memberi nasihat pada kita pula, kepada Lembaga Peperiksaan, kepada Majlis Peperiksaan Malaysia, ini saya fikir kita telah merdeka selama 40 tahun dan sejak Majlis Peperiksaan menjalankan peperiksaan ini pun sudah begitu lama, jadi pada saya ini seperti kita gostan 100 tahun, seolah-oleh kita ini....

**Tuan Lim Guan Eng:** Auditing firm bukan pihak luar.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Auditing firm.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya tahu ini auditing firmlah, takkanlah kita hendak serah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tempatan punya.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Nantilah sekejap. Saya tidak habis lagi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Takkan kita hendak serahkan, maksud saya kepada orang lain, auditing firmkah or whatever badan Yang Berhormat maksudkan. Pada peringkat ini bukan kata saya hendak cakap kasar, saya hendak cakap sombong - tidak, payah sedikitlah kita hendak terima, sebab kita yakin dengan kemampuan dan kebolehan, kepakaran yang ada pada kita. Kitalah yang kena yakin, kalau kita tidak yakin pada orang kita, siapa lagi yang hendak yakin? Betullah ada audit firm ataupun siapa-siapa yang hendak memberi nasihat, tetapi saya pun boleh bertanya are they the expert? Dengan izin. Are they the real expert? Belum tahu. Masing-masing ada pandanganlah, tetapi mengikut trek rekod Lembaga Peperiksaan, Majlis Peperiksaan Malaysia, kita nampak.

Kita tidak nafi langsung tidak ada berlaku kebocoran. Kita mengaku, ada kelemahan, tugas kita di Kementerian Pendidikan ialah untuk sama-sama mencari jalan macam mana gayanya hendak memastikan tidak ada kelemahan berlaku - itu yang Ketua Pengarah Pendidikan pernah kata hendak pergi kepada 'zero defect'. So, semua orang kena memberi pandanganlah. Kita terima, Kementerian Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri serta saya sendiri - terima, apa juga pandangan, malahan teguran serta kritikan-kritikan dengan dada yang terbuka, kerana kita fikir, kita berpendapat ini melibatkan kita semua, kepentingan dan kebajikan kita semua. Jadi, biar kita selesai satu-satu perkara.......

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan. Apakah benar skema jawapan sesuatu peperiksaan seperti SPM dan juga STPM ini, ia sudah disiapkan terlebih dahulu, ertinya sebelum peperiksaan itu dilaksanakan. Jadi, saya difahamkan ia ada satu mesyuarat di mana pemeriksa-pemeriksa ini akan dipanggil dan mereka sudah di'ready'kan dengan skemanya. Perkara ini dibuat sebelum peperiksaan. Jadi, kalau perkara ini benar, apakah kementerian bercadang supaya skema markah ini jangan dibuat dahulu, biar peperiksaan itu jalan dahulu, kemudian barulah dibincangkan skema jawapan ini, kerana kalau bocor pun tidaklah skema-skema sekali ia boleh bocor.

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri 'katalah', tetapi saya percaya soalan ini memang tidak bocor. Saya yakin dengan kewibawaan Lembaga Peperiksaan dengan syarat-syarat yang begitu ketat, tetapi kalaulah ada 'bocor', adakah kementerian akan megisytiharkan periksa lagi sekali?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Solan yang kedua itu Yang Berhormat Menteri pun sudah membuat kenyataan bahawa kita tidak akan ada peperiksaan SPM sekali lagi - itu jelas.

Yang kedua, soal cara mana kita menguruskan untuk mengelolakan pemeriksaan ke atas kertas-kertas peperiksaan itu, kalau kedapatan sebarang keperluan dan kelemahan itu kita perbaiki, saya kata kita boleh perbaiki. Kita ambil kira apa juga pandangan-pandangan yang diberikan oleh semua lapisan masyarakat kita. Setakat itu saya boleh bayangkanlah kepada Yang Berhormat buat sementara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal kebocoran dan keselamatan ini, ada juga ditimbulkan soal sistem peperiksaan. Memang benar kalau kita masih ingat Yang Berhormat Menteri sendiri telah membuat beberapa kenyataan tentang langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meneliti tentang rupa bentuk dan isi kandungan. Pelbagai jenis peperiksaan ataupun ujian yang sedang dilaksanakan di negara kita ini sekarang melalui sistem pendidikan kita. Ini juga dibuat kalau sesuai, kalau boleh dilaksanakan dengan tidak mengorbankan mutu, nilai ataupun kualiti pendidikan itu sendiri, maka kita akan membuat sesuatu keputusan dan kalau sekiranya tidak sesuai, kita pun akan terangkan mengapa kita membuat keputusan yang sedemikian.

Saya suka hendak tegaskan juga di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa soal pelbagai jenis peperiksaan yang ada sekarang ini diteliti oleh Kementerian Pendidikan sesuai dengan matlamat, sesuai dengan usaha-usaha kita hendak mencapai matlamat-matlamat jangka panjang kita. Misal kata untuk hendak menjadikan negara kita ini sebagai sebuah pusat pendidikan yang cemerlang bagi kawasan rantau ini. Semuanya ini memerlukan peninjauan secara teliti baik dari segi bukan sahaja sistem peperiksaan itu, tetapi juga dari segi sistem kita membenarkan pelajar-pelajar atau murid-murid kita berada di dalam sistem itu, sama ada patut, dapat ataupun tidak dapat dikurangkan dari semasa ke semasa dan itu jugalah salah satu sebabnya yang kita mengadakan sistem melangkau darjah melalui Penilaian Tahap Satu yang kita buat dan baru-baru

ini kita umumkan, nampaknya ada peningkatan, cuma yang hendak ditekankan di sini, kita tidak memaksa dalam proses pelaksanaan itu. Kita tidak memaksa murid, kita tidak paksa ibu bapa, walaupun anaknya lulus ataupun mendapat pencapaian yang baik boleh melangkau darjah, tetapi kalau dia kata, dia tidak mahu kita tidak paksa. Itulah keadaan dan suasana yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini kita buat untuk memperbaiki lagi apa yang ada pada kita sekarang, baik dari segi, satu, tempoh anak-anak kita berada di dalam sistem itu yang bermula dari umur 7 tahun sampai ke universiti, kita berfikir apa untung rugi, apa baik buruk, kalau sekiranya misal kata peringkat umur itu dipercepatkan kepada 6 tahun dan tidak kepada 7 tahun seperti sekarang. Ini adalah perkara-perkara yang kita sedang teliti, begitu juga tentang soal peperiksaan ini, memang Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah yang kita fikirkan munasabah untuk menampung keperluan-keperluan masa hadapan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada juga timbul soal apa kesan dan apa langkah yang dibuat, yang diambil oleh Kementerian Pendidikan kepada pelajar-pelajar kita yang sepatutnya pergi ke luar negeri tetapi sekarang ini tidak dapat pergi ke luar negeri. Saya fikir memang benar kerajaan telah membuat keputusan yang drastik untuk tidak menghantar lagi pelajar-pelajar kita kecualilah di beberapa bidang yang kita kata kritikal, jadi pelajar-pelajar yang begitu, masih kita hantar, tetapi bilangannya cukup terhad, tidak ramai. Oleh kerana adanya keputusan ini, maka Kementerian Pendidikan telah pun meneliti perkara ini merundingkan untuk, satu, seramai mana institusi pendidikan tinggi awam kita iaitu universiti-universiti kita dapat menampung bilangan pelajar-pelajar tersebut.

Yang kedua, sebanyak mana universiti-universiti swasta yang telah kita luluskan sebanyak 3 buah iaitu Universiti Tenaga Nasional, Petronas dan Telekom. Sebanyak mana ketiga-tiga buah universiti ini dapat menampung pelajar-pelajar ini, urusan ini sedang kita rundingkan dan kita yakin insya-Allah urusan itu dapat diselesaikan dengan baik dan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka pula bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Eh! Banyak sangat bertanya ini apa hal?

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat ini betullah......

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pihak kerajaan hendak jimatkan dengan tidak menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri, adakah langkah ini akan disahut dengan membekukan yuran peperiksaan, kerana saya difahamkan di Universiti Malaya yuran peperiksaan untuk kursus Ijazah Sarjana atau Masters telah naik di antara 44% hingga 67% iaitu dahulunya RM950, tetapi sekarang sudah naik sampai RM1,650. Memandangkan kenaikan ini adalah tinggi, adakah kenaikan ini akan diperluaskan untuk peperiksaan-peperiksaan lain sama ada peringkat universiti ataupun peperiksaan awam?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, itu isu lain. Ini soal yuran untuk yang hendak membuat first degree, itu satu isu. Tetapi soal kalau ada bidang-bidang yang lain, yang dikatakan terlibat dengan kenaikan yuran, ianya perlu ditinjau mengapa dan kenapa sekiranya betul perkara itu perlu dilakukan, tetapi yang kita bincang sekarang ini ialah soal pelajar-pelajar yang hendak pergi membuat ijazah yang pertama.

Mengenai perkara yuran ini, ada ditimbulkan, saya tahu. Misalnya ada yang mengatakan kalau hantar ke universiti swasta ini bayarannya mesti tinggi daripada universiti kerajaan. Saya kata memang betullah, tetapi saya kata mana lebih tinggi kalau anak-anak ini pergi belajar sendiri di luar negeri ataupun kalau ia melibatkan sedikit bayaran yang lebih kita masih lagi boleh merundingkan dengan pihak universiti-universiti yang berkaitan. Saya tidak mahu perkara ini dicampuradukkan dengan perkara-perkara yang ada di hadapan kita ini, mungkin di majlis yang lain, di persidangan yang lain, Yang Berhormat boleh kemukakan ya......

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun lagi, hendak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Secara ringkas sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Apa lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana perkara yang saya timbulkan ialah kursus sarjana (masters) di Universiti Malaya bukan IPT swasta, ini ialah universiti kerajaan. Bolehkah saya dapat satu

jaminan daripada Timbalan Menteri bahawa yuran peperiksaan baik SPM, PMR atau peperiksaan awam yang dikelolakan oleh pihak kerajaan tidak akan dinaikkan, kerana kalau kita lihat kadar kenaikan untuk kursus sarjana (masters) Universiti Malaya adalah 44% hingga 67%. Jika ini diulangi untuk semua peperiksaan awam, baik PMR, SPM dan sebagainya, saya rasa itu satu kenaikan yang agak tinggi. Jadi, bolehkah saya mendapat satu jaminan bahawa ia sekurang-kurangnya akan dikekalkan pada tahap yang sama?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, banyak faktor yang kena diteliti sebelum kita hendak sama ada menaikkan ataupun tidak soal yuran, baik di peperiksaan awam ataupun peringkat-peringkat IPTA kita. Saya harap kalau di peringkat universiti, kalau hendak menaikkan yuran ia mesti ada sebab-sebab yang kukuh untuk berbuat demikian. Jika sekiranya untuk peperiksaan awam, kalau sekiranya yuran itu hendak dinaikkan, mesti ada sebab-sebab atau alasan-alasan yang cukup kukuh untuk Lembaga Peperiksaan atau Kementerian Pendidikan hendak menaikkan soal yuran ini. Cuma saya hendak simpul dengan mengatakan bahawa saya pun bersetuju, kalau boleh kita tidak payah naikkan lagi. Itu pendapat saya seorang, bukan pendapat kerajaan. Kita juga akan meneliti, kerana saya pun faham tentang kesan ataupun makna yuran ini kepada pelajar-pelajar kita.

Saya ingin menegaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita mengambil setiap langkah yang perlu untuk menjamin bahawa pelajar-pelajar kita dapat belajar, dapat ambil periksa dengan keadaan yang sebaik mungkin, seselesa mungkin. Saya tidak boleh janji, tidak naik, tidak akan naik lagi. Itu kerajaan DAP saya ingat bolehlah buat kerja macam itu. Kita dalam Barisan Nasional, we don't perform like that you know!

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada satu lagi perkara seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong iaitu soal sekolah satu sesi. Dalam pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kita memang menyatakan dengan jelas bahawa salah satu daripada sebab yang kita tangguhkan, bukan batal, kita tangguhkan pelaksanaan sekolah satu sesi selepas kita membuat secara percubaan di 28 buah sekolah di negara kita ini, salah satu sebabnya ialah implikasi kewangan yang melibatkan pelbagai bentuk lapisan baik dari segi tenaga, baik dari segi peralatannya, baik dari segi kemudahan-kemudahan asasnya dan lain-lain.

Selain daripada itu kita juga mengambil kira tentang keseluruhan persekitaran yang menyelubungi soal pelaksanaan sekolah satu sesi ini dan kita akan teliti untuk masa akan datang bagaimana caranya, kalau sekiranya kita hendak membuat sesuatu keputusan, maka soal kewangan dan lain-lain perkara yang ada hubung kait dengan pelaksanaan sekolah satu sesi itu akan diberikan penelitian yang yang secermat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada soal yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat juga mengenai kedaifan ataupun kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, khususnya untuk menampung kemudahan-kemudahan murid-murid belajar dalam mata-mata pelajaran sains. Saya hendak menegaskan di sini bahawa baru-baru ini kerajaan telah pun meluluskan satu peruntukan sebanyak RM150 juta untuk membantu sekolah-sekolah daif yang telah pun kita senaraikan. Daif makna di sini dari segi bangunannya, termasuklah juga peralatannya dan kita sedang di dalam proses untuk melaksanakan supaya sekolah-sekolah yang perlukan kepada bantuan itu dapat dibantu dengan secepat mungkin.

Cuma saya hendak tegaskan ataupun jelaskan di sini sedikit soal cara Kementerian Pendidikan berikan bantuan kepada sekolah-sekolah antara sekolah kebangsaan dengan sekolah rendah jenis kebangsaan, yang kita kata kita takrifkan sebagai bantuan modal dan bantuan penuh. Ini ada kaitan dengan Perlembagaan, ini ada kaitan dengan undang-undang. Jadi, cara yang paling mudah saya kata kalau boleh semua ahli lembaga pengurus itu dia serah title itu ataupun geran itu kepada kerajaan, saya ingat semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil esok pagi boleh dapat semua bantuan penuh. Itu masalahnya. Kita kena faham yang ini, kita bukan hendak beza-bezakan, tidak ada. Kalau sekolah bantuan modal pun kita beri....

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Seremban bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Saya ucapkan banyak terima kasih kerana telah memperuntukkan sebanyak beberapa ribu, RM100,000 untuk membantu sekolah-sekolah kurang maju. Soal

bantuan modal, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya ada pula sekolah-sekolah memang hendak serahkan tanah kepada pihak kerajaan. Sebenarnya di tangan saya pun ada beberapa sekolah di mana lembaganya ingin serahkan tanah kepada pihak kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan. Malangnya pihak Pendidikan ada keberatan untuk menerima dan diiktirafkan sebagai bantuan penuh, itu jadi masalah. Kalau serahkan sahaja dapat menyelesaikan masalah. Saya tidak tahulah, minta penjelasan sedikit sama ada peruntukan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan diberikan kepada bantuan modal supaya masalah tidak cukup bangku atau kerusi dan sebagainya dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau ada kes-kes yang spesifik, saya mohon dapat dipanjangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri ataupun saya sendiri supaya dapat diteliti. Tetapi dari segi prinsipnya, yang saya katakan tadi prinsipnya. Memanglah ini bantuan untuk sekolah daif yang saya katakan RM150 juta tadi termasuk semua jenis sekolah, kita beri belaka, fasal kita tidak ada hendak beza-bezakan antara anak-anak kita dalam soal memberi kemudahan belajar dalam negara kita ini.

Cuma saya hendak sambung sedikit lagi, ini soal penglibatan sektor swasta seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sebenarnya memang kita menggalakkan pihak swasta mengambil bahagian dalam program pembangunan pendidikan kita, dan caranya itu memang banyak. Kalau kita perhatikan pelbagai penglibatan diambil bahagian oleh sektor swasta untuk membantu murid-murid ataupun pelajar-pelajar, dan salah satu contoh yang boleh saya sebutkan ialah yang berkaitan dengan IT ialah projek Munsyhi. Ini satu projek yang ditaja sendiri oleh pihak swasta yang memberikan kemudahan-kemudahan komputer di sekolah-sekolah dan dikaitkan dengan Internet. Ada lagi pihak-pihak syarikat yang menyalurkan, memanjangkan kemudahan-kemudahan demikian kepada sekolah-sekolah, tetapi bilangan itu masih terhad. Kita memang mendapat kerjasama yang cukup baik daripada kalangan swasta untuk membantu anak-anak kita dengan membekalkan pelbagai kemudahan baik dari segi peralatan dan lain-lain untuk membolehkan mereka itu menikmati kemudahan yang lebih baik dalam masa mereka belajar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali soal yang ribut sedikit tadi. Ini soal kecemerlangan. Waktu Yang Berhormat dari Rompin bercakap, saya ada dalam Dewan ini. Yang Berhormat dari Tanjong tidak ada. Saya dengar cukup jelas, dia terima konsep kecemerlangan ini. Jadi, saya pun hairan fasal apa Ketua Pembangkang menjerit kuat sangat. Fasal apa dia over react. Saya fikir tidak perlu begitu. Hendak menuduh dan melemparkan sangkaan-sangkaan, pandangan-pandangan yang tidak manis ini tidak patut datang daripada Ketua Pembangkang. Fasal setiap Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini ada sumbangan itu. Tetapi yang paling banyak sumbang mestilah daripada Barisan Nasional. Takkanlah daripada DAP, takkan daripada parti pembangkang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Barang naik ada. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Baik. Jadi, dari segi pendidikan kita kata kita mahu jadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan cemerlang bagi kawasan rantau ini. Kita guna istilah cemerlang. Ramai daripada Ahli Yang Berhormat telah beri pandangan, dan saya pun dengar kalau pun tidak terima ataupun belum terima pandangan daripada Yang Berhormat sendiri, daripada Kota Melaka saya dengar. Tinggal lagi saya pada masa kini pakai atau tidak pakai itu hak saya. Jadi, pokoknya kita tidak - saya tidak pernah dengar Ahli Yang Berhormat daipada Barisan Nasional yang tidak terima konsep kecemerlangan. Yang Berhormat dari Rompin kata terang-terang dia terima konsep kecemerlangan. Cuma yang itu saya pun faham apa maksud Yang Berhormat dari Rompin. Saya faham apabila dia sebut uneven field. Saya pun faham itu yang ada dalam hati Yang Berhormat dari Tanjong, dari Kota Melaka. I think we are matured enough already, we know what is inside your heart, kita boleh baca. Tak cakap pun kita tahu apa pegangan terutama sekali DAP dalam soal pendidikan. Jadi, saya tidak payah cerita panjang.

Cuma yang saya hendak tekankan di sini bila Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata BN cuai, itu terlajaklah, itu kasarlah, itu tidak sepatutnya datang daripada Ketua Pembangkang. Mana kata Barisan Nasional ini cuai. Bukan kata dari segi pendidikan sahaja, dari segi keseluruhan kerja yang kita buat ini. Hendak katakan sekarang ini masalah ekonomi kerana kecuaian Barisan Nasional, saya tidak boleh hendak terima kenyataan itu. Tetapi bila kita kata soal pendidikan, soal ekonomi, soal pembangunan, takkanlah Ketua Pembangkang hendak kata kita cuai. Kalau kita cuai, Yang Berhormat dari Teluk Intan langsung tidak sampai ke Dewan ini. Fahamkah itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun pula.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat anggap satu kecuaian atau suatu kegagalan oleh pihak Barisan Nasional semasa mempopularkan IT ada sekolah-sekolah yang belum disambung bekalan elektrik.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Itu sahaja. Okaylah. Yang Berhormat, 40 tahun sudah merdeka, 8,000 lebih sekolah ada. Lebih kurang 1,600 sekolah menengah, bakinya hampir 7,000 sekolah rendah, termasuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang kita tidak ubah statusnya. Ini yang tidak ada elektrik, saya sudah beri kepada Ketua Pembangkang senarainya tahu. Dia minta saya beri, baik saya ini. Kalau baik dengan saya, saya baiklah. Kalau tidak baik, saya bantailah. Tetapi saya beri. Ada senarai itu. Cuba tengok elok-elok mana letaknya sekolah-sekolah itu. Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling, Yang Berhormat tahu di mana Ulu Tembeling. Kampung Bantal, Ulu Tembeling tahukah?

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Itulah, nampak. Sekolah Kebangsaan Kampung Nasi Dingin, Yang Berhormat tahukah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tahu. *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Nampak, tak mengapalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun pula.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak jawab.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya tidak habis lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak jawab sekarang.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Nantilah, tak mengapalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau baik, baik sampai habis. Jangan baik separuh-separuh.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Okay.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Sekolah-sekolah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya akui saya tidak tahu di mana. Tetapi kalau kita lihat tentang negeri, kebanyakan adalah terletak di Malaysia Timur, di Sabah dan Sarawak. Di sini saya hendak tegaskan, dalam sebuah negeri di mana kita anggap sebagai kaya dengan sumber semula jadi, saya rasa adalah sesuatu yang susah diterima. Itu sebab kita cakap adakah ia satu kecuaian atau satu kegagalan bila sekolah-sekolah ini tidak boleh dapat bekalan elektrik. Mengapa susah kita sambung dengan generator, sekurang-kurangnya kita beri elektrik. Kalau kita hendak buat komputer ada tetapi elektrik tidak ada. Ini saya rasa macam ada satu contradiction. Saya memang menghargai usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri bekalkan senarai sekolah-sekolah tersebut. Tetapi saya bukan Timbalan Menteri Pendidikan, saya tidak ada kemudahan seperti Yang Berhormat untuk pergi sana, pergi sini, tidak ada. Sungguhpun saya minat saya tidak ada kemudahan seperti demikian. Tetapi sungguhpun demikian, saya memang ambil berat tentang masalah ini. Sungguhpun tidak ada satu sekolah dalam kawasan saya yang tidak ada bekalan elektrik. Semua sekolah di kawasan saya ada bekalan elektrik. Tetapi sungguhpun begitu, sebagai rakyat Malaysia kita pun mesti prihatin tentang kawasan lain, di mana sekolah mesti, sepatutnya ada bekalan elektrik.

Saya harap kita jangan anggap ini sebagai kita tidak jujur. Kita memang ikhlas dalam perkara ini, kerana kita tidak ada apa-apa untung. Saya tidak akan pergi kawasan sekolah Ulu 'Belimbing' untuk bertanding. Kita tidak hantar calon ke sana langsung. Tetapi sungguhpun begitu, sungguhpun kita tidak ada kepentingan langsung kita masih memperjuangkan perkara ini, kerana ini adalah masa depan anak-anak kita. Sekian.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Yang pertama pembetulan, bukan Ulu Belimbing, Ulu Tembeling.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik, tidak mengapa, saya terima.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Yang kedua, ini istilah Malaysia Timur jangan pakai lagi. Sudah lama kita kata tidak usah pakai lagi istilah Malaysia Timur. Macam juga jangan pakai kalau hendak tanya soal peperiksaan pass atau tidak pass, istilah 'pass' tidak boleh dipakai. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sudah dipolitikkan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Eh, apa pula politiknya. Saya kata ini istilah

'Malaysia Timur', ini keputusan Kabinet, keputusan kerajaan, bukan saya buat keputusan. Tetapi dalam soal 'pas' tadi itu keputusan sayalah. Bahasa Malaysia itu tidak betul. Bahasa Malaysia yang betulnya 'lulus' periksa, bukan 'pas' periksa.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal sekolah yang tidak ada elektrik, kita sudah beri penjelasan di sini, kita tidak biar langsung, sekurang-kurangnya kita beri genarator. Kita hendak buat macam mana, Yang Berhormat. Kalau benda itu ada pun kemampun kita hendak beri, tetapi kemudahan-kemudahan itu belum siap, kita hendak buat macam mana. Di Kementerian Pendidikan ini, itu sebabnya kita sudah selaras dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kita minta tolong kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, minta tolong kepada Sabah Electricity Board, Sarawak Electricity Board untuk tolong Kementerian Pendidikan kalau boleh. Kita pun hendak lagi cepat bekalkan elektrik ini. Seribu lebih buah sekolah sahaja bukanlah macam mana teruk sangat. Bukan langsung tidak ada elektrik, bekalan itu ada melalui genarator yang kita beri. Tinggal lagi kalau dikaitkan dengan program IT ini pun ataupun computerisation ini pun, kita bukan hendak buat sekali harung 8,000 buah sekolah. Macam kita sudah umumkan untuk tahun 1999 hendak mula dengan sekolah Bestari, baru 90 buah sekolah sahaja daripada 8,000. Kita buat secara beransur-ansur. Saya yakin, insya-Allah, melalui kerjasama dengan wakil-wakil rakyat kita, kerajaan-kerajaan negeri, sampai masa kita akan lihat nanti sekolah-sekolah kita ini akan dapat bekalan-bekalan elektrik yang diperlukan dan sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan seperti juga yang dinikmati oleh murid-murid yang lain.

Saya menerima baik pandangan-pandangan, macam saya kata tadi untuk kebaikan anak-anak kita. Kita tidak usah sebut sangat pelajar, tetapi anak-anak kita yang kita kata bakal mewarisi apa yang ada sekarang ini. Kita akan ambil setiap langkah untuk cuba pastikan mereka dapat belajar dalam suasana yang baik, selesa dengan peralatan, dengan guru dan lain-lain. Jadi, yang hendak katakan Barisan Nasional ini cuai, itu saya payah hendak terimalah. Beritahu Yang Berhormat dari Tanjong, ayah awak bukan, beritahulah balik sekarang. *[Ketawa]* Itu tidak baiklah.

Apatah lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau soal ilmu dan keilmuan ini hendak diheret-heret, hendak dicampuradukkan dengan soal politik. Saya selalu kata jangan sekali-kali hendak 'politicise'kan soal ilmu, soal pendidikan. Di Malaysia jangan. Jangan mempolitikkan, jangan dipolitikkan. Katalah apa hendak katakan cara mana pun, maksudnya sama. Jangan sekali-kali dipolitikkan soal ilmu, keilmuan dan pendidikan, ini bahaya. Bahayanya kita sudah nampak, kita sudah rasa pun. Itu sebabnya kita kata pendidikan di Malaysia untuk semua. Semua orang ada hak, semua orang boleh belajar sampai mati pun, belajar. Sampai rambut putih macam saya pun boleh belajar, tidak ada hal.

Jadi, saya harap sangat mempolitikkan soal ilmu dan keilmuan dan pendidikan ini merupakan satu perbuatan yang amat merbahaya. Sebab kita hidup dalam sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang budaya, berbilang keturunan. Jadi, jangan sekali-kali kita hendak cari keuntungan politik daripada soal pendidikan ini. Kita akan cuba pastikan setiap daripada rakyat kita, anak-anak kita mendapat setiap kemudahan untuk mereka menimba ilmu dan pengetahuan.

Sepertimana Yang Berhormat dari Kepong tadi membangkitkan, mempertikaikan soal konon kursus-kursus, dia pun tidak berapa jelas, dia tidak tahu apa beza di antara Majlis Peperiksaan Malaysia, Lembaga Peperiksaan Malaysia dengan Pusat Pembangunan Kurikulum. Dia pun tidak berapa hendak faham. Jadi, ini soal kursus-kursus yang dibuat ataupun gerakan-gerakan yang dibuat untuk hendak tolong murid-murid, pelajar-pelajar di sekolah-sekolah itu dibuat oleh kebanyakannya Pusat Pembangunan Kurikulum (PPK). Kita buat gerak gempur, kita buat macam mana hendak mengajar sempoa, dia sebut sempoa. Benda itu kalau boleh, kalau sesuai kita galakkan, kita galakkan. Dahulu kita sudah pernah galakkan. Sekarang ini kita tengah....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mersing bangun pula, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** ....apa orang kata teliti lagi maca mana hendak memperbaiki, hendak menolong anak-anak kita ini belajar supaya dia lebih mahir dari segi ilmu kira-kira, metamatiknya. Kita hendak mempertingkatkan lagi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Mersing bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** ....pelajaran melalui sempoa ini dan lain-lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mersing bangun.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut berkenaan sempoa. Sebenarnya saya sudah lama hendak tanya fasal sempoa ini. Saya rasa saya ada sebut juga dalam ucapan semasa kita bahaskan Kementerian Pendidikan. Jadi, saya hendak tahu sejauh manakah kejayaan sempoa ini, ataupun setakat ini sejauh manakah kita sudah memperkenalkan pelajaran sempoa ini kepada anak-anak kita di sekolah rendah?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kita sudah lama perkenalkan sebenarnya. Sekarang ini melalui pengalaman yang kita dapat melalui usaha itu kita hendak pertingkatkan lagi pelaksanaan di sekolah-sekolah seberapa yang mampu oleh kerajaan. Ini soal kaedah mengajar yang kita hendak pertingkatkan melalui pelbagai kegiatan dan kursus yang dianjurkan terutama sekali oleh pihak Pusat Pembangunan Kurikulum.

Tuan Yang di-Pertua, ada lain-lain perkara saya fikir boleh kata semuanya saya telah rangkum belaka dan kita akan ambil tindakan atas perkara-perkara yang lain supaya dapat mencapai matlamat-matlamat ataupun hasrat yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucap banyak terima kasih di atas setiap pandangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 1997

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**8.40 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Ahli Parlimen Saraan Hakim (Pindaan) 1997 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta Saraan Hakim 1971 mengenai kiraan jumlah ganjaran yang boleh dibayar kepada hakim-hakim yang bersara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam seksyen 7 yang sedia ada ketika ini hakim-hakim yang bersara cuma dibayar ganjaran atas kadar 5% atau 1/20 daripada gaji akhir mereka. Selaras dengan keputusan kerajaan untuk menaikkan gaji dan elaun-elaun dalam sektor awam, kerajaan juga telah menyemak semua ganjaran, elaun-elaun dan keistimewaan hakim-hakim.

Sehubungan itu, kerajaan telah membuat keputusan untuk menyamatarafkan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan kepada hakim-hakim selaras dengan yang diterima oleh pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dengan mengekalkan prinsip relativity dan parity yang sedia ada di antara anggota perkhidmatan awam dan hakim dan ini berdasarkan kepada kadar kenaikan elaun dan ganjaran kepada kumpulan pengurusan tertinggi sektor awam gred utama A ke atas. Penyelarasan gaji dan elaun hakim ini termasuk ganjaran yang boleh diberi kepada hakim-hakim yang bersara yang memerlukan pindaan kepada seksyen 7, Akta Saraan Hakim 1971 supaya Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2, 1996 dijadikan terpakai juga bagi hakim di mana dalam pekeliling tersebut telah menetapkan ganjaran yang boleh dibayar kepada pegawai kerajaan apabila pencen dinaikkan daripada 5% atau 1/20 daripada ganjaran akhir diterima oleh pegawai berkenaan kepada 7 1/2%.

Oleh itu, seksyen 7 Akta Saraan Hakim 1971 dipinda dengan mengganti perkataan "1/20 daripada gaji yang akhir diterima bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatannya" diganti dengan perkataan "7 1/2% daripada amaun yang terhasil dengan mendarabkan jumlah bulan genap perkhidmatannya sebagai hakim dan gaji akhir yang diterimanya atau ringkasnya 7.5% kali jumlah genapnya perkhidmatan yang boleh dimasuk kira kali gaji akhir yang diterima."

Pindaan ke atas seksyen 7 tersebut di atas disifatkan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995 dan akan melibatkan perbelanjaan kerajaan yang mana jumlahnya belum dapat ditentukan lagi. Dengan penjelasan-penjelasan di atas saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1997. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Teluk Intan.

8.43 mlm.

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya ingin membahaskan mengenai Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim 1971. Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menerangkan hajat mengapa akta itu perlu dipinda. Yang Berhormat telah mengatakan adalah berkaitan dengan bila mereka genap berkhidmat, iaitu selepas bila hakim ingin bersara. Saya ingin memberi pandangan bahawa pada Akta Ibu (Mother Act or the Main Act) tiada apa-apa peruntukan untuk hakim-hakim bersara sebelum mereka mencapai umur 65 selain dari, kalau dikatakan akan di'medical leave for the doubt', dengan izin.

Jadi, saya harap seperti yang telah ada dalam undang-undang di luar negeri. Saya juga katakan aduan telah dimaklumkan oleh hakim-hakim di negara ini. Beberapa hakim yang ingin bersara sebelum mereka mencapai umur 65, tetapi tidak ada ruangan untuk berbuat demikian. Jadi, saya berharap bahawa perkara ini akan diteliti, akan dikaji. Ini adalah kerana memberi satu insentif kepada hakim-hakim yang telah dilantik dan telah berkhidmat yang ingin bersara lebih awal, katakan pada umur 60 atau 55 tetapi mereka terikat dengan undang-undang yang sedia ada yang tidak membenarkan mereka bersara, melainkan jika mereka medical leave for the doubt yang telah pun terjadi kepada seorang hakim sebelum ini.

Jadi, saya mohon agar satu kajian menyeluruh dibuat dan pandangan-pandangan dari hakim-hakim di negara ini supaya peruntukan atau perubahan dibuat kepada akta-akta berkenaan membenarkan hakim-hakim yang ingin bersara. Oleh kerana hakim-hakim yang saya telah jumpa yang telah memberitahu kepada saya, mereka berkata mereka telah berkhidmat 10, 20 tahun tetapi berasa bahawa sudah datang masa untuk mereka bersara untuk berkhidmat di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Sambung esok.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.***